

# Singa Yang Mengaum

Tafsiran Amos

Dr Paul A Barker

Upstream Publishing  
Singa Yang Mengaum

hakcipta@2015 Upstream Publishing

Penulis: Dr. Paul A Barker  
Penterjemah: Gideon Lazarus  
Penyunting: Evelyn Tan Hwee Yong

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian bab, isi kandungan buku ini dengan apa jua bentuk dan dengan cara apapun, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Upstream Publishing.

Diterbitkan oleh:  
Upstream Publishing  
C703 Block C  
Perdana Condo  
PJU 8/1  
Damansara Perdana  
47820 Petaling Jaya  
Selangor

ISBN: 978-967-11065-12773-1-7

Dicetak oleh:  
JESS CONCEPT  
No: 20-0-4, Jalan 1/108C  
Taman Sg. Besi  
57100 Kuala Lumpur

# KANDUNGAN

<b>Prakata</b>	v
<b>1 Sudah Terlanjur, Tersasar Langkah (Amos 1:1-2:16)</b>	1
<b>2 Faktor Besar Yang Terabai Dalam Kemakmuran (Amos 3:1-15)</b>	21
<b>3 Kegagalan Mengamati Peringatan (Amos 4:1-13)</b>	35
<b>4 Satu-Satunya Peluang Terakhir (Amos 5:1-17)</b>	51
<b>5 Penyembahan Yang ‘Tidak Kena’ (Amos 5:18-27)</b>	67
<b>6 Kealpaan Lantaran Menurut Nafsu (Amos 6:1-14)</b>	83
<b>7 Titik Penghujung Kesabaran Tuhan (Amos 7:1-17)</b>	97
<b>8 Sudah Tiba Masanya (Amos 8:1-14)</b>	115
<b>9 Biarpun Samar-Samar, Harapan Tetap Ada (Amos 9:1-15)</b>	131
<b>Bacaan Tambahan Yang Disyorkan</b>	149



## .....PRAKATA.....

**M**inat saya terhadap Kitab Amos bermula ketika saya mengajar Kitab Amos di Maktab Pengajian Tinggi Cheltenham dan Gloucester pada tahun 1993 bersama-sama dengan Profesor Gordon Wenham, penyelia tesis kedoktoran saya. Seterusnya saya menyampaikan satu siri khutbah (Kitab Amos) di Gereja Anglikan Holy Trinity, Doncaster, Melbourne ketika saya bertugas sebagai Padri Kanan di situ.

Penghargaan yang berupa ucapan terima kasih saya rakamkan kepada Lydia Kinda kerana mentranskripsikan isi khutbah asal, dan juga kepada Kim Len Cheah dan Faith Sherman dan Marven Harkness yang begitu bermurah hati dalam hal penyuntingan semua transkripsi sehingga sesuai untuk dibaca dalam Bahasa Inggeris. Sekalung budi saya hulurkan kepada Gideon Lazarus yang menterjemahkan buku ini ke dalam Bahasa Malaysia, dan Tan Hwee Yong yang menyunting karya ini.



# 1

## Sudah Terlanjur, Tersasar Langkah

(Amos 1:1 – 2:16)

**M**endengar para musuh kita dicela dan dikecam terang-terangan memang mengusap ego kita. Khabar sedemikian seolah-olah begitu menguatkan keyakinan kita lagi. Tentu mereka yang hidup semasa Perang Dunia Kedua begitu senang apabila mendengar Firman-Nya yang bersabda, “Aku menentang musuh-musuh kamu.”

### **Pengadilan Allah Terhadap Para Jiran Israel**

Seandainya anda seorang warga Israel purba, tentunya anda amat senang serta menyambut baik kata-kata pembukaan Amos sebab tumpuannya dalam Bab 1 diajukan melulu terhadap musuh-musuh Israel apalagi pengadilan yang kelak dijatuhkan Allah ke atas mereka. Jika anda mendengar Amos mengatakan bahawa Allah akan menghakimi Aram (Syria) di sebelah utara, anda akan berkata, “Ya, Allah memang di pihak kita.” Kemudian apabila Allah mengalihkan perhatian-Nya kepada warga Filistin di sebelah selatan, anda akan bertepuk riang dan bersorak-sorai dengan kuat sebab orang Filistin sememangnya musuh purba Israel. Anda boleh membayangkan bangsa Israel itu mendengar dengan penuh

minat lantas ingin menyetujui dengan nabi yang datang menguaru-  
uarkan Firman Allah dalam kalangan mereka, dan menentang  
setiap satu daripada enam pihak musuh Israel itu dalam bab-bab  
permulaan kitab ini. Tentunya Israel yang merupakan sebuah  
negara yang kaya lagi mewah dan berkelimpahan pada tahun 740  
SM senang sekali mendengar Amos mengulangi rumusan  
pengadilan enam kali ganda terhadap para jiran umat-Nya iaitu  
musuh-musuhnya yang berlain-lainan.

### ***I. Damsyik***

Allah berfirman dalam Amos 1:3 “Kerana tiga perbuatan jahat  
Damsyik, bahkan empat, Aku tidak akan menarik kembali  
hukuman bagi-nya. Damsyik ialah ibu negara Syria, sebagaimana  
keadaannya sekarang juga” (ia terletak di arah timur laut negara  
Israel, dan dalam dunia purba ia kadangkala dipanggil “Aram”).  
Sebagaimana yang dipetikkan dalam Kitab Raja-Raja, selama  
tempoh waktu 150 tahun sehingga perkataan Amos, Syria memang  
merupakan musuh utama para umat Allah, biarpun adakalanya  
mereka saling mengadakan perikatan. “Kerana tiga pelanggaran  
bahkan empat,” kata Amos. Namun ini tidak bermakna bahawa  
umat negara Aram hanya membuat dosa sebanyak tiga atau  
empat kali, tetapi ini sekadar simpulan bahasa yang bererti mereka  
telah melampaui batas. Mereka telah terlalu banyak membuat  
dosa dan kesabaran Allah sudah diuji melampaui hadnya. Sudah  
cukup lama, Allah mengekang amarah-Nya, tetapi kini sudah tiba  
masa untuk difirmankan-Nya kata-kata pengadilan terhadap  
negara tersebut.

Apakah yang telah Aram lakukan sehingga membangkitkan  
amarah-Nya yang sedemikian rupa dan mencabar kesabaran-  
Nya? Kita baca iaitu., ‘... kerana mereka telah mengirik Gilead

dengan eretan pengirik dari besi.' (1:3). Gilead ialah jiran negara Aram dan juga Israel yakni jiran yang terletak arah ke selatan kedua-dua negara tersebut. Rupa-rupanya memang ada peperangan antara ketiga-tiga mereka. Bukan sahaja Syria telah memenangi peperangan tersebut malah dengan kejayaannya itu, Syria telah bertindak dengan kekejaman tanpa belas kasihan atas Gilead dengan menggunakan pengirik besi. Pada zaman purba itu, untuk mengeluarkan bijiran dan gandum mereka, para petani mengikat kepingan besi dan batu besar dengan tali lalu mengheret 'alat' itu di atas bijiran itu lantas mengirikinya. Begitulah gambaran tentang apa yang terjadi apabila Gilead ditumpaskan oleh angkatan Syria dalam peperangan. Mereka akan 'mengirik' mangsa mereka lalu membelah tubuh serta mengoyak-ngoyakkan daging mereka daripada anggota badan mereka.

Ini mungkin gambaran secara harfiah bagi jenayah perang yang gasar lagi kejam. Biarpun sesetengah pihak menyarankan yang gambaran itu mungkin sekadar kiasan atau metafora, walau bagaimanapun hal ini menimbulkan pernyataan betapa kejinya tindakan Syria. Amalan-amalan keji sedemikian tidak perlu dilakukan dalam peperangan. Ya, mungkin mereka memenangi pertempuran tetapi mereka dituduh melakukan jenayah yang begitu dahsyat terhadap insaniah.

Maka, sebagai balasan, Allah akan mengirihkan api untuk menimpa rumah Hazael (Ben-hadad, iaitu putera raja Syria yang bertakhta beberapa tahun sebelum Amos tampil) dan untuk memusnahkan kubu-kubu pertahanannya. Aku akan mematahkan palang pintu Damsyik (iaitu ibu negerinya), dan melenyapkan penduduk dari Bikeat-Awen serta pemegang tongkat kerajaan dari Bet-Eden; dan rakyat Aram harus pergi sebagai orang buangan ke Kir (1:4-5). Negara itu akan dimusnahkan oleh api Pengadilan Allah. Negara itu akan lenyap. Begitulah Firman-Nya.

## 2. Gaza

Amos meneruskan penyampaiannya, “Kerana tiga perbuatan jahat Gaza, bahkan empat, Aku tidak akan menarik kembali keputusan-Ku” (1:6). Semenanjung Gaza di pesisiran Laut Mediterranean (di sebelah selatan Negara Israel moden) masih wujud malah terletak di tempat yang sama sehingga hari ini, tetapi negara Gaza pada zaman Amos itu bertaraf banda raya Negara Filistin yang terulung. Amos telah mengalihkan tumpuannya dari timur laut ke arah barat daya — iaitu titik setentang pada kompas. Selama tempoh banyak tahun, negara Filistin telah menjadi musuh utama negara Israel; sebagai contoh, Samson dibesarkan untuk menjadi hakim bagi Israel untuk menentang Filistin (Hakim-Hakim 13:24-16:31) dan dalam era pemerintahan Saul dan juga Daud, sememangnya Filistin merupakan musuh paling utama mereka.

Apakah yang telah dilakukan oleh orang Filistin yang sekian dahsyat untuk menimbulkan amarah Allah yang begitu panas baran hinggakannya Dia tidak lagi bersedia bersikap sabar dan bertolak ansur lagi terhadap mereka? Amos 1:6 memberitahu kita, ‘...mereka telah mengangkut ke dalam pembuangan suatu bangsa seluruhnya, untuk diserahkan kepada Edom’. Pihak Filistin bukan sahaja telah menumpaskan para musuh mereka (mungkin Israel dan Yehuda, iaitu para warga Allah), bahkan mereka turut mengangkut seluruh komunitinya lalu menjualkan mereka sebagai hamba abdi. Komuniti sedemikian bukan sahaja terdiri daripada para anggota tentera dan para jeneral tetapi turut merangkumi orang awam sama ada lelaki, perempuan dan kanak-kanak. Mereka bergiat dalam perniagaan hamba abdi dari kalangan mereka yang ditewaskan — yakni para mangsa peperangan yang tidak berdaya. Memang perbuatan itu berbeza daripada jenayah perang pihak Aram, namun perbuatan mereka itu sama daripada aspek kekejaman dan tidak berperi berperikemanusiaan.

Bagi perbuatan mereka itu, akan tiba hukuman Allah (1:7-8). Dia akan melepaskan api ke dalam tembok sehingga purinya dimakan habis. Allah akan menenyapkan penduduk dari Asdod serta dari kota-kotarnya utama lain di Filistin. Barangkali 'pemegang tongkat kerajaan dari Askelon' (1:8) merujuk kepada hal menewaskan raja; dan 'Aku akan mengacungkan tangan-Ku melawan Ekron' pula merujuk kepada antara kota-kota rayanya yang lain. Mana-mana sisa-sisa Filistin akan dibinasakan, dan tidak akan ada sisa lagi. Pengadilan Allah mutlak, demikianlah Firman Allah.

### **3. Tirus**

Amos menyambung semula pengadilan itu. Sudah dua titik kompas yang diliputinya, iaitu arah timur laut dan barat daya. Kini beliau pergi ke barat laut dan mengalihkan perhatiannya kepada Tirus, iaitu negara Lebanon pada zaman moden ini. "Kerana tiga perbuatan jahat Tirus, bahkan empat, Aku tidak akan menarik kembali keputusan-Ku" (1:9). Tirus sebuah pusat utama negara Phoenicia dan juga sebuah pelabuhan serta tempat berdagang. Sebagaimana dengan negara Aram dan Filistin juga, (selama sebahagian besar daripada sejarah negara Israel, terutamanya tempoh waktu membawa ke zaman Amos) sebahagian besar sejarah negara Israel khususnya jangka waktu yang menuju ke zaman Amos. Tirus memang musuh negara Israel walaupun pada zaman Salomo, Tirus merupakan sekutunya. Buktinya, ketika rumah bagi Allah sedang dalam pembinaan di Yerusalem, Tirus menyediakan kayu aras untuk bangunan itu; Hiram rajanya bersahabat dengan Daud serta Salomo.

Apakah perbuatan atau tindakan Tirus yang sebegitu keji dan dikira terlalu salah? Mereka berjaya mencapai kemenangan. Namun begitu, atas sebab mereka tidak mengingati perjanjian

persaudaraan dengan Israel (1:9), mereka dianggap lebih dahsyat daripada pihak Filistin. Mereka telah memansuhkan perikatan dengan para umat Allah serta dengan Daud dan juga Salomo. Pada mata Allah, perbuatan mereka yang tidak mengotakan kata-kata mereka juga patut dihakimi. Maka, seterusnya Allah akan melakukan yang sama sebagaimana yang dilakukan-Nya atas Aram dan Filistin; Dia akan melepaskan api ke tembok Tirus, yakni api yang akan memakan habis segala purinya (1:10). Akan tiba pengadilan Allah ke atas bangsa itu disebabkan perlakuannya yang tidak berperikemanusiaan atas orang lain semasa peperangan, dan juga atas sebab tidak mengotakan perjanjian persaudaraannya. Begitulah Firman Tuhan.

#### **4. Edom**

Titik kompas yang keempat menuding ke arah tenggara di mana terletak tiga buah negara iaitu Edom, Amon dan Moab. Amos mengalihkan perhatiannya ke arah setiap satunya secara bergilir. “Kerana tiga perbuatan jahat Edom, bahkan empat, Aku tidak akan menarik kembali keputusan-Ku” (1:11). Sekali lagi, Edom, musuh jangka masa lama bagi Israel, telah berdosa terhadap Allah dan akan mengakibatkan amarah serta pengadilan Allah yang pasti berlaku ke atas dirinya sendiri. Dosa utama Edom bukanlah sikap permusuhannya terhadap umat Allah, tetapi masalah Edom sebenarnya ialah kurangnya rasa belas kasihan. Edom ‘mengejar saudaranya dengan pedang dan mengekang belas kasihannya, memendamkan amarahnya untuk selamanya dan menyimpan gemasnya untuk seterusnya’ (1:11). Dalam hubungannya dengan para jirannya, Edom bertindak dengan kekejaman dan sikap tidak berperikemanusiaan. Memang Edom penghasut peperangan, tambahan lagi bersikap bermusuhan, dan tidak dapat dipujuk untuk berubah.

Malah, lebih dahsyat lagi, di tengah-tengah pengutukan terhadap Edom ini muncul fakta Edom ‘mengejar saudaranya dengan pedang’. Negara Edom memang keturunan daripada Esau iaitu saudara kembar Yakub — yang merupakan bapa bagi bangsa Israel. Sungguhpun kedua-dua negara bersaudara, sepanjang sejarah Israel, sikap permusuhan Edom tidak pernah berakhir atau luput, malah berterusan lama selepas zaman Amos. Lantaran itulah Allah ‘akan melepas api ke dalam Teman, sehingga puri Bozra dimakan habis’ (1:12), yakni bandar-bandar raya utama Edom. Demikianlah firman Allah.

## **5. Amon**

Negara kedua ke arah tenggara Israel ialah Amon. “Kerana tiga perbuatan jahat bani Amon, bahkan empat, Aku tidak akan menarik kembali keputusan-Ku” (1:13). Negara Amon yang berketurunan daripada Lot iaitu anak saudara kepada Ibrahim, terletak dalam kedudukan negara Yordan masa kini. Malahan Amman iaitu ibu negara Yordan pada hari ini, mengambil namanya bersempena dengan nama kaum Amon, sungguhpun ibu negaranya pada era Perjanjian lama dipanggil Rabbah. Sekali lagi, Amon, seperti negara lain bersalah atas jenayah dahsyat sewaktu peperangan. Demi usaha mereka untuk meluaskan wilayah mereka, warga Amon pernah membelah perut kaum wanita yang mengandung di Gilead. (Gilead ialah jiran Aman yang di sebelah barat, yakni berkedudukan di antara Syria dengan Amon.) Pada suatu masa dalam sejarah, Amon pernah menumpaskan Gilead dalam peperangan, namun bukan peperangan demi mempertahankan diri tetapi peperangan yang bercorak pencerobohan. Amon mahu meluaskan kawasan serta batas sempadannya.

Namun begitu perbuatan mereka terhadap para wanita yang mengandung di Gilead itu memang jauh melewati sebarang corak tindakan yang perlu dilakukan mereka demi meluaskan sempadan. Lagi pun, adakah mana-mana negara yang perlu memusnahkan kaum wanita yang mengandung demi pemerluasan jajahan takluknya? Tindakan itu satu lagi jenayah cabul terhadap insaniah sewaktu peperangan. Lantas atas pencabulan dahsyat itu, Amon telah membangkitkan pengadilan dan amarah Allah. Sekali lagi, kenyataan ini bukanlah secara harfiah; mungkin ini merupakan ungkapan kiasan atau hiperbola. Namun begitu, memang para warga Amon telah melakukan jenayah yang dahsyat terhadap kaum insaniah, yakni perbuatan penuh kekejaman dalam peperangan biarpun tindakan tersebut memang langsung tidak perlu dilakukan. Sebagaimana yang Dia akan bertindak atas lain-lain bangsa dan negara, Allah “akan menyalakan api pengadilan-Nya, kali ini terhadap tembok Raba ibu negara itu, iaitu sehingga purinya dimakan habis, diiringi sorak-sorai pada waktu pertempuran, diiringi angin badai pada waktu puting beliung; dan raja mereka harus pergi sebagai orang buangan, ia bersama-sama dengan pembesar-pembesarnya’ (1:14-15). Negara itu akan dimusnahkan oleh pengadilan Allah. Demikianlah firman-Nya.

### **6. Moab**

Negara ketiga yang terletak ke arah tenggara Israel ialah Moab. “Kerana tiga perbuatan jahat Moab, bahkan empat, Aku tidak akan menarik kembali keputusan-Ku” (2:1). Moab memang sebuah negara yang ada hubungan persaudaraan dengan Amon, yang juga daripada keturunan Lot. Sebagaimana perlakuan Amon, segala tindakan Moab sudah keterlaluan. Dosa mereka yang

menguji kesabaran Allah melebihi hadnya ialah perbuatan mereka membakar tulang-temulang Raja Edom hingga menjadi kapur (2:1). Bagi umat dunia purba, pembakaran mayat sering dianggap sebagai sesuatu yang kelak menghalang sebarang kemungkinan terjadi kehidupan sesudah kematian. Maka di dunia purba itu, pembakaran mayat dipercayai akan menghalang kebangkitan semula seseorang selepas kematiannya. Di sini, nampaknya Moab yang telah menumpaskan Edom (iaitu salah sebuah negara antara negara-negara yang berjiran dengannya) dalam peperangan pada suatu titik dalam sejarah. Seterusnya mereka bukan sekadar menumpaskan Edom tetapi, telah mengambil kira yang remeh-temeh dan telah bertindak dengan berfikiran sempit, serta amat mengaibkan dengan membakar habis tulang-temulang raja Edom yang telah mereka tewaskan itu. Perbuatan mereka itu langsung tidak perlu untuk menyatakan kemenangan mereka. Itu adalah satu lagi jenayah perang sebegitu hina yang diapikan oleh sikap balas dendam dalam kalangan umat yang sempit fikiran. Maka, sebagaimana lima buah negara yang tersenarai sebelumnya (Moab), Allah ‘melepaskan api ke dalam Moab dan api itu akan makan habis puri yakni kubu-kubu Keriot (bandar raya utamanya) dan Moab akan mati di dalam pergaduhan diiringi sorak-sorai pada saat sangkakala berbunyi.’ Allah akan melenyapkan penguasa dari antaranya dan membunuh segala pembesarnya bersama-sama dengan dia’ (2:2-3). Demikianlah firman-Nya.

Bagi keenam-enam negara itu, perkataan Amos segera menjadi kenyataan. Asyur yang terletak lebih jauh ke arah utara ialah kuasa utama dunia pada abad kelapan. Asyur mara ke bawah yakni ke arah selatan lalu menakluki negara-negara ini, dan setelah itu sebahagian besar daripada bangsa/negara-negara itu yang tidak lagi tegak sebagai negara bangsa sendiri atas usaha mereka sendiri.

## Allah Akan Menghakimi Semua Bangsa

Sekurang-kurangnya ada dua pengajaran daripada perkataan yang menyanggah bangsa-bangsa ini. Pertama sekali, kita diperingatkan Allah ialah Allah bagi semua bangsa. Allah yang disebut dalam Alkitab bukan sahaja Allah bagi warga Kristian daripada tamadun Barat tetapi Dia Allah semua bangsa, tidak kira sama ada negara itu yang memberi penghormatan terhadap nama Allah. Allah yang sama itu juga terlibat dalam hal-ehwal antarabangsa sebab dunia ini milik-Nya dan Dia menyayangi dunia ini dan Dialah yang akan menghakimi dunia ini.

Kadangkala apabila kita melihat akan pelbagai kengerian serta kekejaman yang terjadi di dunia kita ini, yakni yang banyak persamaannya dengan apa yang kita temui dalam ayat-ayat dalam Kitab Amos 1 dan 2 ini, kita bagaikan tertanya-tanya apakah yang Allah sedang lakukan dalam dunia ini, dan mengapa Dia tidak bertindak. Sebahagian daripada jawapannya ialah Allah sedang menunggu waktu-Nya untuk bertindak dan Dia masih bersabar lagi terhadap bangsa-bangsa. Namun begitu sebagaimana dengan keadaan bangsa-bangsa dalam Perjanjian Lama ini, begitu jugalah dengan keadaan pada masa kini, iaitu pastinya pada suatu hari kelak, akan berakhirlah kesabaran Allah lantas Allah akan mengenakan pengadilan-Nya terhadap segala jenayah yang sebegitu dahsyatnya.

Pengajaran kedua untuk kita pelajari daripada segala perkataan ini setakat ini ialah Allah menghakimi walaupun atas kalangan umat “jahiliah” yakni kaum yang tidak percaya pada sebarang agama utama dunia. Memang mudah terfikir betapa Allah boleh mempertanggungjawabkan para warga Kristian atas sebab mereka mengetahui tentang-Nya maka mereka layak menerima pengadilan-Nya. Namun begitu negara-negara yang tersebut ini tidak pernah mengenali Allah seperti yang

dinyatakan dalam Alkitab malah juga tidak maklum akan perkataan di dalam Alkitab. Mereka bukan daripada susur galur keturunan Ibrahim. Allah tidak menyelamatkan mereka daripada perhambaan dan mereka juga tidak pernah menerima firman-Nya. Padanannya pada hari ini ialah mereka yang bukan Kristian, yakni umat yang tidak pernah mendengar tentang Yesus Kristus mahupun tentang perkara-perkara mengenai dengan Allah.

Tentunya ramai antara kita yang mahu mengatakan, “Yalah, bagaimana mereka boleh dihakimi Allah seandainya mereka tidak tahu perkara-perkara berkenaan Allah?” Walau bagaimanapun, Allah akan menghakimi semua orang. Dia mungkin tidak menghakimi mereka berdasarkan pengetahuan mereka tentang Yesus Kristus (biarpun kejahilan bukannya alasan). Bangsa-bangsa ini akan dihakimi berdasarkan isu-isu berkaitan dengan moral, atas pelbagai jenayah terhadap kemanusiaan dan prinsip moral dalam hal peperangan. Mereka akan dipertanggungjawabkan oleh Allah yang Maha Kuasa. Tidak kiranya seseorang itu Kristian atau bukan, Allah tetap menghendakinya mematuhi piawaiian moral, dan bahagian ini memperingatkan kita bahawa Allah akan menghakimi semua orang.

## **Pengadilan Allah atas Yehuda dan Israel**

### **7. Yehuda**

Amos tidak berhenti setakat menyatakan tentang enam buah negara musuh itu malahan seterusnya perkataannya mungkin lebih mengejutkan berbanding dengan yang terdahulu. Dia meneruskan siri pengadilan terhadap bangsa-bangsa: “Kerana tiga perbuatan jahat Yehuda, bahkan empat, Aku tidak akan menarik kembali keputusan-Ku” (2:4). Sebagaimana para warga Israel, para warga Yehuda juga memang umat Allah. Sebelumnya

Yehuda dan Israel pernah merupakan satu bangsa di bawah pemerintahan Saul, Daud dan Salomo. Separuh bagian pertama dalam Perjanjian Lama berkisah tentang warga Allah, yang terdiri daripada Yehuda dan Israel secara bersama-sama. Hanya sesudah kematian Salomo kira-kira 180 tahun sebelum Amos barulah bangsa yang bersatu berpecah menjadi dua. Israel, negara di sebelah utara memisahkan diri daripada Rehoboam, iaitu putera dan juga pengganti Raja Salomo. Negara sebelah selatan itu dipanggil Yehuda, dan kedua-dua negara terus kekal sebagai warga Allah.

Pada zaman Amos, biarpun kedua-dua bangsa itu sebenarnya negara yang bersaudara, mereka saling bermusuhan. Malahan beberapa tahun sebelum era Amos, yakni dalam ingatan kekal para pendengar ucapan Amos, raja negara Israel yang berada di sebelah utara telah memerangi dan menewaskan Yerusalem lalu mengambil sesetengah isi perbendaharaan dari rumah Allah. Maka, apa yang dahulunya sebuah negara bangsa kini terpecah menjadi dua dan saling bermusuhan pula.

Tanpa disangkal lagi segala perkataan itu memang susah untuk dikatakan oleh Amos, malahan ia lebih berat lagi memandangkan Amos sendiri datang dari Yehuda, dan atas panggilan Allah, telah ke negara sebelah utara yakni Israel. Namun begitu, apabila warga Israel yang sebelumnya pernah mendengar kata-kata kecaman daripada enam pihak musuh lama mereka yang menyelar mereka, mendengar pula perkataan Amos itu terhadap Yehuda, berkemungkinan berfikir, "Ya, mungkin Yehuda pernah bersama-sama dengan kita pada masa lalu, tetapi kini mereka itu musuh kita, dan jelas Allah berada di pihak kita. Ya! Kami bersetuju benar, kami bertepuk tangan dan kami memberi sorakan atas perkataan Amos yang kini menangani para musuh terdekat kami." Apakah kesalahan yang dilakukan oleh Yehuda hingga mewajarkan pengadilan sedemikian daripada Allah?

Amos berkata ‘mereka bukan sekadar telah menolak hukum Tuhan, dan tidak berpegang pada ketetapan-ketetapan-Nya, tetapi disesatkan oleh dewa-dewa kebohongannya, yang diikuti oleh nenek moyangnya,’ (2:4). Itu tidak mungkin suatu jenayah terhadap kemanusiaan; tidak mungkin setara dengan jenayah-jenayah perang yang demikian serius, kasar lagi kejam, ganas serta cabul seperti yang memang jelas dilakukan oleh enam buah negara bangsa itu. Maka adilkah Yehuda dihakimi atas dosa-dosa remeh-temeh seperti mengingkari undang-undang Allah? Adakah memang benar-benar adil sampai Allah menimpa api ke dalam Yehuda, sehingga puri Yerusalem dimakan habis atas sebab Yehuda melanggar undang-undang pada bahagian awal Perjanjian Lama (2:5)? Allah berjanji untuk melepaskan hukuman yang sama atas Yehuda yakni hukuman yang sama seperti yang dilepaskan-Nya atas enam buah negara bangsa sebelumnya. Bukankah dosa kesalahan mereka dalam kelas yang berbeza? Di sini, tidakkah Allah bertindak dengan sedikit tidak adil?

Tidak. Menurut neraca dan skala nilai Allah, perbuatan melanggar hukum-Nya sama buruknya dengan jenayah cabul asasi terhadap umat manusia seperti yang dilakukan oleh enam buah negara bangsa itu.

## **8. Israel**

Dalam dunia Israel zaman purba, angka tujuh sering membawa pengertian bahawa sesuatu itu lengkap atau sempurna. Jika warga Israel telah mendengar perkataan Amos dan menghitung, tentunya mereka menyedari bahawa mereka kini telah sampai ke negara yang ketujuh. Saya menjangka kebanyakan daripada mereka berfikir bahawa Yehuda merupakan kemuncak siri ini. Memang banyak kali dalam Perjanjian Lama “kumpulan” (yang terdiri daripada) tujuh perkara’ biasanya menandakan yang

sesuatu itu sudah genap. Tetapi, Amos masih ada banyak lagi untuk disabdakannya. Memang dia tidak mengakhiri perkataannya dengan Yehuda.

Ini tidak merupakan siri tujuh perkara yang lengkap, tetapi lebih seperti lapan oktaf dalam muzik. Jika anda menyanyi secara meningkat dalam skala muzik maka anda akan mendapati nota ketujuh yang menantikan nota kelapan. Cuba dengarkan suatu skala muzik atau mainkannya dengan piano secara skala yang meningkat naik: 'dah, dah, dah, dah, dah, dah, daaaah ...' dan anda menunggu akan nota kelapan iaitu nota yang terakhir. Itulah yang berlaku dalam perkataan (yang disampaikan oleh) Amos. Skala nadanya meningkat hingga mencapai nota ketujuh, tetapi nota ketujuh perlu meningkat ke (nota) yang kelapan. Itu tidak lengkap tanpa (nota) yang terakhir oleh itu beliau mengalihkan pandangannya kepada negara bangsa sendiri: "Kerana tiga perbuatan jahat Israel, bahkan empat, Aku tidak akan menarik kembali keputusan-Ku" (2:6).

Langkah demi langkah, Amos memang telah menangani hal para jiran Israel, yakni mengutuk para musuh tradisi Israel itu. Dia mengutuk Tirus, yang ada perikatan dengan Israel, serta mengutuk Edom dan Moab dan Amon yang ada kaitan perhubungan persaudaraan sejak zaman Kejadian lagi, dan seterusnya mengutuk Yehuda, rakan senegara bangsa dan kalangan umat Allah. Akhirnya, Amos memacu ke intisarinya dan berusaha melembutkan Israel sendiri. Ya, dia berjaya memenangi tepukan pujian mereka, menguasai tumpuan mereka dan telinga mereka, lantas apabila mereka mendengarnya mengecam para jiran mereka maka mereka akan berkata, "Ya, berikan lebih lagi kepada kami; ya, kami mahu mendengar lagi banyak lagi!" Kemudian, tentunya dia membingkaskan jebaknya lantas menumbuk perut mereka setelah berjaya menangkap mereka yang tidak menyedari rencananya.

“Kerana tiga perbuatan jahat Israel, bahkan empat, Aku tidak akan menarik kembali keputusan-Ku” (2:6). Tidak syak lagi, warga Israel memang begitu bersedia dan sungguh berminat untuk mendengar perkataannya, tetapi rupa-rupanya mereka terkena bahana ‘sangat di ekornya’.

Apakah yang telah dilakukan oleh Israel yang mewajarkan penghukuman Allah? ‘Mereka menjual orang benar kerana wang dan orang miskin kerana sepasang kasut (2:6). Berapa sangatlah harga sepasang kasut. ‘Mereka menginjak-injak kepala orang lemah ke dalam debu dan membelokkan jalan orang sengsara’ (2:7). Pada masa itu, Israel memang sebuah negara yang maju jaya lagi mewah, iaitu hasil peninggalan zaman kegemilangan Raja Yeroboam II, raja mereka yang mangkat tidak begitu lama sebelum itu. Namun begitu, kemuliaan, kemewahan dan kegemilangan itu terhasil dengan menjejaskan rakyat jelata yakni kaum Marhaen miskin yang sememangnya ditindas oleh kalangan yang kaya-raya lagi berkuasa. Namun begitu apa yang lebih dahsyat lagi ialah perlakuan, ‘anak dan ayah pergi menjamah seorang perempuan muda, sehingga melanggar kekudusan nama-Ku (2:7). Jelas sekali betapa perbuatan terkutuk itu memang maksiat yang amat tidak bermoral, malahan, lebih dahsyat lagi maksiat itu dilakukan dengan alasan itu adalah demi menyembah Allah sebab ‘mereka merebahkan diri di samping setiap mazbah’ (2:8). Gagasannya ialah dengan seorang ayah berkata kepada anak lelakinya, “Hai, ayuhlah puteraku, ayuh kita mendaki ke rumah Tuhan untuk menyempurnakan sedikit penyembahan.” “Baiklah wahai Ayah, ayuh kita lakukannya.”

Menurut amalan warga Kanaan, gagasannya ialah anda pergi ke rumah Allah, temui seorang pelacur rumah mulia itu lalu berbaring dan mengadakan hubungan seks dengan dia (sama ada pelacur itu lelaki mahupun perempuan). Kononnya, dengan bersanggama dengan seorang pelacur di suatu tempat suci atau di

rumah Allah, si pelaku iaitu orang yang melakukan penyembahan/pemujaan itu akan berjaya memujuk atau menyebabkan para tuhan jahiliah merahmati mereka dengan anak, hasil tanaman, hujan atau hasil ternakan. Agama warga Kanaan memang agama yang banyak berkait dengan unsur kesuburan dan mereka merebahkan diri di samping setiap mazbah, maka daripada aspek seks memang agama itu amat tidak bermoral. Dengan penuh keghairahan, warga Israel merelakan diri mereka terjerumus ke dalam jurang penyembahan berhala serta sikap yang amat tidak bermoral.

Lebih teruk lagi, di dalam rumah Allah itu, si bapa serta si anak itu merebahkan diri di samping setiap mazbah di atas pakaian gadaian orang, seperti barang jaminan atas pembayaran balik hutang. Walau bagaimanapun, Perjanjian lama meletakkan had bagi jaminan/gadaian atas pinjaman yang dibuat, terutamanya, seorang pemberi pinjaman tidak boleh mengambil sebagai gadaian atau jaminan, mantel si peminjam selama semalaman (Ulangan 24:12) sebab itu pakaian luar yang turut bertindak sebagai selimut untuk memanaskan tubuh. Bagi si miskin mantelnya memang satu keperluan baginya. Dalam hal yang dipetik oleh Amos, bukan sahaja si bapa serta si anak mengambil sehelai pakaian sebagai barang jaminan (yakni sesuatu yang tidak seharusnya melakukan), bahkan mereka turut merebahkan diri di atas pakaian itu ketika melakukan aktiviti seksual dengan para pelacur rumah Allah. Maka, dosa mereka itu memang dua kali ganda tidak bermoral.

Tambahan pula dalam hal itu, kalangan miskin dieksploitasi oleh si kaya demi pemuasan nafsu berlebih-lebihan si kaya. Maka '... di dalam rumah Tuhan mereka itu, mereka 'minum anggur orang-orang yang kena denda' (2:8). Air anggur itu didapatkan secara haram hasil daripada kerosakan akhlak. Kalangan kaya semakin bergelumbang dalam dosa dengan memabukkan diri dan

pemuasan nafsu serakah seks mereka dan hanya memuja perbuatan menurutkan hati tanpa mengambil berat tentang kalangan miskin.

Inilah kesalahan yang telah dilakukan oleh Israel: jenayah berupa ketidakadilan sosial — pelanggaran terhadap undang-undang Perjanjian Lama. Di mata Allah, dosa sedemikian sama tahap kejahatannya dengan dosa berkaitan dengan peperangan yang dilakukan oleh enam buah negara yang disebut sebelumnya. Sikap yang tidak tahu berterima kasih kepada Allah pada hakikatnya jelas dosa yang lebih teruk. Maka Amos terus berusaha mengingatkan Israel tentang apa yang dilakukan Allah untuk mereka (2:9-11).

Ini bukan calang-calang tuhan yang disinggung oleh warga Israel. Inilah Allah yang telah nyahkan orang Amori daripada jajahan mereka (2:9) dan yang menyediakan untuk mereka bumi perjanjian menjadi tempat tinggal mereka. (Secara kasarnya, 'Orang Amori' merupakan lagi satu nama bagi para warga Kanaan, manusia yang menghuni bumi itu sebelum penaklukan di bawah pimpinan Yosua.)

Selain itu, Allah yang sama telah yang menyelamatkan mereka ketika Musa memimpin mereka keluar dari Mesir menerusi Laut Merah. Inilah Allah sama yang menyediakan segala keperluan, antaranya manna dan burung puyuh bagi Israel selama 40 tahun lamanya sewaktu mereka di padang gurun. Ya Allah memelihara keadaan mereka selama 40 tahun lamanya (2:10). Inilah Allah yang sama yang membangkitkan para nabi untuk menyampaikan Firman Allah, namun begitu Israel memerintah kepada mereka, "Jangan kamu bernubuat!" (2:12). Inilah Allah sama, yang membangkitkan sebahagian daripada anak-anakmu menjadi nabi dan sebahagian daripada teruna-terunamu menjadi nabi, seperti Samson dan Samuel, yang khusus diasingkan oleh Allah untuk menyampaikan Firman-

Nya dan untuk bertindak bagi pihak-Nya (2:12). Namun begitu, umat Israel berterus-terusan menolak para nabi yang Allah utus ke dalam kalangan mereka.

Dosa kesalahan bukan sekadar perlakuan berbentuk ketidakadilan sosial, malahan merangkumi tindakan berupa penolakan dan sikap yang tidak tahu berterima kasih kepada Allah yang sebegitu baik budi. Perkara sedemikian memang berlaku sepanjang sejarah mereka. Lalu Israel telah terlalu lama bertindak secara keterlaluan, lantas umat Israel kelak kaku dan beku dalam ketakutan mereka akan kelak, hari pengadilan Allah. Mereka semua tidak akan ada peluang untuk melarikan diri atau meluputkan diri. Mereka akan tersangkut di dalam selut dan tidak berdaya melarikan diri. Malahan kalangan orang kuat antara mereka juga akan menjadi tidak berdaya apabila tibanya pengadilan Allah atas mereka (2:13-16). Ini sememangnya pesanan yang begitu mengerikan bagi umat Tuhan. Demikianlah firman-Nya.

## **Siapakah Yang Selamat Daripada Pengadilan Allah?**

Kejutan yang tidak diduga oleh orang Israel disebabkan mereka menganggap diri mereka umat Allah lantas mereka kebal dan selamat daripada pengadilan. Pada hemat mereka, "Allah telah memilih kita. Dia telah menjadikan kita umat istimewa-Nya, bangsa yang istimewa bagi-Nya — maka kita tentu selamat. Allah berada di pihak kita. Boleh sahaja Allah menghakimi negara-negara bangsa lain itu. Kami bersetuju dan berkenan dengan tindakan-Nya sebab dengan pengadilan-Nya atas para musuh kami, Dia bagaikan berkata 'Ya' kepada kami." Memang sebagai warga Kristian, kita mungkin berfikiran sedemikian itu. Allah berada di pihak kita. Allah bersama-sama kita. Allah telah berikrar untuk bersama denganku buat selama-lamanya. Maka dengan itu,

aku tidak sekali-kali akan menghadapi amarah atau pengadilan Allah biar apa pun yang aku lakukan.

Kita suka dan sering berfikiran bahawa belas kasihan Allah bertahan yakni akan senantiasa kekal buat selama-lamanya, yakni tiada batas kesabaran-Nya. Adakah Dia Allah yang tidak ada batas kesabaran-Nya terhadap diriku, seorang yang berdosa berulang kali dan tidak putus-putus terjerumus dalam dosa? Namun begitu, jika sifat sabar itu tidak habis-habis, itu bukannya kesabaran. Jika seseorang itu senantiasa bersabar apabila berdepan dengan penganiayaan, mereka sebenarnya bukan betul-betul bersabar pada akhirnya. Mereka sebenarnya bacul lagi pengecut atas sebab mereka tidak bersedia untuk senantiasa mempertahankan apa yang benar; ataupun mereka bersikap tidak ambil peduli akan apa yang sedang berlaku di sekeliling mereka. Tetapi Allah bukan pengecut dan juga bukan bersikap tidak ambil peduli. Dia sabar, dan pada hakikatnya kesabaran ada batasnya. Pada suatu hari kelak, kesabaran Allah akan berakhir, dan itulah pesanan yang menakutkan tentang Israel yang Amos sampaikan kepada warga Israel, yang sememangnya umat Allah. Kita tidak boleh membuat anggapan bahawa kesabaran Allah tiada hujungnya (lihat Roma 2:2-5). Pada satu hari kesabaran Allah akan menemui penghujungnya.

## **Sang Singa Sudah Pun Mengaum**

Kita juga suka berfikir bahawa suara Allah jenis suara yang lembut, menenangkan hati, lunak dan penuh damai. Cuba bayangkan sekiranya kita menemui rakaman yang mengatakan, "Ini suara Allah." Jika anda seperti saya, anda mungkin mengharapkan suara seperti suara mendiang seniman Richard Burton yang bernada lunak dan begitu menenangkan apabila didengar. Bunyi sedemikian akan membuat kita berasa damai dan

tenang. Kita suka memikirkan suara Allah adalah seperti bunyi angin sepoi-sepoi basa penuh ketenangan', yang menenangkan hati kita dan membantu kita berihat dan bersenang-senang di tengah-tengah kancah dunia yang penuh kesibukan. Namun begitu, Amos berkata suara Allah bukan seperti itu setiap masa.

Dalam memperkenalkan segala perkataan daripada nubuat itu, Amos berkata yang "Tuhan mengaum" (1:2). Dalam Amos 3:8, suara Allah disamakan dengan bunyi ngauman singa. Allah sudah mengaum. Suara-Nya bukannya tenang, mendamaikan dan lembut yang boleh mendodoikan kita sampai tertidur. Sebaliknya, suara itu kini ala ngauman sang singa, ngauman singa yang akan segera menghakimi dan menerkam mangsanya atas sebab dosa mereka yang sedemikian keterlaluan. Kesabaran Allah sudah berakhir. Dia akan segera menghakimi bukan sahaja para musuh-Nya, tetapi juga para umat-Nya sendiri atas sebab segala dosa mereka.

Sang singa sudah pun mengaum. Ayuh kita dengarkan ngauman itu supaya kita tidak sering berbuat dosa. Demikianlah firman-Nya.

# 2

.....

## Faktor Besar Yang Terabai Dalam Kemakmuran

**(Amos 3:1-15)**

**S**aya menuntut dalam bidang Ekonomi di universiti, dan Amos menyedarkan saya bahawa memang ada kekurangan dalam pendidikan saya. Tidak kiralah baik model gagasan Keynes, atau Friedman, atau apa jua model ekonomi yang diajar, dalam setiap persamaan, kaedah atau formulir, sentiasa ada satu peninggalan atau pengabaian — Allah. Alkitab mengajar bahawa akhirnya tetap Tuhan jua yang mengurniakan kemakmuran ekonomi dan kekayaan. Malahan, segala keberkatan dan rahmat itu terhasil daripada kehidupan bermoral sebagai umat kepada Yang Maha Suci Allah, dan bukannya jumlah penghasilan daripada pelbagai penunjuk prestasi ekonomi. Pokok ajaran dalam Perjanjian Lama daripada Amos 3 boleh disimpulkan dalam Ulangan 28:1-6:

Jika engkau baik-baik mendengarkan suara Tuhan, Allahmu, dan melakukan dengan setia segala perintah-Nya yang kusampaikan kepadamu pada hari ini, maka Tuhan, Allahmu, akan mengangkat engkau di atas segala bangsa di bumi. Segala berkat ini akan datang kepadamu

dan menjadi bahagianmu, jika engkau mendengarkan suara Tuhan, Allahmu: Diberkatilah engkau di kota dan diberkatilah engkau di ladang. Diberkatilah buah kandunganmu, hasil bumimu dan hasil ternakmu, yakni anak lembu sapimu dan kandungan kambing dombamu. Diberkatilah bakulmu dan tempat adunanmu. Diberkatilah engkau pada waktu masuk dan diberkatilah engkau pada waktu keluar.

Pada hemat saya, nampaknya formulir ekonomi ini sepatutnya diajar di universiti. Nabi Amos maklum akan pelajaran itu dan Amos memang tahu betul isi di dalam Alkitab ya, pada tahap yang melebihi pengetahuan baik Keynes mahupun Friedman. Sememangnya Amos bersabda kepada sebuah negara yang makmur. Raja Yeroboam sudah bertakhta dan memerintah buat jangka masa yang lama dan dia telah membawa keselamatan serta kestabilan dengan meluaskan sempadan negara Israel. Tempoh waktu itu memang waktu tatkala negara itu mengalami pertumbuhan sebegitu pesat: Indeks semua perdagangan sedang berada pada tahap yang tertinggi dan setiap petunjuk ekonomi memang tampak begitu positif sekali. Mungkin pada hemat sesetengah daripada warga Israel, kemewahan itu memang bukti betapa Allah amat merahmati mereka. Bukankah seluruh (warga) Israel memang salih, yakni sebagaimana yang boleh dilihat dalam bab-bab seterusnya.

Namun begitu, kekayaan Israel bukanlah rahmat daripada Allah – sebagai contoh, para orang kaya masih terus mengeksploitasikan kalangan miskin. Warga Israel dan Raja Yeroboam II telah meniadakan unsur moral daripada bidang serta urusan ekonomi, maka Amos berusaha demi menyatukan semula kedua-duanya.

## **Penyalahgunaan Keistimewaan Yang Allah Kurniakan**

Sememangnya Israel sebuah negara yang berkeistimewaan. Amos memulakan Bab 3 dengan mengakui hakikat itu secara ketara. 'Dengarlah firman ini, yang diucapkan Tuhan tentang kamu, hai orang Israel, tentang segenap kaum yang telah Kutuntun keluar dari tanah Mesir' (3:1). Amos menggunakan perkataan yang bergema dengan kebesaran kasih karunia dan kehebatan kasih Allah dan menyifatkan bangsa Israel sebagai sebuah keluarga yakni keluarga Allah. Demikian juga, Allah telah menjadikan kita sebagai kalangan anak-anak-Nya. Amos mengiktiraf peristiwa amat bermakna yang menjadikan umat itu negara bangsa Israel apabila Allah membawa mereka keluar dari negara Mesir yang merupakan kancah perhambaan, dan menyelamatkan mereka atas berkat kasih kurnia dan cinta kasih-Nya.

Dia meneruskan dengan mengatakan, "Hanya kamu yang Kukenal dari segala kaum di muka bumi" (3:2). Kecuali Israel, tiada bangsa lain yang berkongsi kelebihan yang serupa dalam perhubungan sedemikian bersama Allah. Tuhan "mengenal' mereka. Namun begitu, bukanlah Dia tidak mengenali lain-lain negara ataupun tidak mengetahui apa-apa mengenai mereka, tetapi Dia 'mengenali' Israel daripada aspek 'telah 'mengadakan dan memantapkan satu perhubungan yang komited' dengan bangsa yang dipilih-Nya. Amos 3:1-2 mengikhtisarkan kasih kurnia dan kasih Allah dalam Perjanjian Lama. Maka nabi Amos menyeru agar Israel kembali kepada perkara-perkara pokok, iaitu zaman apabila Allah mewujudkan bangsa Israel sebagai umat-Nya yang cukup bersedia untuk menyembah dan melayani-Nya. Amos mengajukan ucapannya kepada bangsa Israel yang wujud sebagai sebuah bangsa hanya atas kasih kurnia yang Allah berikan kepadanya.

Walau bagaimanapun, hak istimewa senantiasa disertai dengan kewajiban dan tanggungjawab dan nyata betapa Israel telah mengabaikan tanggungjawabnya maka wajib menerima padah daripada pengabaian itu. Allah memilih untuk menyelamatkan Israel dan mewujudkan perhubungan yang komited dengan mereka supaya mereka hidup sebagai warga yang warak serta suci dalam penuh kepatuhan kepada Allah. Tentu sahaja tanggungjawab mereka adalah untuk senantiasa patuh, dan jelas betapa Israel telah menyalahgunakan hak istimewa mereka itu. Segala kemewahan mereka sekadar ilusi lantaran kemewahan itu tidak berteraskan hubungan yang penuh ketaatan kepada Tuhan. Oleh yang demikian, “Aku akan menghukum kamu kerana segala kesalahanmu” (3:2). Sebagai tindak balas-Nya terhadap keingkaran, sememangnya Allah berkewajipan mematuhi perjanjian-Nya dengan umat itu, iaitu untuk menghukum mereka.

Umat Allah memang tidak dikecualikan daripada pengadilan-Nya atas perbuatan yang berdosa. Demikian jugalah, warga Kristian masa kini berada dalam perhubungan yang sama dengan Allah sebagaimana warga Israel pada zaman tersebut. Kita juga sememangnya umat Allah yang telah diwujudkan berdasarkan kasih kurnia-Nya dan kita secara berterus-terusan menjadi penerima kasih sayang-Nya. Kita juga telah diselamatkan dan ditebuskan, bukan daripada Mesir, tetapi daripada dosa-dosa kita; bukan dengan terbelahnya Laut Merah tetapi dengan kematian Yesus Kristus di kayu salib. Kita juga tidak dikecualikan daripada pengadilan Allah terhadap dosa. Sesungguhnya, keistimewaan ini juga diberikan dalam kalangan ‘anak’ tetapi ia juga bererti diiringi dengan tanggungjawab yang berat dan besar.

## Satu Siri Persoalan

Tidak ramai warga Israel yang akan mengalu-alukan pesanan Amos itu. Segala sesuatu dalam negara mereka tampak baik-baik sahaja: petunjuk-petunjuk ekonomi menuding ke atas; setiap warga berasa seperti ada lonjakan dalam hal ekonomi, negara, bangsa mereka serta nasib mereka.

Maka datanglah pula si Eeyore purba [Eeyore ialah satu watak suram dalam buku-buku *Winnie-the-Pooh* karya A.A. Milne] bernama Amos yang secara bacul atau tidak berlapik berkata, "Itu semua tidak akan bertahan; semuanya kelam suram dan malapetaka." Bagi para umat yang enggan mendengar amarannya, Amos menggunakan helah yang sama seperti yang disebut dalam bab pertama. Dia melembutkan hati para pendengarnya dengan menggunakan perkataan yang diterima oleh mereka demi menyampaikan isi pesanannya dalam Bab 3. Dalam Amos 3:3-8, ada lagi lapan perkara yang berurutan. Tujuh perkara pertama bersifat boleh dicapai atau jelas serta mudah. Amos menanyakan satu siri yang terdiri daripada lapan soalan yang jelas jawapan bagi setiap soalan memang 'Tidak'. Tujuan Amos adalah untuk menarik diri mereka untuk menjawab 'Tidak' kepada setiap satu daripada soalan-soalan itu, maka apabila mereka tiba ke soalan terakhir, mereka akan memberikan jawapan seperti mana Amos mahu soalan itu dijawab. Amos seolah-olah sedang memainkan suatu permainan perkataan dengan Israel purba yang ala-ala permainan "Simon Says", iaitu permainan di mana sang ketua menyuruh hadirin untuk berdiri, duduk, berpusing, dll. Dan untuk membiasakan mereka untuk melakukan apa sahaja yang disuruh, biarpun ungkapan 'Simon says' tidak disebutnya.

"Berjalankah dua orang bersama-sama, jika mereka belum berjanji?" (3:3). Tidak, mereka tidak akan berbuat begitu. Pada zaman dunia purba itu, jika anda akan berjalan dari sebuah

bandar ke sebuah bandar lain dan anda mahu seseorang menemani anda, satu perjanjian berjalan bersama-sama mesti ada. “Mengaumkah seekor singa di hutan, apabila tidak mendapat mangsa?” Tidak, sebab bunyi ngauman itu akan menakutkan mana-mana bakal mangsa yang lain. “Bersuarakah singa muda dari sarangnya, jika belum menangkap apa-apa?” (3:4). Tidak, jelas haiwan itu tidak akan bersuara. “Jatuhkan seekor burung ke dalam perangkap di tanah, apabila tidak ada jerat terhadapnya?” Tidak, masakan burung itu akan jatuh. “Membangkaskah perangkap dari tanah, jika tidak ditangkannya sesuatu?” (3:5). Tidak, perangkap cuma membungkus apabila sudah terjebak seekor burung atau mana-mana haiwan kecil yang lain. “Adakah sangkakala ditiup di sebuah kota, dan orang-orang tidak gementar?” (3:6). Tidak, sebab sangkakala ditiup adalah amaran bahawa ada musuh yang mendatang, maka para umat Tuhan harus berasa takut. “Adakah terjadi malapetaka di sebuah kota, dan Allah tidak melakukannya?” (3:6). Tidak. Para warga Israel purba tentunya mentafsirkan berlakunya malapetaka atas sesebuah negara lain dengan mengatakan, “Itu pekerjaan Allah.” Ya, tujuh soalan dengan tujuh jawapan yang negatif: Tidak. Memang jelas semua soalan itu adalah soalan jenis sebab dan akibat. Biar pun soalan-soalan itu tidak bermaksud untuk menyakitkan hati, perlulah diperhatikan bahawa kesemuanya mengenai penangkapan, kecaman dan ancaman.

Sabda Amos sedang menuju ke puncaknya dan ayat 7 membawa kepada kenyataan yang terpenting sekali: “Sungguh, Tuhan Allah tidak berbuat sesuatu tanpa menyatakan keputusannya kepada hamba-hambanya, para nabi.” Sekali lagi, tentunya Israel menyetujui kenyataan sedemikian sebab memang ada logiknya. Ya, Allah pasti menyampaikan firman kepada nabi-Nya sekiranya Dia akan menurunkan bencana; dan seterusnya apabila

seorang nabi mendengar Firman Allah, dia pasti memberi amaran tentang geruh yang bakal berlaku itu. Seorang nabi yang sejati tidak berdaya untuk tidak menghiraukan Firman Allah, dan itu memang menjadi bahagian terpenting ayat 8: “Singa telah mengaum, siapakah yang tidak takut?” — semua orang pasti gerun mendengar ngauman sang singa. “Tuhan Allah telah berfirman, siapakah yang tidak bernubuat?”

Amos sedang mempertahankan hujahnya sendiri. Dia terpaksa bersabda sebab Allah telah mengarahnya untuk bersabda. Amos dikuasai sepenuhnya oleh firman Allah lantas dia bersabda kepada warga Israel, “Ini bukan perkataanku sendiri. Bukan aku, Nabi Amos, yang memilih untuk mengatakan beberapa perkataan yang agak biadab serta tidak begitu menyelesaikan kepada kamu semua. Tentulah, ini memang Firman Allah. Andainya kamu menolak perkataanku itu berarti kamu menolak firman Allah.” Itu sama dengan sabda Rasul Paulus: ‘Celakalah aku, jika aku tidak memberitakan Injil’ (1 Korintus 9:16). Kedua-duanya iaitu nabi zaman Perjanjian Lama mahupun pengkhotbah Perjanjian Baru, memang terpaksa akur pada Firman Allah untuk menyampaikan Firman Allah (kepada seluruh umat). Pada hakikatnya, inilah apa yang disabdakan oleh Amos: “Ini semua bukan perkataanku sendiri tetapi ia memang Firman Allah, dan aku memang seorang daripada nabi-Nya. Maka dengarlah dan patuhilah atau tanggunglah risikonya sendiri jika kamu mengabaikannya.”

Bagi para umat Israel purba, isi sabda Amos itu bagaikan semboyan yang memberikan amaran sejujur sebelum puak musuh menyerang negara bangsa mereka. Bahayanya memang sudah hampir melanda mereka, dan sabda Amos itu memang pesanan amat penting dalam suasana cemas. Memang Allah ialah sang singa, namun Amos ialah ngauman singa itu manakala yang bakal menjadi mangsa sememangnya Israel.

## Membawa Israel ke Pengadilan

Seterusnya, Amos menjelmakan bayangan suatu suasana ibarat sebuah dewan pengadilan dengan adegannya di ibu kota iaitu Bukit Samaria, di mana Allah sedang mengetengahkan pembicaraan tuduhan terhadap umat-Nya sendiri. Menurut undang-undang Israel purba, dua orang saksi diperlukan sebelum seseorang boleh didapati bersalah bagi kesalahan yang boleh dijatuhkan atas hukuman bunuh. Di sini Allah, menerusi nabi Amos, memanggil dua orang saksi: 'Siarkanlah di dalam puri di Asyur dan di dalam puri di tanah Mesir serta katakan: "Berkumpullah di gunung-gunung dekat Samaria dan pandanglah kekacauan besar yang ada di tengah-tengahnya dan pemerasan yang ada di kota itu" (3:9).

Maka para warga Filistin and warga Mesir dipanggil untuk menjadi saksi dalam pembicaraan Israel oleh TUHAN. Itu sebuah senario dahsyat yang memandangkan Ashdod, iaitu salah sebuah daripada lima buah bandar raya utama warga Filistin, dan warga Mesir memang merupakan musuh ketat para warga Israel. Mereka itu juga dianggap sebagai umat yang tidak berakhlak, ganas tambahan lagi tidak adil. Seperti yang disebutkan dalam Amos 1, para warga Filistin memperniagakan orang lain sebagai hamba abdi. Maka, bagaimanakah mereka layak menjadi saksi dalam pembicaraan terhadap umat atau warga Allah? Mengapa sampai Allah memanggil kalangan orang sekeji itu untuk tugas yang sedemikian pentingnya? Tentu sahaja itu amat mengejutkan para warga Israel yang mendengar hal tersebut. Namun begitu, memang dosa-dosa warga Israel sendiri memang menjijikkan, lucah serta cabul. Implikasinya ialah betapa buruk sekalipun para warga Filistin and warga Mesir, warga Israel lebih buruk lagi.

Seterusnya Amos bersabda tentang keburukan warga Israel: "Mereka tidak tahu berbuat jujur" (3:10). Sudah amat jauh terlanjurnya para warga Israel dalam kancah dosa dan kejahatan

hinggakan mereka sudah hilang segala pertimbangan, tidak tahu membezakan manakah yang betul dan mana pula yang salah. Hakikatnya, anda mungkin bermula dengan berbuat sesuatu dosa namun pada asalnya anda masih tahu membuat pertimbangan manakah yang betul dan mana yang salah. Sekiranya anda terus menerus melalui lorong dosa yang sama, berkemungkinan besar anda bakal kehilangan kepekaan membezakan mana satu yang betul. Begitulah betapa jauh warga Israel telah menapak di lorong perbuatan jenayah dan ketidakadilan. Mata hati mereka buta yakni mereka ketandusan rohani. Mereka menyangka yang mereka sedang menimbunkan khazanah tetapi “mereka itu yang menimbun kekerasan dan aniaya di dalam purinya.” (3:10) Memang segala khazanah Israel tertimbun daripada keganasan, perampokan dan penganiayaan terhadap kalangan miskin. Maka kekayaan dan kemewahan mereka bukan merupakan rahmat daripada Allah dan bukan jua bukti sokongan-Nya. “Sebab itu beginilah firman Tuhan Allah: “Musuh akan ada di sekeliling negeri, kekuatanmu akan ditanggalkannya daripadamu, dan purimu akan dijarahi!” (3:11).

Amos mengingati semula Firman-Nya dalam Ulangan 28 tentang rahmat yang datang daripada Tuhan Allah. Walau bagaimanapun, keingkaran mengundang balasan berupa sumpahan dan kemuncak sumpahan itu ialah mereka dikepung lalu ditewaskan oleh para musuh mereka (Ulangan 28:45-68). Sabda berupa amaran nabi daripada Alkitab yang telah dipelajari mereka dan harus tahu benar, pasti dengan penglibatan mereka dengan segala kejahatan itu pasti mengundang sumpahan serta pengadilan daripada Allah. Negara bangsa itu akan ditumpaskan. Mereka mungkin suka berbangga dengan kekuatan dan segala kubu mereka, tetapi Allahlah yang pastinya lebih kuat. Jelas, melalui musuh, kemungkinan para warga Asyur (yang telah menakluki Israel kurang daripada 30 tahun selepas sabda Amos

tersebut), Allah akan melaksanakan pengadilan-Nya, sekalipun itu atas umat-Nya sendiri.

Bahana pengadilan itu begitu hebat hinggakan tidak akan ada saki baki yang penting daripada Israel. ‘Beginilah firman Tuhan: “Seperti seorang gembala melepaskan daripada mulut singa dua batang tulang betis atau potongan telinga, demikianlah orang Israel yang diam di Samaria akan dilepaskan seperti sebahagian daripada katil dan seperti sepenggal daripada kaki balai-balai” (3:12). Dalam hal sang singa menyerang seekor bebiri, si gembala bebiri perlu mencari hingga mendapat bukti serangan singa, misalnya cuping telinga atau sepotong daripada kaki bebiri, demi menunjukkan bahawa bukan si gembala yang telah mencuri bebiri itu untuk keuntungan dirinya sendiri. Ini bukannya mengenai menyelamatkan sang bebiri sebab bebiri itu sudah mati, tetapi cebisan yang disimpan itu menunjukkan bahawa ada pemusnahan yang telah berlaku.

Sindiran sinis daripada Amos tentang pemusnahan Israel itu merujuk kepada apakah yang akan menjadi saki-baki petaka itu: ‘sebahagian daripada katil dan seperti sepenggal daripada kaki balai-balai’ (3:12). Kebanyakan orang sekadar tidur atas tikar yang dibentang mereka pada waktu malam. Sebaliknya, bentuk bukti yang kelak ditinggalkan oleh warga Israel ialah segala kemewahan yang keterlampauan — sofa yang empuk-empuk serta katil-katil yang cukup halus buatannya dan pastinya mahal-mahal. Jelas terbukti demikian sebab para ahli arkeologi yang menjalankan penggalian di Samaria telah menemui perkara-perkara tersebut: iaitu bahan bukti mengenai kemewahan berlebihan, ketersergaman serta kekayaan. Itu semua merupakan tanda tahap keburukan warga Israel itu sebab bukti peninggalan mereka yang ada cuma pernyataan berkenaan keterlampauan mereka dalam kancah kemewahan yang menurutkan nafsu yang bergelumbang dalam

kemalasan; tetapi tiada apa-apa pertanda bagi iman atau kesalihan, tetapi sebaliknya hanya tanda-tanda kesalahan mereka.

Warga Israel, umat istimewa yang sedang dibicarakan oleh Tuhan. Para saksi dipanggil untuk meneliti segala bahan bukti dan untuk membuat pendakwaan. Perintah untuk menghadap itu diulangi: “Dengarlah, dan peringatkanlah kaum keturunan Yakub,” demikianlah firman Tuhan Allah, Allah semesta alam” (3:13).

Maka diketengahkanlah dua perkara sebagai bahan bukti yang menyabitkan umat Tuhan: agama mereka dan kemewahan mereka. “Pada waktu Aku menghukum Israel kerana perbuatan-perbuatannya yang jahat, Aku akan melakukan hukuman kepada mazbah-mazbah Betel, sehingga tanduk-tanduk mazbah itu dipatahkan dan jatuh ke tanah” (3:14). Betel merupakan pusat utama bagi kegiatan keagamaan warga Israel. Itulah katedral yakni gereja besar mereka yang setara dengan Basilika Santo Petrus di Rom. Walau bagaimanapun itu tempat yang haram bagi menjalankan penyembahan Allah, sebab Allah sudah pun memilih untuk bernaung di rumah-Nya di Yerusalem sesudah Raja Salomo mentahbiskan bait-Nya itu (1 Raja-Raja 8). Namun begitu sesudah kewafatan Salomo, hampir dua ratus tahun sebelum zaman Amos, kerajaan itu terbahagi menjadi dua dan kini Amos sedang bersabda di bahagian kerajaan yang ibu kotanya bukan Yerusalem.

Jadi, apakah yang dibuat mereka demi penyembahan? Tentu hampir-hampir mustahil untuk mereka mengunjung tempat penyembahan musuh mereka di Yerusalem. Lantas Raja Yeroboam I mengadakan sebuah tempat suci yang ‘haram’ di Betel, dan sebuah lagi di sebelah utara yakni di Dan (1 Raja-Raja 12). Namun begitu, dari awal-awal lagi, di mata Tuhan, perbuatan mereka itu salah, sebab tempat-tempat suci tersebut merupakan tempat penyembahan berhala dan bukannya tempat bagi penyembahan

yang tulen. Ambil perhatian pada kata jamak bagi 'mazbah': 'Aku akan melakukan hukuman kepada mazbah-mazbah Betel' Berapa buah mazbah? Mengapakah sedemikian banyak? Tampak seperti warga Israel menyembah begitu banyak tuhan dan bukan Tuhan Maha Esa yang benar lagi hidup. Itu satu kenyataan yang menunjukkan tahap dosa penyembahan berhala dan kemurtadan umat itu. Tanduk-tanduk mazbah, yang digarap untuk menjadi tempat suci bagi penyembahan dan perlindungan umat, akan dikeratkan supaya tidak ada lagi tempat suci bagi mereka.

Ayat-ayat ini bersarat dengan sindiran serta ironi. Kata 'Betel', yang bererti 'Rumah Tuhan', merujuk kepada tempat di mana Yakub bermimpi serta bertemu dengan Tuhan (Kejadian 28). Namun begitu, Kitab Amos Bab 3, ada kenyataan yang melaknat keturunan Yakub (3:13), lantaran tempat penyembahan yang kini penuh dengan penyembahan berhala dan kemurtadan akan dibinasakan kelak.

Tuduhan Allah bukan semata-mata terhadap agama mereka, tetapi juga atas kekayaan mereka: "Aku akan merobohkan balai musim dingin beserta balai musim panas" (3:15). Pada zaman dunia purba dahulu, memang memiliki dua buah rumah kediaman – satu bagi musim sejuk dan satu lagi bagi musim panas – dianggap sebagai unsur kemewahan berkelimpahan, jika dibandingkan dengan begitu ramai orang yang langsung tidak mempunyai rumah sendiri melainkan kawasan awam yang dikongsi bersama-sama.

"Hancurlah rumah-rumah gading" (3:15) meneruskan lagi pemerian terhadap tahap kemewahan, ketersergaman dan kelimpahan harta kekayaan sehingga ada warga yang mampu memiliki rumah yang bertatahkan gading, bahan yang begitu mahal baik pada zaman dahulu mahupun sekarang. "Dan habislah rumah-rumah gedang," demikianlah firman Tuhan (3:15). Sememangnya undang-undang Israel dirangkakan untuk

melindungi kalangan fakir miskin, dan menyediakan pengagihan yang saksama dalam hal kekayaan negara mereka. Sebaliknya, demi usaha mereka menimbunkan harta mereka, kalangan yang kaya menjadi lebih kaya dengan menindas kalangan miskin, dan menginjak-injak kepala kaum Marhaen. Maka Allah akan menghukum warga Israel, sekalipun mereka umat-Nya sendiri, atas kepalsuan agama mereka dan juga harta kekayaan yang disertai dengan bahana kekejaman serta salah laku mereka.

## **Menerapkan Isi Sabda Amos Pada Masa Ini**

Bagi para rasionalis (dalam bidang) ekonomi masa kini, ekonomi sesebuah bandar raya yang sedang berkembang dengan pesatnya mungkin sesuatu yang patut menggirangkan, namun begitu, keadaan itu harus juga menjadi sesuatu yang juga mengkhawatirkan. Sebenarnya, kekayaan bukan sekadar petunjuk limpahan rahmat Allah sebab isu-isu (yang berkaitan dengan) moral adalah perkara yang patut mendapat lebih perhatian. Sewaktu kepek khalayak sedang diisi penuh-penuh, wajib kita bertanya siapakah yang menanggung kesemuanya. Ketika wadah pemungutan di kasino-kasino penuh dan melimpah, kita perlu menyoal wadah yakni pinggan siapakah yang hampa dan kosong pada waktu makan malam hari itu. Pada amnya, kemakmuran dalam bidang ekonomi banyak negara pada masa kini hanya ilusi semata-mata, atas sebab kesemuanya berlandaskan pungutan hasil keuntungan daripada perjudian, perbuatan rasuah dan perbuatan yang tidak bermoral. Sepuhan kemakmuran yang tampak tidak akan terdaya lolos daripada penelitian rapi Tuhan.

Isu ini amat penting bagi umat Allah, para anggota gereja Kristian sebab warga Kristian wajib berwaspada agar tidak dikaburi oleh kekayaan kebendaan, ataupun terjebak dalam jebak pemikiran bahawa kekayaan sentiasa merupakan petanda

keberkatan daripada Tuhan. Kini, segala bentuk ketidakadilan sosial yang dilakukan oleh warga Israel purba masih lagi dilakukan dalam kalangan warga Kristian di beberapa bahagian di dalam dunia kita ini. Sikap tidak mengendahkan saudara sesama dalam Kristus, baik di depan pintu warga kaya mahupun nun di pesisiran nan jauh-jauh, amat memerlukan pertaubatan seikhlas-ikhlasnya dan mendambakan kemurahan hati dan kedermawan yang radikal. Malahan, lebih serius daripada kes Israel purba, kelebihan kita memang hakikat bahawa kita sudah diselamatkan oleh Kristus. Namun begitu, adakah kekayaan kita itu dikumpulkan dengan cara yang menjejaskan orang lain? Bagaimanakah sikap kita pula terhadap kalangan miskin? Betapakah tahap kemurahan hati kita atas kekayaan kita? Ya, kita agak warak, tetapi adakah kesalihan kita itu penuh dengan sikap puas hati, keangkuhan atau ketenteraman diri?

Para pengurus ekonomi sudah biasa sekali tersilap dalam hal pedoman ekonomi mereka. Faktor Allah diketepikan oleh mereka sebab pendirian mereka merupakan aspek moral sama sekali tiada tempat dalam bidang ekonomi. Yang kita perlukan justeru ketidakrasionalan ekonomi dan bukannya kerasionalan ekonomi. Ayuh kita jangan menganggap remeh akan kasih kurnia-Nya yang telah kita terima dan nikmati. Marilah kita menerima beban tanggungjawab yang datang kepada kita bersama-sama dengan kasih kurnia-Nya dan marilah kita bergigih dan berusaha demi kewajaran dan kesucian serta rasa belas kasihan terhadap orang lain. “Sang singa sedang mengaum,” sabda Amos. “Siapa yang mendengar ngauman itu yang mampu berasa tidak takut?”

# 3

.....

## Kegagalan Mengamati Peringatan (Amos 4:1-13)

**T**eringat saya akan seorang pengkhotbah yang berkata bahawa dia ada tujuh belas perkara dalam khutbahnya dan setiap satu tajuk itu bermula dengan huruf “C”. Maka keseluruhan khutbahnya itu saya habiskan untuk cuba meneka apakah tajuk seterusnya yang bermula dengan huruf “C”. Saya sendiri tidaklah ada khutbah yang semua tajuk isinya bermula dengan huruf yang sama — tetapi saya menggunakannya dalam bab ini. Dalam Bahasa Inggeris, ketiga-tiganya bermula dengan huruf “W” iaitu “Women” (Kaum Wanita), “Worship” (Penyembahan) dan “Warnings” (Beberapa Peringatan).

### **Kaum Wanita**

Dewasa ini, apabila bercakap dengan kaum wanita, kaum lelaki memang bagaikan ‘menyeberangi titian serambut di belah tujuh’ kerana ketepatan berpolemik dituntut keras. Namun begitu, Amos tetap bersabda dengan lancang dan tentu sahaja langsung tidak terikat oleh ketepatan berpolemik semasa apabila dia menyamakan sesetengah warga wanita ‘seperti lembu!’ Yang mengejutkan ialah panggilan kaum wanita sebagai “lembu”, apatah lagi seistimewa

“lembu Basan, pada hakikatnya mungkin tidak bersifat menghina, ejekan kesat atau menjelikkan. Sebagai contoh, lihat sahaja dalam Kidung Agung Salomo, di mana haiwan digunakan sebagai perbandingan bagi bahagian tubuh badan, biarpun di dalam kitab tersebut, perbandingan sedemikian adalah sesuatu yang hebat lagi cantik dan bukan bersifat menyakitkan hati. Walau bagaimanapun, apabila Amos menyebut para wanita kaya yang hidup dalam segala kemewahan itu sebagai ‘hai lembu-lembu Basan’ (4:1), metaforanya itu memang bersarat dengan sindiran yang amat tajam.

Perhatikan bagaimana Amos mengkritik para kaum wanita itu sebagai kalangan yang ‘memeras orang lemah, yang menginjak orang miskin’. Mereka itu dimanjakan berlebihan dan menguasai para suami mereka sehingga suami mereka di bawah telunjuk mereka, “bawalah ke mari, supaya kita minum-minum!” (4:1). Para wanita itu hanya memikirkan tentang pemuasan diri sendiri sahaja. Mereka memuaskan nafsu serakah mereka sendiri biarpun yang menjejaskan kalangan miskin Marhaen yang serba kekurangan dalam masyarakat mereka.

Amos meneruskan sabdanya dengan kata-kata, “Tuhan Allah telah bersumpah demi kekudusan-Nya” (4:2). Bukan sahaja Allah bersabda mengenai pengadilan atas para wanita itu bahkan hal itu cukup serius hingga Dia bersumpah, atas sebab kaum wanita itu telah menyinggung perasaan-Nya, dan Dia pasti tidak akan bertolak ansur atas dosa mereka itu. Seandainya mereka berperangai seperti lembu, Allah akan menangani mereka sebagaimana menangani lembu-lembu. “Akan datang masanya bagimu, bahawa kamu diangkat dengan kait dan yang tertinggal di antara kamu dengan kail ikan” (4:2). Perkara itu menjadi kenyataan dalam tempoh 30 tahun dari ketika sabda Amos itu dilafazkan. Negara gagah di sebelah utara, Asyur telah menakluki Israel. Dalam sesetengah karya ukir timbul yang telah dijumpai,

tergambar bagaimana warga Asyur yang kejam itu mengheret tawanan mereka (iaitu warga Israel) yang diikat dengan tali dalam perarakan. Maka pada tali-tali tersebut diikatkan pada cangkuk-cangkuk yang menyangkuk sama ada hidung atau mulut tawanan mereka itu — memanglah itu perbuatan yang kejam lagi teramat menyakiti para tawanan itu. Kadangkala para penawan membawa tempuling serampang yang digunakan untuk menujah kumpulan tawanan dari belakang untuk memaksa mereka terus bergerak dalam perjalanan menuju ke bumi para penakluk bumi. Memang begitu ngerilah gambaran pengadilan terhadap kalangan kaum wanita Israel yang berperilaku seperti yang digambarkan itu!

Tambahan pula, “Kamu akan keluar melalui belahan tembok, masing-masing lurus ke depan” (4:3). Gambaran itu mengenai tembok Samaria yang sedang dibinasakan oleh kaum Asyur, hinggakan tidak kira ke arah mana anda berpusing — tetap ada lubang pada tembok itu yang membolehkan mereka terus bergerak ke hadapan. Untuk keluar melalui pintu utama, mereka tidak perlu berjalan menerusi bandar raya itu. Di sekeliling tembok bandar raya itu ada banyak lubang, dan melalui lubang-lubang itulah orang di situ keluar meninggalkan kota raya yang menjadi kediaman mereka, dengan dipimpin oleh para penawan mereka dari Asyur itu. “Dan kamu akan diseret ke arah Hermon” (4:3). Berkemungkinan *Harmon* itu bererti longgokan najis haiwan atau tong sampah, atau sebuah bandar warga Asyur ke tempat mana para tawanan akan dibawa. Maka kotaraya yang mengamalkan cara hidup yang mewah itu ditumbangkan ke dalam kematian yang hina. Segala bentuk keselamatan dan perlindungan, kekuatan dan kekayaan yang dimilikinya menjadi kosong semata-mata oleh pengadilan Allah itu.

Hukuman yang dahsyat atas para kaum wanita kaya raya pada zaman Amos itu berfungsi sebagai peringatan bagi kita semua bahawa akan ada lagi pengadilan yang lebih teruk di

kalangan mereka yang berterus-terusan menolak Tuhan Allah. Segala yang Allah wajibkan atas kita kini sama tegasnya baik kini atau pada masa yang mendatang kelak. Allah mendambakkan daripada kita dan mewajibkan kekudusan atas kita sebab Dia sendiri Maha Kudus. Semasa menyampaikan Khutbah di atas Bukit, Yesus Kristus sendiri menyampaikan perkara yang sama: “Kerana itu haruslah kamu sempurna, sama seperti Bapamu yang di syurga adalah sempurna” (Matius 5:48). Ada pengadilan yang menunggu kalangan umat yang menolak Allah, yang lebih teruk lagi berbanding dengan pengadilan yang bakal menimpa wanita Israel seperti yang disebut sebelum ini. Maka marilah kita sama-sama mengambil iktibar dan senantiasa berwaspada.

### **Penyembahan**

Sindiran Amos sama tajamnya apabila dia menangani isu penyembahan. “Datanglah ke Betel dan ... ke Gilgal” (4:4). Seperti yang kita lihat dalam bab sebelumnya, Betel seharusnya pusat penyembahan para warga Israel. Ia tempat suci atau keramat di mana secara haram para warga tersebut mempersembahkan korban lantas melanggar hukum-hukum Tuhan dalam hal penyembahan. Gilgal ialah tempat di mana, di bawah kepimpinan Yosua bin Nun, warga Israel telah menyeberangi Sungai Yordan lalu menjejakkan kaki di Bumi Yang Dijanjikan. Rupa-rupanya selama lebih kurang tujuh ratus tahun, warga Israel juga telah menjalankan upacara penyembahan di Gilgal. Di sini, Amos sedang mengejek-ejek cara para imam menyeru umat untuk melakukan penyembahan.

Dalam dunia Islam, para umatnya dipanggil untuk bersolat pada waktu-waktu yang ditetapkan menerusi laungan azan menerusi pembesar suara dari menara-menara masjid atau surau. Mungkin, dengan cara yang sama, para penziarah yang tiba di

Betel atau Gilgal mendengar suara si imam menyeru, “Datanglah ke Betel! Datanglah ke Gilgal!” Mungkin seterusnya imam itu akan berkata, “Datanglah untuk mempersembahkan korban kamu.” Amos sedang mengejek-ejek para imam itu, tetapi dengan memasukkan satu kelainan, yang kita akan ketahui sejurus lagi.

Warga Israel pada zaman Amos seolah-olah begitu salih dan Amos mengiktiraf hal itu apabila dia bersabda, “Datanglah ... Bawalah korban sembelihanmu pada waktu pagi” (4:4) — ya, bukan sekali-sekala atau hanya sewaktu sambutan perayaan yang besar-besar atau yang utama sahaja, tetapi setiap pagi! Amalan membawa korban setiap hari itu memang menonjol tahap kesalihan umat pada zaman Amos dan juga menunjukkan betapa hebatnya ketaatan serta kesetiaan umat itu dalam hal menurut perintah Allah. Bawalah “persembahkan persepuluhanmu pada hari yang ketiga” (4:4). Luar biasa sekali apa yang diamalkan umat Tuhan. Biasanya, paling banyak pun, orang akan membawa sepersepuluhan atas hasil tuaian mungkin tiga kali dalam setahun sahaja, dan itu pun cuma dilakukan sewaktu perayaan hasil tuaian yang disambut secara besar-besaran sahaja. Pada setiap akhir tiga tahun, sepersepuluhan istimewa hendaklah dikeluarkan (Ulangan 14:28-29). Tetapi sabda Amos itu menyeru agar umat membawa sepersepuluhan mereka setiap tiga hari! Sekali lagi, Amos mengundang umat supaya melakukan perbuatan yang berunsur kesalihan dan cinta-kasih kepada Allah. “Bakarlah korban syukur dari roti yang beragi dan maklumkanlah persembahkan-persembahan sukarela; siarkanlah itu!” (4:5).

Sungguhpun Amos mengiktiraf bahawa warga Israel memang kuat beragama lagi salih, dan betapa dia sedang bersabda kepada kalangan umat kuat dari segi batiniah mereka, dia masih berasa ada sesuatu yang sangat tidak kena dengan mereka. Maka sabda Amos begitu bersarat sindiran yang amat mengejutkan: “Datanglah ke Betel dan lakukanlah perbuatan jahat, ke Gilgal dan perhebatlah

perbuatan jahat!” (4:4). Cuba bayangkan paderi atau pastor anda berdiri di luar bangunan gereja seraya menjerit: “Datanglah ke gereja dan perbuatlah dosa!” Tentu sahaja itu sesuatu yang amat mengejutkan apabila didengar! Apakah yang disabdakan oleh Amos itu? Bukankah kesalihan mereka berdiri megah sebagai tanda kelebihan bagi diri mereka?

Kegagalan Israel ialah ketidaksedaran bahawa dengan menjalani cara hidup yang tidak bermoral, segala amal baik serta kebajikan mereka sudah menjadi sifar sahaja. Tidak kiralah betapa salih mereka, tekun beribadah atau bergigih dalam hal-hal keagamaan mereka; kesemuanya itu tidak diambil kira atas sebab mereka hidup secara tidak bermoral, dengan mengaut keuntungan atas nasib buruk kalangan Marhaen miskin, kalangan yang memerlukan dan yang tertindas apatah lagi, perbuatan mereka menimbunkan harta kekayaan benda dengan menjejaskan orang lain. Mungkin mereka itu umat yang tersangat salih, tetapi corak kehidupan enam hari seminggu langsung tidak setara dengan kehidupan beragama mereka. Ya, mereka mengasihi agama mereka. Amos memperingatkan mereka tentang itu dengan bersabda, “Sebab bukannya yang demikian kamu sukai, hai orang Israel?” (4:5). Para warga Israel memang tekun sekali mengerjakan ritual keagamaan mereka, tetapi mereka tidak mengasihi Tuhan Allah. Mereka menyayangi (haiwan) korban mereka tetapi tidak kepada para jiran mereka. Ternyata sesungguhnya Allah langsung tidak hadir dalam agama mereka. Tiada langsung cinta kasih terhadap-Nya dan juga tiada rasa mementingkan kemuliaan Allah, mahupun segala undang-undang dan peraturan-Nya mahupun kekudusan-Nya.

Itu bukanlah penyembahan sebagaimana yang didambakkan oleh Allah. Biar pun penyembahan mereka begitu ‘beragama’ dan alim, malah melebihi yang diperintahkan oleh-Nya, semuanya

sekadar untuk pemuasan diri mereka sendiri dan langsung tidak menyenangkan Allah.

Perhatikan sekali lagi apa yang disabdakan oleh Amos tentang acara korban: “Bawalah korban sembelihan<sup>mu</sup> pada waktu pagi, dan persembahkan persepuluhan<sup>mu</sup> pada hari yang ketiga!” (4:4). Bukan yang Allah punya, tetapi yang ‘kamu punya’! Itu memang persembahkan persepuluh kamu dan persembahkan kamu bukan yang Allah punya, sebab memang Allah tidak mahu ada yang kena mengena dengan semua itu. Allah telah memutuskan dirinya daripada segala persembahkan yang sedang kamu bawa. Apatah lagi para warga Israel sedang bercakap besar tentang kesalihan diri mereka: “maklumkanlah persembahkan-persembahkan sukarela; siarkanlah itu!” (4:5). Persembahkan sukarela memang persembahkan yang sepatutnya menjadi bahan bukti kesetiaan dan cinta kasih antara warga yang menyembah Allah. Amos sedang menegur serta mencela umat yang bermegah-megah atas persembahkan sukarela masing-masing: “Aku telah memberikan persembahkan yang lebih banyak daripada kamu. Aku telah memberikan kepada Allah lebih daripada yang Allah kehendaki supaya aku lakukan. Aku dengan sukarela memberikan ini, itu dan lain-lain lagi.” Ya, Amos sedang menyerang segala cakap besar dan berdegar-degar dalam kalangan penganut fanatik agama itu.

Lebih-lebih lagi, penyembahkan mereka adalah mengikut peraturan mereka sendiri dan bukan mematuhi segala peraturan yang Allah tetapkan. Sabda Amos: “Bakarlah korban syukur dari roti yang beragi” (4:5). Menurut hukum daripada undang-undang daripada Musa, warga Israel hanya boleh mempersembahkan korban berupa roti bukan beragi. Memang dilarang perbuatan membakar roti yang beragi untuk dipersembahkan. Namun begitu para warga Israel itu telah membuat peraturan mereka sendiri, dan bukan mematuhi segala peraturan yang Allah tetapkan.

Mereka memainkan permainan upacara amal. Unsur bangga diri bersarat dalam ‘penyembahan’ mereka dan bagaikan meleleh-leleh keluar daripada anggota tangan yang sedang melakukan penyembahan itu. Daripada ‘mengerjakan penyembahan’ sedemikian, umat seperti itu beralih kepada ‘pemangsaan’ atas para jiran mereka, dan itulah perlakuan yang sangat ditentang oleh Allah.

Yang mengejutkan, sebenarnya kesalihan sedemikian sekadar meningkatkan lagi dosa-dosa mereka. Kesalihan mereka langsung tidak mengurangkan sedikit pun dosa mereka mahupun menebus perbuatan salah mereka. Sebenarnya umat yang hidup secara tidak bermoral tetapi bersandiwara mempertontonkan kesalihan mereka dalam hal keagamaan memang meningkatkan lagi dosa serta keberdosaan mereka sebab mereka tidak putus-putus melakukan perbuatan yang tidak bermoral. Mereka tidak mengiktiraf bahawa prinsip moral memang wajib seiringan dengan penyembahan. Bahkan dosa-dosa kita hanya menjadi lebih teruk jika tersalut nipis dengan bayang-bayang kesalihan. Ini amaran serius bagi kita yang hidup salih — agar kita tidak turut melakukan perbuatan sedemikian. Amat perlu kita berwaspada agar kita tidak ada lapisan kesalihan dengan menyangka bahawa lapisan luaran sedemikian mampu melitupi kehidupan dalaman kita yang tidak bermoral. Perlu kita berjaga-jaga agar kita tidak mencintai gereja lebih daripada kita mengasihi Allah agar kita tidak begitu mencintai kehebatan muzik melebihi kekaguman kita terhadap keagungan Allah; atau lebih menyayangi buku doa kita berbanding kesukaan menyembah dan beribadah kepada Allah. Allah sendiri sahaja yang wajib menjadi fokus penyembahan kita, kesetiaan kita dan cinta kasih kita, bukannya pelbagai ‘hiasan’ dan tatacara kebaktian pagi Minggu atau kebaktian waktu petangnya. Perlu kita berwaspada agar yang mendorong kita bukannya sikap mementingkan diri atau pemuasan diri sendiri sahaja. Para warga

Israel itu semata-mata berusaha menonjolkan diri mereka dengan penyembahan mereka, dan wajib kita mengambil iktibar agar kita tidak melakukan hal yang sama. Kewajiban kita adalah untuk melakukan penyembahan menurut cara yang ditetapkan Allah dan bukan menurut peraturan kita sendiri atau berupa muslihat kita untuk membuat apa yang menyenangkan diri kita sahaja. Perlu juga kita berjaga-jaga agar kita tidak mendabik dada serta berbangga diri atas pameran luaran kesalihan luar kita, kegigihan kita beribadah, kemurahan hati kita dalam hal ‘memberi’, serta iltizam atau komitmen kita. Sungguh, amaran Amos itu ditujukan kepada kalangan yang ‘super alim’, kalangan umat yang betul-betul alim lagi gigih beribadah yakni kalangan umat yang lidah mereka biasa sekali menuturkan kata-kata bersifat rohaniah. Apabila bersendirian, kalangan umat ini yang menyangka orang awam melihat mereka sebagai orang alim yang kuat beribadah lagi dikagumi wahal mereka tetap meneruskan cara hidup yang tidak bermoral, dan masih memandang hina para jiran mereka dan tidak tulus ikhlas mengasihi Allah.

## Beberapa Peringatan

Perkara kaum wanita, dan penyembahan sudah kita bincangkan, kini kita beralih kepada beberapa peringatan pula. Salah satu dilema yakni keserbasalahan hebat yang dialami oleh umat Kristian ketika merenungi tentang hal-hal yang terjadi dalam dunia kita, terutamanya segala bencana dan kekejaman lalu kita menanya diri sendiri: Kenapakah perkara ini terjadi? Apakah yang Allah lakukan di sini? Apakah yang sedang berlaku? Tatkala menghadapi penyakit atau penderitaan, masalah kehilangan pekerjaan atau kehilangan sesuatu atau kematian, kita tertanyanya “mengapa?” Sering kali kita menyoal Allah, “Mengapa Engkau menimpakan geruh ini atas aku?” Pada skala yang lebih

besar lagi, kita melihat penderitaan bahana kemarau dan gempa bumi, wabak penyakit atau peperangan, tsunami atau puting-beliung lantas menyoal: Mengapa? Apakah yang sedang berlaku di sini? Apakah yang Allah sedang lakukan dalam dunia ini?

Sejarah Israel akhir-akhir itu sebelum zaman Amos memang menyenaraikan pelbagai bencana. Pada mulanya, tampaknya Israel dilandai penderitaan kebuluran (4:6). Amos menyebut tentang warga itu diberikan gigi bersih 'yang tidak disentuh makanan', bukan sebab mereka mengamalkan penjagaan gigi dan mulut tetapi atas sebab ketiadaan makanan untuk mengotori gigi mereka 'dan kekurangan roti di segala tempat kediamanmu' (4:6). Kedua, mereka terpaksa mengalami kemarau (4:7). Hujan – mungkin hujan musim bunga bulan April dan Mei - tidak turun walaupun ketika itu masih tiga bulan sebelum musim menuai. Maka usaha pertanian mereka telah mengalami kegagalan. Keadaan kemarau itu agak tidak menentu sebab 'Aku menurunkan hujan ke atas kota yang satu dan tidak menurunkan hujan ke atas kota yang lain'. (4:7). Mereka yang tidak dirahmati dengan hujan memang pergi untuk mendapatkan air daripada umat yang menerima hujan, tetapi air yang ada itu tidak mencukupi untuk keperluan semua umat. Ketiga, mereka ditimpa geruh berupa hama dan penyakit gandum (4:9). Hawar itu berupa ketibaan angin timur secara pramasa yang melanda dengan kepanasan dan kekeringan yang membinasakan tanaman. Kulapuk itu ialah sejenis kulat yang memasuki tanaman yang tumbuh lalu mengubah hujung-hujung tanaman yang kehijauan menjadi pucat lantas menghalang penuaian yang berkelimpahan dan berjaya. Maka musnahlah semua tanaman ruji bahana kejadian hawar tersebut.

Maka luputlah segala tumbuhan bijirin dan tanaman-tanaman bersama-sama dengan ladang anggur, buah zaitun dan buah tin. Keempat, telah terjadi wabak dan peperangan, yakni wabak penyakit sampar seperti yang menimpa Mesir apabila Tuhan telah

memukul Mesir dengan pelbagai wabak dan masalah (4:10). Telah berlaku juga peperangan yang menyaksikan 'Aku telah membunuh terunamu dengan pedang pada waktu kudamu dijarah'. Itu memang gambaran pemusnahan dalam peperangan di mana 'bau busuk perkhemahanmu tercium oleh hidungmu'. Ya, Dia mendatangkan kebuluran, kemarau, hawar dan kulapuk, serta wabak dan peperangan.

Kelima dan terakhir, kejadian gempa bumi atau sesuatu bencana (4:11). Ini sama dengan apa yang terjadi apabila Allah memusnahkan Sodom dan Gomora dalam bab 19 Kitab Kejadian. Habis musnah bumi, semua ranap serta kota-kota rayanya yang terbina. Besar kemungkinannya hal yang sama juga telah menimpa Israel baru sahaja kebelakangan ini.

Dalam sejarah mutakhir warga Israel itu, sekurang-kurangnya lima bencana telah menimpa mereka pada zaman Amos. Mampukah warga Israel memahami maksud kejadian-kejadian itu? "Itu suratan nasib dan kebelakangan ini nasib kita agak kurang baik sedikit." Atau mungkin pula umat akan cuba memberi penjelasan terhadap semua itu: "Ya, memang itu bahana kerapuhan ekologi Palestin. Ia memang kawasan bencana dan kejadian gempa bumi bukannya luarbiasa pun." Mungkin juga mereka berkata yang itu kesan pemanasan global. Mungkin pada hemat mereka itu akibat pembasmian hutan, lalu apabila pokok-pokok ditebang, iklim akan menjadi tidak stabil lagi. Ataupun mereka berkata, "Itu memang kerja si Iblis iaitu segala kuasa-kuasa jahat dalam dunia yang perlu kita tentang dan bertindak balas terhadapnya." Atau, "Aah, kita tidak ada banyak pilihan di sini maka apa mahu jadi, jadilah. *Que sera sera.*"

Pada penghujung setiap satu daripada lima pemerian itu ada petunjuk mengenai bagaimana Israel harus cuba untuk memahami bencana-bencana sebegitu. Ya, pada penghujung setiap satunya, korus atau baris ulangnya diulangi sebanyak lima kali: "namun

kamu tidak berbalik kepada-Ku," demikianlah firman Tuhan" (4:6, 8, 9, 10, 11). Kesemua malapetaka dan bencana itu memang daripada Tuhan, bukan kejadian nasib atau takdir atau kesilapan manusia, dan tentu sekali bukan bahana apa-apa masalah ekologi.

Memang ramai daripada kita tidak suka memikirkan yang Allah ada atau akan mendatangkan bencana sebegini. Apa sanggupkah kita mengatakan yang segala kejahatan dan kejadian buruk di dalam dunia kita ini didatangkan oleh Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang? Ramai sekali antara kita yang lebih menyukai Allah yang sudah "kita bentuk dalam acuan bersih dan rapi, serta menepati cara kita berfikir (tentang 'wajah-Nya'). Kita suka dan mahu memberi penjelasan terhadap kejadian bencana yang berlaku dalam dunia kita lalu mengaitkan kejadian itu dengan faktor cuaca atau kesilapan manusia. Adakalanya kita mahu mengaitkan dan menunding syaitan atas kejadian malapetaka sedemikian. Masa kini, ramai yang menyandarkan kejadian sedemikian sebagai "sudah takdir, seolah-olah dunia ini digerakkan lalu apa bakal terjadi akan terjadi juga tidak mengira apapun yang kita lakukan. Persolannya, bolehkah kita menyalahkan Allah atas sesuatu yang tidak baik?

Dalam hal Israel purba, menurut Amos, tiada satu pun daripada semua jawapan dugaan itu yang betul. Bolehkah kita lari daripada hakikat bahawa Allah yang mendatangkan semua hal itu. Perhatikan sahaja penekanan atas 'diri pertama' 'Aku': "**Aku** ini telah memberi kepadamu gigi yang tidak disentuh makanan di segala kotamu" (4:6); "**Aku** pun telah menahan hujan daripadamu" (4:7); "**Aku** telah memukul kamu dengan hama dan penyakit gandum, telah melayukan taman-tamanmu" (4:9); "**Aku** telah melepaskan penyakit sampar ke antaramu ... **Aku** telah membunuh terunamu dengan pedang" (4:10); "**Aku** telah menjungkirbalikkan kota-kota di antara kamu, seperti Allah menjungkir balikkan Sodom dan Gomora" (4:11).

Sesungguhnya Tuhan yang berfirman dan Dia sedang memberitahu sejelas-jelasnya bahwa dalam kejadian itu Dialah yang melakukannya. Sesungguhnya Dia sengaja menurunkan kesemua bencana itu atas Israel. Mengapa? Sebahagiannya berupa hukuman atas mereka dan hal itu memang diperjelaskan. Namun itu hukuman yang disulami kasih kurnia-Nya. Itu bukan Tuhan yang melampaikan sepenuh kemurkaan-Nya terhadap dosa para umat-Nya, tetapi itulah penghukuman-Nya namun masih secara terhad. Mana-mana umat yang terselamat tetap berpeluang serta mendapat galakan untuk mengubah corak hidup mereka. Hukuman itu berupa amaran mengenai perkara-perkara yang menjelang.

Memang sudah sering kali kita turut diberikan amaran yang sama. Tuhan memperlakukan kita sebagai anak-anak-Nya, dan itu berupa suatu bentuk kasih sayang-Nya terhadap kita, anak-anak-Nya yang dimarahi-Nya dengan keras. Diwahyukan-Nya banyak amaran kepada kita supaya, sebagai tanggapan kita kepada-Nya, kita boleh berubah (menjadi lebih baik) dan menjalani kehidupan yang berpandukan dengan kesalihan dan kekudusan. Sebagaimana warga Israel itu juga, kita gagal untuk menghiraukan peringatan serta amaran-amaran tersebut. Namun begitu, seharusnya Israel menyedari apakah yang sedang berlaku dan sebab terjadinya setiap satu daripada lima jenis bencana — sebelumnya ancaman kebuluran, kemarau, wabak dan kulapuk, peperangan dan gempa bumi — sudah disabdakan. Ulangan 28:15-68 menyenaraikan kesemua kutukan yang bakal menimpa Israel seandainya mereka tidak mematuhi undang-undang Tuhan seperti yang diberikan oleh-Nya di Sinai. Kesemuanya tersenarai dalam Amos 4.

Sepatutnya para warga Israel sudah mengetahui isi firman di dalam Kitab mereka, lantas tidak sepatutnya mereka terkejut. Merekalah terkejut bahawa panggilan ini berperanan untuk membangunkan para umat yang mengingkari-Nya. Sekiranya

umat Israel telah mengetahui amaran-amaran itu serta memahaminya, sudah tentu mereka akan akur serta mempedulikan segala peringatan itu. Sayang sekali, tidak satu pun daripada beberapa malapetaka itu yang berjaya mendorong mereka untuk bertaubat daripada dosa mereka. Itulah yang dimaksudkan dengan kata 'berbalik, yang diulangi sebanyak lima kali sepanjang ayat 6-11. "namun kamu tidak berbalik kepada-Ku ..." Tidak satu pun daripada "sumpahan" itu yang mendorong warga Israel untuk membelakangi segala dosanya dan berbalik kepada Allah. Malahan, sumpahan itu tidak berkesan langsung atas kedegilan umat itu dalam hal kecurangan mereka kepada Allah. Mereka yang dibutakan oleh dosa yang begitu jahil sehingga pengajaran Kitab dan segala bentuk amaran yang Allah wahyukan gagal mengendahkan mereka.

Israel begitu puas hati dalam hal tahap keagamaannya, cukup berpuas hati serta mengantuk lantas tidak nampak dan tidak berdaya mengertikan apa yang sedang dilakukan Allah di dalam dunia mereka. Kini, bersabda pula Amos bahawa kesabaran Allah akan berakhir. Kesabaran tanpa penghujungnya sebenarnya sikap tidak mempedulikan, namun Allah bukannya begitu. Kesabarannya tetap berakhir apabila tiba masa untuk pengadilan. Allah berfirman: "Sebab itu demikianlah akan Kulakukan kepadamu, hai Israel. Oleh kerana Aku akan melakukan yang demikian kepadamu, maka bersiaplah untuk bertemu dengan Allahmu, hai Israel!" (4:12). Nyata betapa itu bukan Allah yang "telah kita letakkan dalam acuan bersih dan rapi, yang tersimpan baik-baik di dalam kotak lalu dikeluarkan bila-bila diperlukan tidak berbahaya dan selesa yakni Allah sebagaimana mengikut sifat-sifat yang kita sukai, tetapi sebaliknya itulah Allah Maha Pencipta segalanya, Allah sebagaimana yang disabdakan dalam ayat 13: "Sebab sesungguhnya, Dia yang membentuk gunung-gunung dan menciptakan angin, yang memberitahukan kepada manusia apa

yang difikirkan-Nya, yang membuat fajar dan kegelapan dan yang berjejak di atas bukit-bukit bumi--Tuhan, Allah semesta alam, itulah nama-Nya." Allah inilah yang warga Israel harus menyediakan diri untuk menemui-Nya: iaitu Allah Maha Pencipta segala-galanya, yang berkuasa atas kesemuanya, yang wujud dalam semua perkara serta dengan kuasa yang mutlak. Itulah Allah yang kelak menghakimi Israel atas segala dosanya.

Maka seperti sabda Amos, sentiasa terimalah dengan sungguh-sungguh segala Firman Allah, dan jangan berasa puas hati di hadapan Allah yang Maha Kudus ini. Beratus-ratus tahun sebelum era Amos, sewaktu Allah memberi Sepuluh Hukum kepada warga Israel di Gunung Sinai melalui Musa, Israel teramat berasa gerun. Para umat meminta Musa mendaki ke puncak gunung itu untuk mendengar Firman Allah. Mereka teramat berasa gerun untuk mendengar suara Allah sebab mereka bimbang mereka akan mati jika mendengar-Nya. Allah memerintah agar mereka selalu takut akan Diri-Nya (Ulangan 5:29), dan berharap kiranya mereka selalu begitu. Namun begitu, pada zaman Amos, warga Israel tidak mengendahkan Firman Allah. Ya, Allah yang sama yang warga Israel dengar di Sinai, kini mereka akan segera menghadap Dia dalam pengadilan-Nya. Siapakah yang tidak akan berasa takut akan Allah yang sedemikian?

Maka bagaimanakah tanggapan kita terhadap bencana yang menimpa dunia pada masa kita kini? Adakah kita bertanya, mengapa? Adakah kita berkata, "Mujurlah itu bukan diri saya?" Mungkin kita merungut-rungut kepada Allah apabila kita jatuh sakit atau hilang pekerjaan atau jawatan kita: "Allah, itu amat tidak adil!" Sepatutnya kita akur dan mengambil iktibar daripada segala amaran sebab seperti mana Amos, Yesus Kristus juga memberikan amaran yang sama. Contohnya, kalau Yesus Kristus ditanya mengenai salah satu tajuk akhbar di dalam akhbar-Nya. Menara di Siloam berhampiran dengan Yerusalem telah roboh

dan 18 orang telah terkorban. Di mana silapnya, tanya mereka kepada Yesus Kristus.

Jawapan yang yang diberikan oleh Yesus kepada mereka ialah, “Tetapi jikalau kamu tidak bertaubat, kamu semua akan binasa atas cara demikian” (Lukas 13:4-5). Yesus tidak menyingkap butiran sama ada umat yang terkorban itu bersalah atau tidak bersalah. Tuhan Yesus cuma mengeluarkan amaran — “Bertaubatlah.”

Itu jugalah isi sabda Amos kepada warga Israel. Apabila sesetengah perkara terjadi, kita tidak tahu sama ada hal itu disebabkan kesalahan seseorang atau bukan. Namun begitu, soalan yang kritis ialah: Dengan mengambil kira dan iktibar daripada peristiwa ini, bagaimanakah sepatutnya tanggapan aku kepada Allah? Hari ini, tiada sebuah negara pun yang sama keadaan dan kedudukannya seperti umat Allah era Israel purba. Kita tidak terikat oleh sumpahan yang sama seperti dalam Ulangan 28. Namun begitu, berpandukan Yesus Kristus dan juga Nabi Amos, bila sahaja kita mengalami kesukaran, penderitaan atau masalah, atau bila sahaja kita terbaca mengenai sesuatu bencana dalam akhbar atau melihatnya di kaca television, soalan pertama yang seharusnya kita tanya ialah, “Apakah yang perlu aku ubah (dalam diri atau kelakuan saya) supaya saya bersedia untuk menemui Allah?” Pastikan supaya segala peristiwa duniawi ini hanya memperkuat lagi kita, dan menyediakan kita agar menjadikan kita cukup suci untuk menemui dan menghadapi Allah yang teramat kudus.

Sang singa sudah pun mengaum; siapalah yang tidak berasa takut? Maka eloklah kita akur, beringat dan memberi perhatian terhadap peringatan ini.

# 4

.....

## Satu-Satunya Peluang Terakhir

(Amos 5:1-17)

Dalam hal menyediakan “mood” atau ragam rasa yang sesuai, muzik sememangnya memainkan peranan yang penting. Sewaktu menonton filem anda tidak memerlukan sebarang tanda untuk mengetahui sama ada seseorang itu sang wira yakni “hero” dan seorang lagi si “orang jahat” — muzik latar yang dimainkan menjadi panduan bagi anda mengagak watak berkenaan. Begitu jugalah, daripada muziknya kita maklum sesuatu adegan itu tegang ataupun romantik. Hal yang sama terdapat dalam Bab 5 Kitab Amos. Untuk kita memahami isi bab ini dengan tepat, kita memerlukan muzik latar yang sesuai dalam minda kita sambil kita membacanya.

Konteksnya ialah ratapan. Ayat-ayat awal sekali dalam bab ini serta ayat 16-17 sememangnya ala gaya ratapan, malah mungkin juga sebuah lagu kabungan pengebumian. Maka bagi keseluruhan bab ini, sila teruskan membayangkan sebuah lagu kabungan pengebumian yang dimainkan secara perlahan-lahan. Boleh juga jika anda membayangkan Amos mendikirkannya atau menyanyikan senikata lagunya tepat mengikut tempo. Suatu ketika, semasa saya berkhotbah berdasarkan baris-baris ayat Ini,

saya menyanyikan baris senikata permulaan lagu kabungan pengebumian oleh Chopin demi cubaan untuk menangkap kesan daripada apa yang disabdakan oleh Amos.

## Rintihan Upacara Pengebumian

Amos memperkenalkan perkabungannya: “Dengarlah perkataan ini yang kuucapkan tentang kamu sebagai ratapan, hai kaum Israel” (5:1). Kemudian, menurut pola irama pengebumian, dia meneruskan perkataannya atau mendikirkan lagu ratap pengebumian berikut: “Telah rebah, tidak akan bangkit-bangkit lagi anak dara Israel, terkapar di atas tanahnya, tidak ada yang membangkitkannya.” (5:2). Sepanjang tempoh rangkap-rangkap seterusnya, lagu kabungan pengebumian terus dimainkan. Amos memang sedang meratapi kematian negara Israel, umat Allah sendiri. Yang menjadi isu adalah pada hakikatnya bangsa itu masih hidup. Israel belum lagi termusnah oleh tentera Asyur; itu hanya berlaku kira-kira 20 atau 30 tahun yang akan datang. Tetapi Amos sedang bernada kepada Israel seolah-olah negara itu sudah hilang lenyap sama sekali.

Anda hampir-hampir boleh membayangkan bagaimana tanggapan warga Israel kepada Amos yakni sebagaimana tanggapan Mark Twain apabila beliau terbaca obituari kawannya dalam akhbar. (Twain menulis surat kepada penyunting berkenaan dan menyatakan yang pada hematnya laporan tentang kematian agak pramasa.) Mungkin para warga Israel juga mengatakan hal yang sama: “Wahai Amos, sebagai sebuah negara bangsa, kami masih hidup. Kami masih tetap makmur dan kaya, dan secara relatifnya masih kuat. Apa yang kamu buat ini bertele-tele konon tentang kematian kami?”

Pemerian Amos dalam ayat 2 dan 3 diungkapkan dalam kala nada lampau demi memperjelaskan bahawa kematian Israel

memang tidak dapat dielakkan. Memang sudah pasti bahawa Israel bakal dihakimi dan dimusnahkan oleh Allah. ‘Telah rebah anak dara Israel’ (5:2) — gugur dalam pertempuran ialah konteks ungkapan itu. Jelas daripada ayat 3 bahawa dia telah gugur dalam pertempuran demi mempertahankan negara. Israel tidak pergi untuk menyerang sebuah negara bangsa lain lalu ditumpaskan, tetapi Israel sendiri yang telah dilanggar lalu gugur di atas buminya sendiri. Biarpun Amos tidak menyatakan nama negara yang menyerang itu, kita tahu bahawa pada tahun 721 SM, warga Asyur maju dari utara lalu memusnahkan kerajaan bahagian utara Israel. Tindak balas Israel bertujuan untuk mengerah segala tenteranya untuk bertahan tetapi seluruh bala tentera itu telah dimusnahhabiskan: ‘Kota yang maju berperang dengan seribu orang, daripadanya akan tersisa seratus orang, dan yang maju berperang dengan seratus orang, daripadanya akan tersisa sepuluh (5:3). Israel akan ditewaskan dan dimusnahkan oleh musuhnya. Mereka akan gugur di atas buminya sendiri dan tiada sesiapa akan berada di sana untuk membantunya, untuk memapahnya untuk bangkit semula atau untuk menyelamatkannya. Tidak akan ada pasukan Palang Merah yang berterbangan ke sana ke mari, memapah dan membantu mereka bangun lalu membawa mereka ke hospital untuk dirawat hingga sembuh semula. Umat Tuhan akan gugur dan akan terkorbanlah. Itulah lakaran potret yang Amos gambarkan iaitu pemusnahan Israel yang bakal terjadi sejeurus sahaja lagi.

Yang menjadikan suasana itu lebih tragik ialah betapa hibanya Israel dipanggil ‘anak dara’. Gagasan itu menggambarkan Israel sebagai seorang wanita muda — dan bukan bahawa dia telah tiba ke penghujung kehidupan yang sudah agak lama maka secara relatifnya, kematiannya tidak diduga — tetapi yang menghadapi maut ialah seorang anak dara, yang ‘dipancung’ pada waktu perdananya. Memang begitu tragik sekali! Bila sahaja kita

menonton televisyen dan melihat gambar kematian dalam kalangan orang muda, itulah yang paling memilukan lagi amat menggegarkan emosi. Kita dapat melihat kepiluan yang amat dalam sekali apabila janji berupa usia yang panjang tidak tergapai. Itu jugalah gambaran tragedi yang menimpa negara Israel pada puncak usianya, sedangkan masih banyak yang belum terlaksana dan tidak dicapai.

Tema ratapan, dan labu kabungan pengebumian itu berterusan hingga ke hujung bahagian ini. 'Sesungguhnya, beginilah firman Tuhan, Allah semesta alam, Tuhanku: "Di segala tanah lapang akan ada ratapan dan di segala lorong orang akan berkata, 'Wahai! Wahai!'" (5:16). Itu bererti bahawa akan ada perkabungan dan kesedihan di kota-kotarnya, namun bukan sahaja di kawasan-kawasan perbandaran; sebab hal yang sama turut berlaku di kawasan-kawasan luar bandar. "Petani dipanggil untuk berkabung dan orang-orang yang pandai meratap untuk mengadakan ratapan." (5:16). Dalam upacara pengebumian warga Israel, serombongan peratap profesional yang diupah untuk melolong-lolong dan menangis bagi si mati. Mereka juga akan dibawa untuk melolong dalam bentuk ratapan. "Dan di segala kebun anggur akan ada ratapan." Maka begitu jugalah meluasnya lolongan, berkabung serta ratapan ke seluruh negara bagi kematian sebuah negara bangsa.

Mengapakah perlu ada ratapan? Bahagian ini berakhir dengan: "apabila Aku (iaitu TUHAN) berjalan dari tengah-tengahmu" (5:17). Maka sekiranya anda seorang warga Israel yang mendengar perkataan sedemikian, tentu sekali perkataan itu akan membuat anda berasa seram sejuk. Mengapa? Asal ungkapan itu daripada sesuatu yang memang amat penting yang terjadi lebih awal lagi (seperti yang tercatat) dalam kitab Keluaran. Warga Israel telah diperhambakan di Mesi namun Allah melalui kepimpinan Musa atas warga Israel, telah menghantar pelbagai wabak atas Mesir

yang berakhir dengan kematian (pembunuhan) semua anak sulung. Tindakan Allah itu membolehkan warga Israel untuk melarikan diri meninggalkan Mesir dan merentasi air Laut Merah lalu memasuki kawasan gersang dan seterusnya menjejakkan kaki di bumi yang dijanjikan itu. Kemudian, apa yang Allah lakukan terhadap Mesir disampaikan dengan cara yang sama: “Aku akan menjalani tanah Mesir” (Keluaran 12:12). Maka kini apabila Allah mengancam warga Israel pula bahawa Dia akan lalu di tengah-tengah mereka, itu menjelaskan betapa umat Allah sendiri telah menjadi musuh Allah sebagaimana Mesir (adalah musuh-Nya) dahulunya. Maka warga Israel sedang berdepan dengan pengadilan, kemurkaan dan pembinasaaan daripada Allah. Ratapan yang Amos dikirkan itu adalah untuk pengebumian yang Allah sendiri sedang kelolakan yakni bagaikan Allah sendiri yang melakukan semua kerja. Bayangkan, Dia sedang menukulkan paku-paku pada keranda, serta mengedarkan lilitan lengan warna hitam untuk dipakai oleh hadirin seraya menurunkan bendera ke separuh tiang. Seolah-olah Allah sendiri juga yang membunyikan tanda tamat riwayat pada loceng berkenaan serta Dia juga yang memainkan lagu kabungan pengebumian.

Allah tidak suka melakukan semua itu. Dia Allah dan tentunya tiada niat jahat atau kebusukan hati ‘yang sampai sanggup duduk bersandar dengan mencebikkan muka’ apabila melihat umat menderita sebagai balasan atas dosa-dosa mereka. Allah tidak sekali-kali seperti itu. Dia senantiasa kudus namun begitu apabila ada umat yang menghadapi kemurkaan atau pengadilan Allah atas dosa mereka, Dia meratap dan meraung-raung, sebab Dia langsung tidak berasa gembira atas kematian pendosa. Menurut sifat kekudusan-Nya, Dia tetap Allah yang menghakimi, namun itu tetap dilakukan-Nya, dengan ‘ada perasaan’.

Allah memang meraung dan meratap kematian umat-Nya. Dia bukan sekadar menyeru umat lain untuk meratap atau

membiarkan Amos melakukan hal itu untuk-Nya sebab, “Telah rebah, tidak akan bangkit-bangkit lagi anak dara Israel, terkapar di atas tanahnya, tidak ada yang membangkitkannya”— itulah Firman Allah dan sememangnya Allah menangis atas segala dosa warga Israel.

## **Carilah Allah**

Sungguhpun begitu keadaannya, di tengah-tengah acara pengebumian itu pun tetap ada sabda pengharapan. Itu seolah-olah suatu usaha-Nya untuk memberi satu peluang terakhir demi pengharapan bahawa umat Allah akan berbalik yakni meninggalkan segala perbuatan mereka yang bergelumang dengan dosa itu. Amos mengeluarkan satu jemputan: ‘Sebab beginilah firman Tuhan kepada kaum Israel: “Carilah Aku, maka kamu akan hidup!”’ (5:4). ‘Carilah Aku’ itu merujuk kepada Tuhan. Itu sekilas pandang di tengah-tengah acara suatu pengebumian. Carilah Tuhan dan hiduplah.

Di manakah seorang pencari Allah menjumpai Allah? Pastinya Dia akan ditemui di tempat penyembahan. Para warga Israel yang mendengar ini mungkin terfikir: kita mesti kembali ke tempat suci itu — tempat penyembahan di mana kita mempersembahkan korban — untuk mencari Allah. Carilah Allah dan hiduplah, “tetapi jangan dicari Betel, dan janganlah masuk ke Gilgal atau menyeberangi ke Bersyeba, sebab Gilgal pasti masuk ke dalam pembuangan dan Betel akan lenyap.” (5:5). Ketiga-tiga tempat tersebut memang merupakan tempat ziarah suci bagi para warga Israel purba, iaitu kerajaan utara.

Seperti yang telah kita lihat sebelum ini Betel, yang bererti ‘bait atau rumah Tuhan’, ialah tempat di mana Tuhan menjelma menunjukkan diri-Nya kepada Yakub (Kejadian 28). Gilgal pula ialah tempat di bumi yang dijanjikan yang pertama sekali ditakluki

yakni di mana Yosua menyeberangi Sungai Yordan. Semenjak itulah Gilgal dianggap sebagai sebuah tempat suci. Dua belas biji batu telah ditegakkan sebagai batu peringatan (Yosua 4) untuk memperingati penyempurnaan janji-janji Allah. Bersyeba tidak terletak dalam kawasan kerajaan utara tetapi di Yehuda — di selatan. Itulah tempat di mana Ibrahim dan Abimelekh mengikat perjanjian dan Ibrahim menyerukan nama Allah (Kejadian 21:31-34). Maka di Bersyeba jugalah, para warga Israel mengiktiraf aktiviti silam Allah. Namun begitu, di sini Allah sedang berfirman dalam kitab Amos, “Janganlah kamu pergi ke sana; janganlah pergi ke tempat suci atau tempat penyembahan itu. Ia mungkin dipanggil Rumah Tuhan. Mungkin pada masa lalu Aku menampakkan diri-Ku kepada Ibrahim atau kepada Yakub, tetapi Aku tidak ada lagi di situ sekarang.”

Kesilapan Israel ialah kepercayaan mereka bahawa usaha mencari tempat suci atau berusaha melakukan sesuatu ritual atau korban itu memang merupakan daya usaha mencari Allah walhal dua perkara itu tidak sama. Allah memang tidak mendiami satu tempat sahaja bagaikan sesebuah tempat suci, bangunan atau kawasan tertentu mampu “menyimpan Allah” di dalam sesuatu wadah dan kita dapat mencari Dia di tempat tersebut. Usaha mencari Allah bererti kita tidak pergi ke tempat-tempat seperti yang disebutkan. Kita lihat di dalam Kitab Amos, tempat-tempat itu semuanya tidak berakhlak! Tempat-tempat itu mungkin dipenuhi dengan paparan luaran yang menonjolkan kesalihan, tetapi semuanya bukan tempat yang penuh ketulusan dalam usaha mencari Allah yang hidup. “Carilah Tuhan, maka kamu akan hidup,” Amos bersabda, “supaya jangan Ia memasuki keturunan Yusuf bagaikan api” (5:6). Di sini, ‘Yusuf’ menandakan sebahagian dari wilayah Israel yang menggabungkan Betel dan Gilgal “(api) yang memakannya habis dengan tidak ada yang memadamkan bagi Betel” (5:6).

Apabila para warga Israel mendengar nama-nama Betel atau Gilgal, minda mereka mungkin menggambarkan perhimpunan yang bersarat dengan sukaria, atau yang melagukan isi kitab Mazmur sama seperti sewaktu mereka pergi ke sana sebagai penziarah pada masa lampau. Namun sebaliknya, konteks sabda Amos berlawanan dengan sangkaan mereka itu. Kini muzik yang dikaitkan berupa lagu roh yakni lagu ratap pengebumian. Berterusanlah lagu ratap itu.

### **‘Eulogi’ (Pengucapan Terhormat)**

Masa kini, biasanya kita akan mendengar eulogi di upacara pengebumian, yakni beberapa perkataan yang diucapkan sebagai pujian terhadap si mati. Lazimnya, segala yang baik-baik iaitu kejujuran, serta pencapaian si mati akan ditonjolkan. Apabila saya mengetahui upacara pengembumian, teramat jarang benar ada sesiapa yang menemui saya untuk menyatakan betapa buruknya si mati itu semasa hayatnya. Walau bagaimanapun, saya boleh ingat kembali suatu pengebumian yang dihadiri oleh cuma sedikit sahaja warga lalu para ahli keluarga berkata, “kami tidak ingin sesuatu apa pun yang dikatakan tentang wanita ini sebab dia seorang yang sangat teruk.” Itu begitu menyedihkan sekali tetapi saya rasa para ahli keluarga berbuat demikian dengan penuh kejujuran dan keikhlasan.

Walaupun bagaimanapun, eulogi Amos untuk Israel tiada ruangan bagi puji-pujian yang tidak ikhlas. Malahan sabdanya ditujukan terus ‘mengenai batang hidung’ Israel: “Hai kamu yang mengubah keadilan menjadi ipuh” (5:7). Ipuh memang bahan pokok yang teramat pahit dan boleh membuatkan seseorang muntah-muntah dan demam. Hakikatnya, Israel telah mengubah keadilan menjadi bahan yang menimbulkan perasaan marah dan kecewa. Amos mungkin cuba menyampaikan betapa ketidakadilan Israel

menyebabkan Allah meluat. Boleh jadi Amos mendedahkan kelas pemerintah serta kalangan umat yang hidup makmur dan berjaya menindas kalangan miskin, lantas membuat kehidupan sudah teramat getir bagi umat miskin yang tertindas. Bukan sahaja mereka mengubah keadilan menjadi ipuh bahkan mereka juga ‘menghempaskan kebenaran ke tanah!’ (5:7). Malahan mereka merejamkannya seolah-olah ia periuk tanah — kesalihan dihempaskan ke tanah dan dipecahkan hingga berkecai-kecai.

Eulogi Amos (yang berupa parodi yang mempersendakan perbuatan warga Israel) itu bersambung dalam ayat 10: “Mereka benci kepada yang memberi teguran di pintu gerbang”, iaitu warga lebih kanan dalam juri yang mengumumkan keputusan ‘bersalah’ atau ‘tidak bersalah’. “Mereka benci kepada yang berkata dengan tulus ikhlas”, iaitu saksi yang lurus dan jujur yang memberikan bukti yang betul dan benar. Para warga Israel bukan sekadar mengetepikan segala yang baik dalam sistem perundangan bahkan mereka membencinya. Mereka teramat-amat membenci apa-apa sahaja yang jujur atau benar menurut undang-undang. Begitu hebat kecondongan kalangan umat sedemikian terhadap perbuatan yang tidak berakhlak dan penindasan hinggakan mereka sanggup membayar para saksi untuk menyatakan pembohongan dan kepalsuan. Mereka membayar juri untuk memberikan keputusan yang melindungi kegemaran serta harta benda mereka. Itulah sistem keadilan yang sudah sepenuhnya menjadi tidak keruan lagi, dan tertunggang balik oleh kalangan kaya yang tamak serta oleh kelas pemerintah dalam negara itu.

Pintu gerbang seperti yang disebutkan dalam ayat 10 merupakan tempat di mana mahkamah pembicaraan dijalankan. Bagi sesebuah kotaraya purba jalan masuk anda adalah melalui pintu pagar yang di dalamnya ada relung, seperti kubikel atau bilik kecil di sebelah kiri dan kanannya. Di situlah dijalankan pelbagai urusan. Misalnya di dalam Kitab Rut 4, apabila Boaz

pergi untuk mengisytiharkan kedudukannya sebagai saudara lelaki Ruth agar dia dapat memperisterikannya, dia telah pergi ke pintu pagar untuk menyempurnakan maksudnya. Jadi, di sini, Amos sedang ‘menyerang’ sistem perundangan Israel purba.’

Di dalam 5:11, Amos meneruskan lalu bersabda bahawa mereka ‘menginjak-injak orang yang lemah’ — tentunya bukan secara harafiah memijak kepala-kepala kalangan orang berkenaan, tetapi sebenarnya menghina mereka dan menyatakan betapa kejinya mereka itu pada pandangan mata mereka. Mereka yang secara kiasan “menginjak-injak orang yang lemah” dan menipu mereka untuk mengambil segala harta benda kalangan itu secara tipu daya. Selain itu, percukaian yang amat tidak adil demi menimbun-nimbunkan khazanah mereka sendiri, telah mengetengahkan serta menghalalkan sistem ekonomi dan perundangan yang menjadikan kalangan kaya jauh lebih kaya namun menjejaskan lagi ekonomi kalangan miskin. Sekalipun orang miskin memperoleh sedikit hasil daripada tanaman mereka, cukai yang tersangat tinggi dikenakan atas mereka oleh kalangan kaya ini menyebabkan orang miskin terpaksa bergelut dalam kepayahan untuk terus wujud dalam masyarakat yang sangat tidak adil itu.

Tentunya Allah mengenakan pengadilan-Nya atas para warga Israel yang tersebut itu. Maka “biarpun kamu telah mendirikan rumah-rumah daripada batu pahat, kamu tidak akan mendiaminya; sekalipun kamu telah membuat kebun anggur yang indah, kamu tidak akan minum anggurnya” (5:11). Wah, amat hebat kekecewaan kalangan kaya yang tidak dapat menikmati segala hasil daripada usaha jahat lagi haram mereka itu. Para pengacau akan dimusnahkan oleh Allah; kejahatan akan dibalas setimpal dan maruah serta kedudukan golongan kaya raya akan dijatuhkan. Pertuduhan diteruskan: “Sebab Aku tahu, bahawa perbuatanmu yang jahat banyak dan dosamu berjumlah besar” (5:12). Para

pemerintah dan golongan kaya raya bukan hanya sekali dua sahaja lupa atau terlepas pandang daripada melakukan perkara yang benar, tetapi sebenarnya mereka sudah terlalu biasa dengan segala kemungkaran sedemikian. Gaya hidup mereka sudah sebatu benar dengan kemungkaran serta dosa-dosa mereka maka atas sebab itulah Amos mengetengahkan tuduhan ini dalam parodi yang berupa eulogi ini.

Ingatlah lagu kabungan pengebumian ini menandakan kematian sebuah negara. Maka sangat jelaslah mengapa Israel sedang ditonton menuju kematiannya: atas sebab tingginya tahap ketidakadilannya serta kurangnya kesalihannya. 'Sebab itu orang yang berakal budi akan berdiam diri pada waktu itu, kerana waktu itu adalah waktu yang jahat' (5:13). Itu bukan bererti bahawa kalangan yang berakal budi akan berdiam diri terhadap ketidakadilan, tetapi ertinya ialah ketika datang pengadilan Allah, mereka yang bijaksana akan mendiamkan diri masing-masing, kerana dia/mereka begitu ngeri dengan pengadilan Allah terhadap kalangan umat yang terbiasa mengamalkan dan melakukan dosa-dosa sedemikian.

Masalah Israel purba merupakan penyembahannya yang sudah menjadi tidak keruan atas sebab para umat kekurangan dalam hal keadilan. Penyembahan yang betul akan menyerlahkan sifat Allah serta akan mengarahkan kita untuk mengenali-Nya dengan sebaik-baiknya. Penyembahan yang betul bukan sahaja akan membawa kita untuk mengenali Allah dengan sebaik-baiknya, bahkan akan membentuk kita untuk meniru sifat keadilan serta kesalihan Allah. Memang penyembahan Israel tidak sesuai. Sifat tidak adil umatnya sukar diubah lagi pula kerana kesalihan tiada langsung dalam diri mereka, maka Allah mengutuk penyembahan mereka serta tempat penyembahan mereka. Apabila Dia berfirman, "Carilah Aku" (5:4), firman-Nya sebenarnya bukan untuk mencari-Nya di gereja atau tempat penyembahan mereka

yang sedia ada. Kitab Amos menekankan tentang pengamalan keadilan, sebab itu sememangnya sifat asasi Allah sendiri.

Untuk kita berjaya menjadi umat yang betul-betul mengenali Allah dan berdaya meniru sifat-Nya, sifat keadilan dan kesalihan wajib menjadi bahagian-bahagian yang sangat penting dan yang perlu ada dalam kehidupan kita. Ya, mungkin sekali, tiada seorang pun antara kita yang selalu berkhidmat secara formal sebagai juri atau dalam sesuatu sistem undang-undang, walaupun bagi setiap seorang daripada kita, keadilan serta isu-isu keadilan memang ada di sekeliling kita saban hari: maka bagaimanalah kita membesarkan anak pinak kita, dengan mempraktikkan keadilan antara seorang anak dengan seorang anak yang lain; bagaimana pula kita menangani para ketua kita, rakan sejawat kita, para pekerja serta klien kita, dengan memastikan bahawa keadilan sentiasa diamalkan bukan sahaja dalam urusan niaga kita sendiri sahaja tetapi juga dalam hal urusan kita dengan semua orang lain. Adakah kita umat yang meniru kebaikan sentiasa berusaha mendapatkan keadilan dan mempertahankan kepentingan keadilan, atau, adakah atas sebab ketakutan dan kebaculan kita menutup mata bila ketidakadilan berlaku?

## **Mazmur atau Kidung Pujaan Upacara Pengebumian**

Apabila kita pergi menyertai acara pengebumian kita suka menyanyikan mazmur atau kidung pujaan berunsur pembawa keselesaan dan harapan: Mazmur 23, *Amazing Grace*, *Abide with Me* dan kidung pujaan seperti itu yang lain. Lazimnya lirik kidung pujaan sedemikian menyatakan tentang kuasa Allah yang sememangnya amat berdaulat sekali — kuasa yang berlanjutan semenjak penciptaan kita lagi, sepanjang kehidupan kita dan berlanjutan melewati kematian kita. Kidung pujaan sedemikian

memang menenteramkan lagi menggalakkan kita bahawa masih ada bayang-bayang harapan bagi kita.

Di tengah-tengah eulogi Amos untuk warga Israel purba terdapat sebuah kidung pujaan, dan memang ramai yang menganggap bahawa warga Israel memang tahu benar mazmur pujaan itu. Ia bermula dalam ayat 8. Ia mazmur pujaan yang memuji-muji Allah sebagai 'Dia yang telah membuat bintang kartika dan bintang belantik', iaitu gugusan bintang-bintang di langit. Dia yang memanggil air laut dan mencurahkan ke atas permukaan bumi -- Allah itulah nama-Nya' (5:8). Hebat sekali mazmur pujaan yang memuji-muji Sang Pencipta yang paling berdaulat, yang berkuasa atas masa serta musim-musim dan juga bumi ini. Pada hemat saya, warga Israel memang tahu benar lagu itu; mereka mengumandang lagunya dengan penuh semangat dan memperoleh keselesaan daripada lagu itu.

Namun begitu, seperti yang telah kita lihat sebelumnya di dalam kitab ini, Amos bijak memutar sesuatu secara yang mengejutkan juga. Dalam hal yang dibicarakan ini, dia (Amos) meneruskan pembentangannya atau melagukan mengenai Allah yang sama 'yang menimpakan kebinasaan atas yang kuat, sehingga kebinasaan datang atas tempat yang berkubu' (5:9). Kemungkinan besar itu adalah senikata yang mahu didendangkan oleh warga Israel dengan membayangkan para musuh mereka sendiri, lalu mereka merasakan kegembiraan dan keselesaan kerana berfikir bahawa Allah pasti menghukum para musuh mereka. Mungkinkah di sini, sabda Amos berisi unsur ketakketaraan? Mungkin apa yang Amos lakukan ialah pengubahan beberapa patah kata daripada senikata sesebuah kidung pujaan yang tersohor dengan matlamat untuk menyengat Israel sendiri dan bukan ditujukan kepada musuh. Mampukah anda membayangkan seseorang yang menziarahi acara pengebumian lalu menyanyikan: "Engkau menyediakan hidangan bagiku,

di hadapan lawanku; Engkau mengurapi kepalaku dengan minyak; pialaku penuh melimpah?"

Dengan menyampaikan kidung pujaan yang menyanyikan dambaan untuk keselesaan, mengenai Allah yang menyediakan meja sajian bagimu di hadapan para musuh kita, dan dengan menukarkan beberapa patah perkataan sahaja, kita boleh menunjukan lagu itu untuk tepat mengenai diri kita sendiri. Mungkin Amos tidak melagukan irama yang gembira tetapi di sini mungkin Amos menyanyikan sebuah lagu ratapan pengebumian.

### **Perkataan yang Memberi Harapan**

Sebagaimana di mana-mana upacara pengebumian, sabda Amos kembali memberikan harapan. Mungkin itu sekadar sekilas pandang sahaja, tetapi apa pun, memang tetap ada harapan. Kalimah-kalimah ini mengimbangi perkataan membawa harapan dalam 5:4-6. "Carilah yang baik dan jangan yang jahat, supaya kamu hidup; dengan demikian Tuhan, Allah semesta alam, akan menyertai kamu, seperti yang kamu katakan. Bencilah yang jahat dan cintailah yang baik; dan tegakkanlah keadilan di pintu gerbang" (5:14-15). Di sini Amos bersabda "Carilah yang baik", dan itu selari dengan "carilah Tuhan" yang digesa Amos supaya dilakukan oleh warga Israel dalam 5:4, 6. Namun ungkapan 'carilah yang baik' memang ada rakan sejawatnya. Perbuatan mencari yang baik juga bererti menjauhi atau membenci yang jahat. Yang disampaikan oleh Amos ialah 'mana boleh anda mencari Allah jika anda tetap mengamalkan segala perbuatan yang jahat dan mungkar'. Maka berpalinglah daripada kejahatan dan beralihlah kepada Allah. Carilah Dia dan anda akan menemui-Nya, sebab "Tuhan, Allah semesta alam, akan menyertai kamu" (5:14).

Amos meneruskan sabdanya lalu menyampaikan bahawa usaha mencari yang baik bererti memastikan keadilan ditegakkan

di pintu gerbang (di mana pengadilan dijalankan oleh warga Israel purba). Hakikatnya iman yakni kepercayaan kepada Allah bukan sesuatu yang persendirian tetapi itu adalah perkara untuk yang awam. Kepercayaan umat Kristian bukan sesuatu yang *peribadi*, bukan yang *persendirian*. Kita memang wajib menjadi Warga Kristian yang mengamalkan kepercayaan kita secara awam pada hari Isnin, Selasa, Rabu hinggalah ke hari Sabtu, dan tentunya, hari Ahad juga. Dalam segala hal yang kita lakukan, hendaklah kita mengamalkan hubungan kita dengan Allah secara awam dan bukan menyimpannya sebagai sesuatu yang persendirian. Itulah yang disabdakan di sini oleh Amos. Beliau berusaha menenteramkan hati warga Israel bahawa sekalipun di tengah-tengah pengadilan dan dosa, mereka tetap masih boleh menghadap Allah secara persendirian dan menemui kehidupan. Hasilnya: ‘Mungkin Tuhan, Allah semesta alam, akan mengasihani sisa-sisa keturunan Yusuf’ (5:15). ‘Mungkin’ — ada terjemahan lain yang menggunakan ungkapan ‘boleh jadi’ — Allah akan baik budi. Itu tidak pula bererti bahawa ‘mudah berubah hati’ itu memang antara perwatakan atau sifat Allah hinggakan anda mustahil akan dapat mengatakan apakah yang bakal dilakukan oleh-Nya. Sebaliknya itu perkataan ‘boleh jadi’ digunakan sebab mustahil kita membuat anggapan tentang kasih karunia Allah, lagi pula itu bukan semestinya ganjaran balasan yang berpatutan buat kita. Kembali atau berbalik kepada Allah tidak bererti kita menghumbankan diri kita untuk mengemis belas ihsan-Nya, tanpa tuntutan terhadap kita dan dengan ‘tangan kosong.’ Kita memang tidak pergi menghadap-Nya dengan berkata, “Allah, inilah alasan mengapa Engkau mesti menerima diriku” tetapi sebaliknya kita mencari Allah dengan menyerahkan diri kita demi mengharapkan belas ihsan-Nya. Itu ‘mungkin’, sebab kita **tidak berhak** mendapat belas kasihan.

Maka, di manakah harus kita mencari Allah? Ke manakah harus kita tuju apabila kita mendengar kata-kata: “Carilah Allah, maka kamu akan hidup?” Seperti mana yang telah kita lihat, warga Israel purba memang suka menuju ke tempat-tempat suci mereka di Betel, Gilgal dan Bersyeba. Tetapi apabila mereka beralih ke tempat-tempat itu, kehidupan tidak ditemui mereka, dan hasilnya hanyalah pemusnahan. Apabila Amos bersabda, “Carilah Tuhan, maka kamu akan hidup”, bagi kita para Warga Kristian yang hidup lama sekali sesudah zaman Amos, kita hanya boleh berpaling dan mengharapkan seorang sahaja. Dia yang berfirman, “Akulah kebangkitan dan hidup” dan “Akulah jalan dan kebenaran dan hidup” (Yohanes 11:25; 14:6) sememangnya orang yang wajib kita cari. “Carilah Tuhan, maka kamu akan hidup” bukan merujuk pada satu tempat seperti Betel, Gilgal atau Bersyeba; dan bukan juga sebuah bangunan gereja atau katedral, tetapi sebaliknya kepada Yesus Kristus. Jika yang wajib dicari itu suatu tempat, maka kayu salib memanglah tempat itu. Harapan untuk mendapat belas kasihan terjadi di tengah-tengah pengadilan di atas kayu salib, di Kalvari 2,000 tahun nan lampau. Sebab di situ dan hanya di situ sahajalah, menerusi Yesus Kristus sahajalah, Allah membawa pengadilan terhadap dunia ini dan juga menawarkan belas kasihan.

Maka, di tengah-tengah ketidakadilan dunia ini, carilah Yesus Kristus. Di tengah-tengah pengadilan Allah terhadap dunia ini, carilah Kristus. Sebab dalam Kristus dan hanya dalam Dia sahaja, akan ditemui belas kasihan dan kehidupan. Namun begitu, ingatlah akan muzik latar di sepanjang bahagian ini. Lagu kabungan pengebumian masih dimainkan untuk dunia, malahan pada hari ini pun, namun muzik itu tidak akan kekal begitu buat selama-lamanya.

# 5

.....

## Penyembahan Yang 'Tidak Kena' (Amos 5:18-27)

**H**ari Kiamat sudah dekat! Pada setiap era, pengumuman sedemikian sering diuar-uarkan oleh para penggemar agama dan juga kalangan orang salih yang aneh-aneh. Mereka sering kali berdiri di sudut-sudut jalan sambil membawa sepanduk-sepanduk yang mengumumkan hal kiamat tersebut.

Jangkaan tentang ketibaan hari kiamat begitu memuncak apabila milenium (seribu tahun) yang pertama tiba dan berlalu pada tahun Masehi 1000 dan 2000. Namun keghairahan sedemikian tidak sekadar terhad kepada dua tarikh tersebut sahaja. Setiap zaman pasti menyaksikan minat besar terhadap hari kiamat, dan ada sesetengah pihak yang berpendapat bahawa kita sudah pun memasuki era hari-hari terakhir sebelum kiamat. Misalnya, gelombang awal taifah atau sekta *Jehovah's Witnesses*, memang percaya bahawa hari kiamat akan datang pada tahun 1914. Pada tahun 2011, menurut hitungan seorang pastor bangsa Amerika, Yesus Kristus akan kembali (ke dunia) pada Mei 2011. Lewat tarikh itu, beliau melaraskan tarikh itu ke Oktober 2011. Ternyata kedua-dua tarikh itu salah. Alangkah menyedihkan bagaimana ramai orang yang mengikuti bidaah dan penipuan sebegitu. Menurut sesetengah pihak 21 Disember, 2012 ialah tarikh

berakhirnya dunia yakni hari kiamat (saya sedang menulis ini beberapa hari sahaja sebelum tarikh itu — maka jika anda sedang membacanya, ternyata ramalan itu palsu semata-mata.) Terdapat juga berdozen-dozen filem dan nobel mengenai bagaimana agaknya hari kiamat kelak, sebagai contoh, karya Neville Shute iaitu *On the Beach* mengisahkan kiamatnya dunia menyusul kehancuran akibat bencana nuklear.

## Hari Tuhan

Warga Israel purba memang tidak terkecuali. Mereka bukannya menjangka kejadian bencana akibat nuklear, tetapi mereka teramat mendambakan Hari Tuhan. Sangat-sangat mereka menantikan hari apabila Allah kelak bertindak dengan tegas dalam sejarah dunia dan menjuruskan penyempurnaan segala-galanya menurut kehendak-Nya. Pada zaman Amos itu memang meningkat sekali keghairahan terhadap hari kiamat kerana bala tentera besar lagi hebat para warga Asyur sedang bersiap sedia untuk berperang pinggir (bahagian) utara Israel. Para umat Tuhan teramat rindu agar Allah akan bertindak. Tentunya hari itu kelak tersurat sebagai hari pewajaran bagi umat Tuhan, dan atas tertumpasnya para musuh yang musuh mereka Allah sendiri.

Tentu sahaja seronok jika ada Hari Tuhan yang begitu dinantikan memandang kedua-dua Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru memang menggesa kita untuk bersedia untuk hari itu. Malahan Alkitab berakhir dengan gesaan, “Datanglah, Tuhan Yesus!” (Wahyu 22:20). Jadi, satu amalan baik untuk mendambakan Hari apabila Tuhan Yesus akan datang untuk menghakimi dunia lalu mendirikan kerajaan-Nya.

Tetapi dalam bahagian ini Amos kritis terhadap dambaan sedemikian yang diketengahkan oleh warga Israel. “Celakalah mereka yang menginginkan hari Tuhan! Apakah gunanya hari

Tuhan itu bagimu?" (5:18). Amos berfirman bahawa pada hakikatnya, hari sedemikian akan berlawanan dengan apa yang anda harapkan atau jangkakan. Anda mendambakan hari penyelamatan, yang penuh kegirangan serta pembenaran yakni pewajaran, tetapi sebenarnya hari itu adalah kegelapan dan bukan penuh dengan cahaya. Beliau meneruskan pemerianya dengan menggunakan kelucuan yang suram dan muram di dalam ayat 19 — yang ala-ala petikan filem seperti *Jurassic Park* atau *Jaws* yang dipaparkan di *Youtube* purba.

Baru sahaja anda menjangka yang keadaannya selamat, datang pula satu lagi bahaya! Keadaan itu seperti seseorang yang berjaya melarikan diri daripada seekor singa lantas mengurut dada dan menyeru, "Wah, syukurlah, selamat juga aku daripada sang singa itu." Tetapi, tiba-tiba sahaja, selepas selekoh berikutnya ada pula seekor beruang — "Oh tidak, alahai, kenapa lagi satu bahaya pula ni!" Lalu dia memecut dan lari daripada beruang itu dan sampai ke rumahnya, lalu berdentum pintu rumah yang ditutup dan dikuncinya, menghelakan nafas panjang-panjang kerana berasa amat lega.

Anda boleh membayangkan keringat yang bagaikan menyimbah-nyimbah dari dahi sang wira kita itu, tetapi bila dia menghulurkan tangan untuk memetik suis lampu (ini bercakap menggunakan umpama-umpama sahaja sebab pada zaman Amos itu mana ada suis lampu lagi) saekor ular pula memagutnya lalu membunuhnya (5:19). Itu memang cerita seram zaman purba! Satu watak yang sedang cuba melepaskan diri daripada satu bencana lepas satu bencana akhirnya berjaya sampai ke tempat yang selamat di mana akhirnya dia terbunuh di situ pula.

Penuh bencana dan keseraman — begitulah kelakinya Hari Tuhan bagi para warga Israel purba. Amos meringkaskan hal itu begini: "Bukankah hari Tuhan itu kegelapan dan bukan terang, kelim kabut dan tidak bercahaya?" (5:20). "Celakalah kamu" ialah

apa yang Amos sabdakan (5:18). Jika anda seorang warga Israel, tentu sahaja anda menjadi tergamam dan tertakjub oleh perkataan itu lantaran anda sudah terdidik dengan jangkaan yang berpandukan Alkitab iaitu pendambaan terhadap ketibaan Hari ini. Sepatutnya itu suatu perkara yang anda jangka serta nantikan dengan penuh minat. Keadaan sebenar seolah-olah roda kehidupan mereka (warga Israel) sedang bergolek dalam suasana gembira ria, tetapi tiba-tiba sahaja muncul pernyataan yang penuh dengan duka lara.

Bayangkan anda sedang bergembira dalam gerbang perkahwinan yang berbahagia namun tiba-tiba anda mendapati bahawa pasangan anda telah meninggalkan anda — yakni hal yang amat tidak dijangkakan — maka remuk redamlah kehidupan anda. Atau pula anda sedang begitu berjaya dalam kerjaya dan pekerjaan anda, serta baru sahaja naik pangkat, naik gaji, dan mendapat pelbagai hak serta faedah namun begitu, pada suatu hari anda masuk kerja dan secara tiba-tiba sahaja ketua anda memberitahu anda bahawa khidmat anda tidak lagi diperlukan. Berita buruk sedemikian memang mendadak dan tidak tiba secara beransur-ansur. Begitu jugalah tempo perkembangan sabda Amos. Kehidupan sedang begitu lancar dan selesa, perkembangannya di Israel purba, ya, sungguh cerah dan banyak kesyukuran. Harga saham meningkat dan kehidupan memang selesa, begitulah keadaan kalangan kaya raya yang sedang diperingatkan oleh Amos yang bersabda itu. Selepas itu, tiba-tiba sahaja, *bum*: “Celakalah mereka yang menginginkan hari Tuhan!”

Tentu saja hal itu memberi kejutan kepada para warga Israel purba sebab implikasinya ialah mereka, umat Allah sendiri, sebenarnya merupakan musuh Allah. Maka Hari Tuhan akan merupakan hari pembinasaan bagi mereka dan bukan hari kemenangan dan kegembiraan.

Sabda Amos itu mendedahkan harapan hampa yang memperdayakan warga Israel bahawa mereka tentu selamat. Persoalannya, mengapakah Amos begitu kritis lagi berpendirian amat tegas sewaktu menentang begitu banyak hal lain? Seperti yang kita lihat daripada bab-bab kitab Amos yang terdahulu, Israel purba bersarat dengan perbuatan dan perlakuan yang tidak bermoral, penindasan kaum miskin Marhaen, dan ketidakadilan. Penyembahan mereka penuh dengan rasa berpuas hati dan yang beranggapan mereka telah dikecualikan daripada amarah serta pengadilan Allah. Fikir mereka, "Kami umat Tuhan maka pasti Dia tidak boleh menghakimi kami. Kami berhak menjalani kehidupan kami mengikut cara yang kami mahu sebab Tuhan adalah di pihak kami."

## **Suatu Kejutan Tentang Penyembahan**

Kita juga telah lihat di dalam bab-bab lebih awal betapa salihnya para warga Israel purba itu. Mereka juga bukannya warga yang bersifat duniawi yakni sekular yang jauh daripada Allah, tetapi sebaliknya, mereka kalangan umat yang beramal serta mematuhi setiap hukum agama dan mengerjakan setiap ibadat serta istiadat. Dengan amat tekun dan taat mereka menuruti kehendak dan perintah Allah, seolah-olah pada hemat mereka, apa yang penting diambil kira di mata Allah hanya ketaatan mereka dalam beribadat kepada-Nya.

Tetapi dalam Amos 5:21-23, perhatikan bahawa bukan sahaja Amos yang bersabda tetapi Allah sendiri turut berfirman: "Aku membenci, Aku menghinakan perayaanmu dan Aku tidak senang kepada perkumpulan rayamu. Sungguh, apabila kamu mempersembahkan kepada-Ku korban-korban bakaran dan korban-korban sajianmu, Aku tidak suka, dan korban

penyelamatanmu berupa ternak yang tambun, Aku tidak mahu pandang. Jauhkanlah daripada-Ku keramaian nyanyian-nyanyianmu, lagu gambusmu tidak mahu Aku dengar.”

Ungkapan “membenci ... menghinakan ... tidak suka ... tidak mahu pandang. Tidak mengendahkan ... mahupun berkehendakkan segala amalan keagamaan warga Israel purba — itu memang perkataan yang keras lagi menggigit. Itu luarbiasa sekali sebab Allah sedang menolak institusi (iaitu adat, sistem atau prinsip) yang Dia sendiri wujudkan. Para warga Israel hanya mengerjakan apa yang dikehendaki-Nya sejak beberapa tahun sebelumnya — mematuhi undang-undang korban dan pesta-pesta, persepuluhan dan adat istiadat. Allah berfirman bahawa kesemuanya itu hanya adat istiadat *kamu*, pesta *kamu*, bukan istiadat serta pesta Aku.

Ayat 22 berfirman tentang korban mereka: korban-korban bakaran, di mana keseluruhan haiwan itu dibakar atas mazbah sebagai suatu persembahan kepada Allah atas perbuatan-perbuatan yang berdosa; korban-korban sajian, di mana biji-bijian dan bukan haiwan akan dimusnahkan dalam api sebagai persembahan kepada Allah; dan korban penyelamatan di mana sesetengah daripada haiwan-haiwan itu dibakar, sesetengah lagi akan dimasakkan untuk makanan para paderi manakala bakinya akan menjadi bahan bagi orang ramai yang datang untuk mempersembahkan korban masing-masing.

Memang kesemua korban tersebut itu telah diperintahkan di dalam Imamat 1-5. Namun begitu, tidak kira apa pun jenis korban yang dipersembahkan oleh para warga Israel, Allah berfirman bahawa Dia tidak berkenan dengan semua itu: “Aku tidak berkehendak semua itu dan kesemuanya tidak menggembirakan-Ku hmalahan aku membenci dan memandang hina semuanya.”

Bahasa yang sama tegas digunakan terhadap muzik dan lagu-lagu mereka: “Jauhkanlah dari-Ku keramaian nyanyian-

nyanyianmu (secara harafiah bermaksud kebisingan lagu-lagumu)" (5:23). Mungkin anda terfikir betapa kini sesetengah lagu yang dinyanyikan di dalam gereja memang berupa kebisingan. Namun sabda Amos ini bukan mengenai mutu atau gaya muziknya, tetapi lebih kepada hal yang mendalam lagi, tidak kiralah sama ada itu nyanyian vokal atau alatnya, sama ada memainkan kecapi, atau organ, gitar atau tamborin. Amos bersabda atas sifat muzik mereka itu sendiri dan pada hematnya muzik itu tidak diterima oleh Allah. Allah memekakkan telinga terhadap muzik itu sebab itu muzik *kamu*, bukan muzik-Ku. Allah tidak mengakui segala yang mereka lakukan. Bagi Dia, itu semata-mata menjijikkan dan Dia menyuarakan ketidaksenangan hati-Nya dengan menggunakan bahasa yang kesat.

Bolehkah anda membayangkan sekiranya Allah berfirman sebegitu mengenai kebaktian dan muzik gereja kamu? Aku membenci upacara sembahyang jemaah kamu. Aku menghina Buku Doa Umum, atau Buku Doa baru kamu, atau Buku Kidung Pujian kamu. Aku benci pada organ, gitar dan seruling kamu. Aku betul-betul membenci segala sesuatu mengenai penyembahan kamu. Tentu sahaja kita akan amat terkejut. Tidak dapat kita membayangkan Allah berfirman sedemikian tentang kita.

Apa yang sedang saya cuba lakukan menggambarkan tahap kejutan yang tentunya dirasakan oleh para warga Israel purba apabila mendengar sabda sedemikian. Apa tidaknya, segala hal yang pada hemat mereka dilakukan mereka dengan sebegitu gigih serta penuh minat demi kepatuhan terhadap hukum-hukum Allah — kesemua itu semata-mata kebencian bagi Allah. Mengapa? Adakah Allah sanggup berfirman sebegitu rupa tentang penyembahan kita? Mungkin kita akan membantah dan berkata bahawa pasti segala yang kita kerjakan itu tidak boleh tergolong sebagai "tidak boleh diterima" oleh Allah atas sebab apa yang kita lakukan itu memang berdasarkan (kerahan di dalam) Alkitab.

Apa yang kita nyanyikan dan doakan memang alkitabiah maka kepada Allah semua itu mestilah betul.

Namun keadaan sebenar tidak begitu! Boleh jadi umat Tuhan berkata sebegitu mengenai hampir-hampir kesemua aspek penyembahan mereka. Perkara yang menjadikan penyembahan mereka itu 'jijik' bagi Allah bukanlah mengenai penyembahan itu sendiri, tetapi sebenarnya berkaitan dengan kehidupan mereka. Mereka memang hidup secara tidak bermoral, dan *itulah* yang menjadikan penyembahan mereka jijik kepada Allah. Tidak kisahlah sama ada kita melagukan korus moden atau kidung pujaan yang lama, atau menggunakan buku doa atau tidak, perkara yang sama sekali menjijikkan bagi Allah ialah kehidupan yang tidak bermoral.

Betapa betul pun penyembahan kita daripada aspek teknikalnya tidak akan diambil kira, tetapi yang penting ialah bagaimana kita menjalani hidup kita. Itulah yang Amos cuba perjelaskan kepada warga Israel purba biarpun cara penyampaiannya agak mengejutkan (dan menakutkan).

## **Aku mengutamakan Keadilan dan Kewajaran**

"Tetapi biarlah keadilan bergulung-gulung seperti air dan kebenaran seperti sungai yang selalu mengalir" (5:24). Hendaklah keadilan dan kesalihan ini senantiasa diamalkan dan bukan hanya sekali-sekala sahaja sebagaimana yang dibayangkan dengan gambaran sebatang sungai yang mengalir terus sepanjang tahun. Banyak sungai yang disebut sebagai 'wadi' di kawasan Timur Tengah hanya mengalir semasa musim hujan. Sebaik sahaja hujan berhenti, akan habislah curahan air sungai itu lalu keringlah dasar sungai itu.

Namun begitu, hendaklah keadilan dan kesalihan tidak seperti wadi tetapi bagaikan sungai yang terus mengalir sepanjang tahun.

Ayat ini memperkatakan tentang kelimpahan dua unsur ini serta sifat “untuk selama-lama” iaitu sesuatu yang berkekalan. Tidak seharusnya ada suis bagi faktor keadilan dan kesalihan, yang boleh “mengadakannya” atau “memberhentikannya” hinggalah faktor-faktor ini hanya wujud pada musim tertentu tetapi ditiadakan pada musim kemarau. Sebaliknya, keadilan dan kesalihan wajib senantiasa hadir dalam kehidupan para umat Allah. Memang itu yang Allah mahukan, dan ketiadaannya menjadi sebab mengapa penyembahan umat Israel memuallkan atau menjijikkan Allah.

Apa pun, bahagian ini mengetengahkan beberapa amaran:

*Pertamanya*, di sesetengah gereja ada penekanan terhadap keadilan sosial, seolah-olah itu sememangnya menjadi kewajipan yang tidak dapat tidak, mesti dikerjakan oleh Warga Kristian – itu sahaja. Konteks keadilan dan kesalihan bagi Amos, berteraskan perhubungan yang erat dan rapat Allah, serta mengalir daripada usaha dan kemampuan mengenal dan meniru Allah dengan sebaik-baiknya, sebab Dia sememangnya Allah atas keadilan dan kesalihan. Dia tidak membicarakan aktiviti sosial bagaikan itulah segala-galanya yang wajib dalam kehidupan umat Kristian atau umat Allah. Injil yang tulen bukannya Injil mengenai keadilan sosial, tetapi Injil yang berpunca daripada ‘perhubungan hati’ dengan Allah.

Namun sebaliknya, jika kehadiran di gereja setiap minggu tidak menjuruskan kepada perubahan dari segi moral dalam kehidupan kita dan hanya mempamerkan dan mengamalkan keadilan dan kesalihan, maka segala yang kita kerjakan pada hari Ahad bukan hanya membuang masa bahkan menjadi perkara yang amat menjijikkan bagi Allah. Jika itulah keadaan kita, penyembahan kita bukan sahaja kosong dan hampa, tetapi lebih buruk lagi, ‘amalan baik’ kita itu tidak seiringan dengan kehidupan yang bermoral. Yesus berfirman bahawa kita harus menyembah-

Nya dalam roh dan kebenaran (Yohanes 4:24). Sebahagiannya bererti bahawa kita perlu menghasilkan 'buah Roh', termasuklah akhlak yang baik serta kehidupan yang penuh kebenaran.

*Kedua*, begitu mudah sekali kita hilang perspektif terhadap banyak hal dan memberikan keutamaan teratas pada upacara kebaktian gereja atau mementingkan betapa selesanya tempat duduk kita. Bagi sesetengah warga Kristian yang pernah saya temui, yang penting sekali ialah bentuk liturgi tertentu, sama ada kita menggunakan skrin projektor atau tidak, siapa yang memimpin acara kebaktian atau siapa yang berkhotbah — ya sering kali tumpuan perhatian kita dikuasai oleh segala hal luaran sedemikian. Tetapi, pada akhirnya, semua itu tidaklah sebegitu penting. Yang paling penting bukan apa yang menyenangkan hati kita tetapi apa yang menyukakan Allah sendiri sahaja.

Kadangkala setelah berakhirnya kebaktian gereja ada orang yang berkata kepada saya, "Saya menikmati kebaktian pagi ini." Malahan sesetengahnya berkata, "Saya menikmati betul kebaktian *anda* pada pagi ini," seolah-olah kebaktian itu saya yang punya. Hakikatnya itu milik Allah, dan lagi pula kita bukan menghadirinya untuk kenikmatan. Kita di sini demi kegembiraan Allah. Pada zaman moden ini memang ada kalangan umat yang menghadirkan diri di gereja untuk dihiburkan dengan sesuatu cara. Berbahaya arah aliran atau kecenderongan begitu. Salah satu daripada bahaya gerakan pertumbuhan gereja yang berusaha betul-betul untuk menjambatani gereja dengan masyarakat sekular lantas membawa ke gereja pelbagai daya tarikan.

Apa yang perlu kita lakukan itu wajib bersifat memberi sukacita kepada Allah dan bukan untuk menyeronokkan diri kita. Tiada yang lebih menggembirakan Allah selain kehidupan yang bermoral dan kehidupan yang sudah diubah lantaran kehebatan kesan Firman-Nya. Penyembahan yang sejati perlu menjurus kepada perhubungan yang sah dengan Allah. Kejayaan mengenali-

Nya dengan sebaik-baiknya wajib menjurus kepada peniruan watak-Nya dengan keadilan serta kesalihan menjadi teras bagi perwatakan itu. Penyembahan yang sah (yakni mengikut lunas-lunas yang Dia tetapkan lagi ingini) wajib mendatangkan perubahan dalam kehidupan kita, yang semakin menyerlah dan mempamerkan lebih banyak lagi imej sertai sifat Allah hasil karya Roh.

Sebagaimana yang difirmankan beberapa kali di dalam Alkitab, “mendengarkan (yakni mematuhi) lebih baik daripada korban sembelihan”. Memang itu keutamaan bagi Allah — ketaatan kepada-Nya iaitu taat mendengar dan mematuhi segala perintah-Nya, dan bukannya mempersembahkan pelbagai ritual agama yang tidak bermakna. Amos menguatkuasakan hujah itu apabila dia menyoal sesuatu yang agak aneh: “Apakah kamu mempersembahkan kepada-Ku korban sembelihan dan korban sajian, selama empat puluh tahun di padang gurun itu, hai kaum Israel?” (5:25). Keanehan soalan ini ialah sintaksisnya menuntut jawapan, “Tidak.”

Namun begitu, tentu sahaja, para umat Israel ada mempersembahkan korban kepada Allah di padang gurun itu, atas sebab kitab-kitab Keluaran, Imamat dan Bilangan memberikan contoh-contoh serta peraturan terperinci dalam hal membawa persembahan. Itu bukanlah soalan tentang sama ada mereka ada mempersembahkan korban atau sebaliknya. Yang dihujahkan ialah: Apakah keutamaan Allah pada waktu Dia menyampaikan peraturan itu kepada mereka yang berada di padang gurun itu? Adakah Dia menghendaki mereka mempersembahkan korban? Tidak! Inti peraturan itu bukan berkenaan ritual keagamaan, tetapi tentang keutamaan mematuhi undang-undang Allah, serta mengasihi Allah dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap kekuatanmu. Itulah intipati peraturan Allah yang diberikan-Nya

di padang gurun itu — dan prinsip yang terpenting bagi kita seperti kepada umat Israel.

Yesus ‘menyerang’ umat sezaman-nya dengan cara yang serupa dengan cara Amos itu. Dia menyebut kata “celaka” atas kalangan orang Farisi atas sebab “persepuluhannya dari selasih, adas manis dan jintan kamu bayar, tetapi yang terpenting dalam hukum Taurat kamu abaikan, yaitu: keadilan dan belas kasihan dan kesetiaan” (Matius 23:23). Semangat kesungguhan beragama bagus, tetapi masih ada perkara-perkara yang lebih penting lagi seperti ketaatan mematuhi hukum-hukum Allah, dan memperlihatkan keadilan dan kesalihan.

Apakah yang harus Allah lakukan atas umat Israel purba? Lantaran penyembahan mereka itu tidak sah dan pada hakikatnya tidak begitu baik sangat pun jika dibandingkan dengan penyembahan umat jahiliah. Allah akan menyerahkan mereka menjadi abdi kepada para warga jahiliah itu. Itulah yang dimaksudkan Amos apabila dia bersabda: “Kamu akan mengangkut Sakut, rajamu, dan Kewan, dewa bintangmu, patung-patungmu yang telah kamu buat bagimu itu” (5:26). Itulah nama-nama tuhan warga Asyur — berhala yang diperbuat orang daripada kayu atau batu atau logam, lantas mereka tunduk dan menyembah patung-patung berhala itu.

Bukti yang menunjukkan bahawa pada zaman Amos, Israel sudah pun menyembah tuhan-tuhan warga Asyur tidak wujud. Itu lebih merupakan tuduhan atas apa yang kelak dilakukan mereka pada masa mendatang, dan pengadilan Allah atas mereka. Seolah-olah Amos memang bercakap secara berterus terang kepada khalayaknya: “Apakah kamu mahu hidup sebagaimana kehidupan orang jahiliah? Kamu mahu menyembah apa yang orang jahiliah sembah? Aku akan memberi kamu penyembahan orang jahiliah. Kamu akan berkhidmat kepada tuhan-tuhan warga

Asyur." Apa yang tersirat di sini ialah para warga Asyur akan melanggar Israel, menakluk mereka, memusnahkan mereka, dan memaksa mereka menjadi hamba abdi. Amos menyatakan dengan jelas: "Aku akan membawa kamu ke dalam pembuangan jauh ke seberang Damsyik" (5:27). Damsyik terletak ke arah timur laut Israel, dan di sebalik Damsyik ialah negara Asyur. Dalam tempoh 30 tahun Amos bersabda tentang hal itu, ke situlah terdamparnya dan terbuangnya umat Israel.

Kesilapan besar umat Israel ialah mereka menjangka bahawa Allah tidak akan menghakimi mereka. Pada hemat mereka, sebagai umat Allah, mereka terkecuali daripada pengadilan Allah. Tentu mereka tidak akan menghadapinya sama sekali. Mereka hidup dengan bersikap puas hati sepenuhnya, maka pada hemat mereka, "Itu tidak penting pun. Bukankah kita ini umat Allah; Dia di sebelah pihak kita; Dia tidak akan menghakimi kita atas apa pun perbuatan kita." Mereka terkeliru antara *jaminan* dengan bersikap *puas hati*. Mereka ada jaminan bahawa mereka ialah umat Allah, **tetapi adakah itu bermakna bahawa mereka patut menjalani hidup dengan sikap berpuas hati?**

Seandainya saya memberitahu kelas saya yang para pelajarinya ialah pelajar bidang teologi bahawa mereka tidak dikehendaki dan tidak perlu menduduki peperiksaan bagi sebahagian daripada kursus pengajian mereka, adakah mereka akan tekun menelaah dan mempelajari bahagian berkenaan? Berkemungkinan besar mereka "tidak studi" bahagian tersebut! Mereka akan bersikap puas hati terhadap bahagian itu. Tetapi jika saya berkata kepada mereka, "Anda semua akan menduduki peperiksaan bagi bahagian ini", maka mereka akan lebih cenderung untuk mempelajari dan menelaah topik tersebut. Apabila kita tahu yang kita pasti dihakimi oleh Allah, kita pasti terdorong untuk tidak bersikap puas hati lagi. Sesetengah warga Kristian pada hari ini menolak

hakikat bahawa para umat Kristian akan dihakimi oleh Allah. Mereka begitu tersilap, sebab kesemua kita akan berhadapan dengan pengadilan.

Semakin hari, gereja-gereja di seantero dunia semakin lebih bertolak ansur terhadap sikap tidak bermoral, ketidakadilan dan kurangnya kesalihan. Betapa itu memang membuktikan hakikat bahawa pada pemikiran mereka yang berkenaan itu, Allah tidak akan menghakimi menurut piawaian Allah sendiri. Namun, mereka memang hidup dalam syurga si bodoh sejagat. Alkitab mewahyukan sejelas-jelasnya bahawa Allah pasti menghakimi *setiap orang*. Seseengah umat Kristian memberikan penekanan yang terlebih pada kasih kurnia Allah serta pengampunan-Nya sampai mereka tergalak untuk terus membuat dosa berulang-ulang kali. Mereka berpuas hati dan dipenuhi jangkauan bahawa kasih kurnia yang tidak putus-putusnya daripada Allah akan tiba.

Walau bagaimanapun Allah yang sama seperti yang disabdakan oleh Amos akan campur tangan itu, juga telah berjanji bahawa Dia pasti datang untuk campur tangan dan menghakimi kita. Berkemungkinan bahawa keghairahan serta ketidaksabaran kita akan hari yang tersebut itu mendorong kita untuk berpuas hati lantas kita terfikir sekarang kita baik-baik sahaja.. Sepatutnya kita perlu berlatih untuk hidup dalam kekudusan serta kesalihan sewaktu menantikan kembalinya Kristus sebagaimana yang dijangkakan. Ya, seharusnya kita hendaklah menjalani kehidupan yang penuh kekudusan serta kesalihan dalam tempoh menantikan pencepatan kedatangan Hari Tuhan itu (2 Peter 3:11-13). Suatu hari kelak, kita semua akan menghadapi takhta pengadilan Kristus. Sebenarnya tiada tempat bagi dambaan rindu terhadap Hari Tuhan atau Hari Kembalinya Kristus seandainya kita tidak menjalani kehidupan kita dengan penuh beretika.

Walau bagaimanapun, izinkan saya memberikan kata-kata semangat dan penenang hati. Sebagai umat Kristian, penelitian

sedemikian oleh Allah terhadap kehidupan kita tidak sepatutnya meniadakan jaminan yang kita miliki sebagai umat Kristian. Ia tidak sepatutnya menjerumuskan kita ke dalam kebimbangan tentang bagaimanakah kedudukan hubungan semasa kita dengan Allah. Ingatlah betapa sabda Amos tertuju pada kalangan yang berpuas hati serta selesa mengetahui fakta bahawa mereka diterima oleh Allah **dan bukan** kalangan yang berasa gundah gulana dan dalam keadaan waswas sama ada mereka diterima oleh Allah atau tidak.

Tentu sahaja, pada hari akhirat kelak, tiada sesiapa pun antara kita yang mampu berdiri setara dengan piawai Allah. Namun begitu, jaminan kita berpunca daripada Dia yang Maha Sempurna dan bukan dia yang tidak sempurna; daripada Dia yang wafat di kayu salib demi 'menebus' dosa-dosa kita, demi memastikan kita kelak mampu berdiri dengan penuh kesalihan di hadapan Allah pada hari kelak. Itulah dasar jaminan kita: tentu sahaja bukan dalam kemampuan kita, tetapi sebaliknya, dalam Yesus Kristus.

Hanya dalam Dialah kita tegak sebagai orang salih dalam pandangan Allah dan dengan itu, kita diterima oleh Allah. Hanyalah dalam Dia iaitu Kristus, kita akan dihakimi sebagai yang tidak bersalah pada hari pengadilan terakhir. Hanya atas sebab Kristuslah, kita berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadi seperti-Nya. Keadilan dan kesalihan mengalir daripadanya. Maka atas sebab kita di dalam Kristus yang dalam-Nya kita menemui harapan sejati serta jaminan dan penyelamatan maka kita menerima jaminan mutlak mengenai takdir yang abadi bersama-sama Allah, dan dengan penuh ghairah kita pun berkata, "Datanglah, (wahai) Tuhan Yesus!"



# 6

.....

## Kealpaan Lantaran Menurut Nafsu

(Amos 6:1-14)

### Keangkuhan

**S**alah satu dosa lazim yang ditangani oleh Alkitab ialah keangkuhan. Di dalam kedua-dua Perjanjian Lama dan Baru, berulang-ulang kali Allah mengutuk kalangan umat Allah yang sombong. Sebelum Yesus dilahirkan, ibunya, Mariam, menyanyikan sebuah lagu yang dalamnya dia berkata bahawa menerusi puteranya, Yesus Kristus, Allah akan ‘menceraai-beraikan orang-orang yang congkak hatinya’ (Lukas 1:51). Di dalam Kitab Amsal Sulaiman, kita terbaca betapa Allah sangat benci akan semua umat yang bermegah lagi sombong dalam hatinya. Dia akan meruntuhkan rumah orang yang angkuh itu (Amsal 15:25), dan itu gagasan yang sering dijelaskan di dalam kitab itu (sila lihat juga Amsal 3:34; 16:5; 18:12). Musa memberi amaran kepada umat Israel bahawa apabila mereka menyeberangi lalu memasuki bumi yang dijanjikan serta menerima segala rahmat Allah, mereka harus berwaspada supaya akhirnya kelak, mereka tidak bersikap angkuh lagi bermegah-megah tentang kekayaan ataupun keselamatan diri mereka (Ulangan 8:14, 17).

Gagasan sebegini diulangi beberapa kali di dalam Perjanjian Baru. Di dalam perenggan tersohor tentang kasih sayang dalam 1 Korintus 13, Paulus menegur pihak gereja atas keangkuhan mereka, kerana “kasih tidak memegahkan diri dan tidak sombong” (ayat 4). Keangkuhan itu dosa besar di mata Allah, dan mereka yang angkuh akan mendapat penghakiman daripada Allah, amaran ini sungguh serius dalam Alkitab dan tiada yang dapat terlepas daripadanya.

Jadi, dalam konteks seluruh Alkitab, sabda Amos di dalam Bab 6 itu sesungguhnya bukan sesuatu yang tidak biasa — nabi itu sedang mengutuk sebuah bangsa yang angkuh.

Sampai tahap ini kita sudah terbiasa dengan gaya Amos yang tidak membuang masa dengan bicara yang manis-manis tetapi sebaliknya dia lansung ke pokoknya, “Celaka atas orang-orang yang merasa aman di Sion, atas orang-orang yang merasa tenteram di gunung Samaria” (6:1). Sion itu satu nama lain bagi Yerusalem, oleh itu, benarlah Amos sedang memperkatakan perihal umat Allah yang bermastautin di kedua-dua tempat iaitu Yehuda (di selatan) dan Israel (di utara, dengan ibu negaranya di Gunung Samaria). Pada hakikatnya, Amos sedang bersabda demikian kepada umat di kedua-dua Yehuda dan Israel, “Celakalah kamu yang berasa tenteram atau berpuas hati, atau kalangan yang berpuas hati dengan kejayaan kamu.” Secara khususnya, Amos berterus-terang kepada para pemimpin, ‘orang-orang terkemuka daripada bangsa yang utama’ (6:1). Itu golongan atasan dan para pegawai tertinggi, yang menerajui bidang kuasa dalam negara mereka. Rakyat seluruh negara selalu mendapatkan nasihat, perhatian dan kenaikan pangkat daripada mereka, yakni ‘orang-orang yang kepada mereka kaum Israel biasa datang!’

Ada ironi dalam hal ini. Amos memanggil mereka ‘orang-orang terkemuka daripada bangsa yang utama’ seolah-olah Israel merupakan negara yang terbaik. Sudah tentulah mereka suka

menganggap diri mereka sebagai negara yang terpenting. Kalimat ‘orang-orang terkemuka daripada bangsa yang utama’ terdapat juga di halaman lain di dalam Perjanjian Lama, dan sesetengah daripada khalayak sasaran Amos pasti menyedari rujukan yang tidak langsung itu. Kalimat itu disuarakan oleh lelaki yang bernama Balaam yang mengutuk warga Amalek, yang berasa bahawa mereka “Yang pertama di antara bangsa-bangsa” (Bilangan 24:20). Sejurus sahaja selepas itu, warga Amalek menghadapi pengadilan Allah. Pada ketika itu, Amos sedang membayangkan betapa Israel menyangka bahawa mereka negara yang pertama antara semua negara walhal kedudukan mereka tidak sebegitu, oleh itu, pengadilan Allah pasti mendatangi mereka.

Di dalam ayat 2, berkemungkinan Amos memetik perkataan kalangan orang penting dan terkenal di kalangan pemimpin negara itu. Dia bersabda, “Menyeberanglah ke Kalne, dan lihat-lihatlah; berjalanlah dari sana ke Hamat yang besar itu, dan pergilah ke Gat orang Filistin.” Itu ketiga-tiga kota raya yang baru sahaja ditakluki semula oleh umat Israel. Kota-kota itu wujud pada era kegemilangan Raja Jeroboam II, tidak lama sebelum zaman Amos pada abad kelapan SM. Para ketua mereka berkata, “Pergilah dan lihatlah bandar-bandar lain itu. Adakah kamu lebih baik daripada kerajaan-kerajaan itu? Atau adakah wilayah kamu lebih hebat daripada wilayah mereka?” Israel bercakap besar: “Kami adalah yang pertama di antara bangsa-bangsa. Kami memiliki lebih banyak wilayah. Kami berbangga atas semua pencapaian kami serta pengembangan tentera kami dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Kami memang lebih baik; kami lebih kuat; dan kami sememangnya lebih makmur berbanding negara-negara lain yang kami tawan semula.”

Tentunya sabda Amos itu sebenarnya sindiran. Dia memetik perkataan daripada cakap besar para pemimpin berkenaan, tetapi begitu jelas dia sebenarnya mempersendakan keangkuhan

mereka sahaja. Ya, mereka memang memiliki kekuatan tentera dan juga kekayaan. Umatnya tentu bercakap besar dalam hal-hal itu. Namun begitu akhirnya semuanya kosong sahaja sebab jika dibandingkan dengan Allah, mereka tiada satu apa pun yang bernilai. Hakikatnya mereka sekadar menganggap diri jauh dari hari malapetaka, malahan mereka menuju kepada pemerintahan yang penuh dengan keganasan (6:3). Negara yang kononnya 'yang pertama di antara bangsa-bangsa' sebenarnya hanya sebuah negara yang penuh keganasan dan apa yang dilakukan mereka hanya penuh kepuraan bahawa hari pengadilan masih amat jauh lagi.

Namun hari itu akan segera menyusul dan daripada pengajaran sejarah, kita maklum bahawa memang pembalasan cepat tiba. Misalnya, dalam tempoh 30 tahun dari zaman Amos, bahawa sikap berpuas hati serta keangkuhan umat Israel itu, sampai bila-bila pun, mereka memang tidak akan bersedia menghadapi hari pengadilan Allah. Israel mengambil sikap berpura-pura bahawa bencana sedemikian tidak akan menimpanya. Para umat Israel hidup dalam khayalan palsu dengan tanggapan salah akan keselamatan mereka lalu lebih meletakkan kepercayaan mereka atas kekuatan bala tentera mereka dan bukan pada kuasa Allah yang mampu melakukan apa sahaja yang Dia kehendaki.

Dalam bab-bab yang terdahulu kita menyaksikan betapa mereka menolak semua amaran Amos sebelumnya. "Kita selamat," kata mereka. "Lihat sajalah bala tentera kita. Lihatlah betapa kuat dan hebat tentera kita itu. Amos memang suka menakut-nakutkan sahaja — jangan pedulikan apa yang disampaikannya. Kita kaya raya dan kita selamat; jangan dengar pembuat kacau ini." Mereka bagaikan orang yang hampir pengsan (dan tidak menyedari keadaan sebenarnya) oleh keangkuhan serta sikap berpuas hati mereka itu. Maka mereka menjadi amat kurang sedar terhadap kenyataan keadaan sebenar mereka, dan juga tentang Allah dan

pengadilan-Nya. Mereka juga tidak menyedari akan sifat mereka yang tidak berakhlak dan keangkuhan mereka; dan mereka gagal untuk melihat apa seluruh keadaan mereka yang sebenarnya.

Keangkuhan dan sikap berpuas hati memang menghasilkan kealpaan dan kelembaman. Begitu juga halnya dengan harta kekayaan, maka Amos beralih kepada faktor kekayaan pula dalam ayat-ayat berikutnya. Amat jelas gambarannya tentang kemerosotan akhlak kalangan yang kaya raya “yang berbaring di tempat tidur dari gading dan duduk berjuntai di ranjang” (6:4). Gading memang barang yang begitu mahal. Bayangkanlah diri anda tidur di atas katil yang diperbuat daripada gading — tentu sekali mereka memang sangat kaya raya! dan mereka ‘berbaring-barang atas kerusi-kerusi malas mereka.’ Bukan duduk tegak, tetapi terbongkang baring-baring sesuka hati sahaja.

Begitulah gambaran yang terlukis oleh sabda Amos: berkenaan orang yang begitu malas yang sekadar bersandar-sandar atas kerusi malas mereka dan hanya memetikkan jari mereka untuk mengarahkan para pembantu rumah untuk mengambil minuman atau mengurut jari-jari kaki mereka. Itulah kalangan umat ‘yang memakan anak-anak domba daripada kumpulan kambing domba dan anak-anak lembu dari tengah-tengah kawanan binatang yang tambun.’ Ramai yang makan daging bebiri atau lembu, dan Amos memang tidak mengutuk umat kerana memakan daging, tetapi pada zaman Amos, harga daging binatang memang mahal sekali dan jarang-jarang dimakan. Bagi kebanyakan umat, mereka hanya memakan daging pada hari perayaan utama, tiga kali setahun sahaja. Sebenarnya sang nabi sedang menggambarkan keadaan umat yang amat kaya lagi menikmati pelbagai kemewahan hidup.

Tambahan pula, mereka ‘yang bernyanyi-nyanyi mendengar bunyi gambus, dan seperti Daud menciptakan bunyi-bunyian bagi dirinya’ (6:5) itu hidup seperti Raja-Raja, lalu mereka mengajuk-ajuk kehebatan gaya Raja Daud dengan memainkan muzik pada

kecapi dan gambus mereka. Namun begitu, mereka tidak seperti Daud yang menyanyikan mazmur puji-pujian kepada Allah, yang banyak daripadanya tersurat dalam Alkitab kita; sebaliknya, lagu-lagu umat Israel tersebut bersifat 'bermalas-malas' lagi, tidak ikhlas malahan semberono sahaja. Mereka menerimanya bulat-bulat dan dengan gembira sekali seolah-olah mereka itu warga diraja. Tapi akhir-akhirnya kesemua itu sekadar tidak serius, berseronok-seronok dan semberono sahaja. Lagi pula, mereka 'minum anggur dari bokor' (6:6), barangkali sebab segala cawan dan gelas yang ada tidak cukup besar. 'Banyak sangat yang kena buat untuk sentiasa ada gelas yang penuh; maka, ayuhlah kita ambil satu jag air anggur dan minum saja daripada jag itu. Bukankah itu lagi cepat dan kita boleh minum lebih banyak lagi.' Memang itu kegelojohan dan kemerosotan mereka yang begitu dahsyat!

Tambahan pula, mereka 'berurap dengan minyak yang paling baik' (6:6). Memang mereka itu antara kalangan umat yang menghabiskan banyak wang ringgit demi kosmetik, syampu, deodoran dan minyak wangi. Mereka membeli yang terbaik sahaja tetapi tidak berjimat menggunakannya. Semua dituangkan atas diri mereka sendiri sahaja. Itulah kemerosotan yang teramat teruk! Bayangkanlah, anda sendiri menuangkan semua isi daripada sebotol minyak wangi "Chanel No. 5" ke atas kepala anda? Saya rasa anda tidak akan membuat pembaziran sedemikian. Namun, itulah gambaran kemewahan serta kemerosotan yang lazim digunakan untuk menggambarkan keadaan para pemimpin serta kelas-kelas pemerintah Israel purba. Mereka itu hanya menurut nafsu serakah mereka tanpa ada apa pun yang menahan mereka.

Selepas itu, mereka berpesta secara berlebihan dan berkemabukan serta perut mereka buncit kerana dipenuhi daging bebiri dan daging lembu, lalu mereka tergelempang bermalas-

malasan atas kerusi panjang mereka dan berdengkur di depan api kayu balak pada hari Ahad, tidak sedar mereka akan kenyataan piawaiian serius daripada Allah. Maka Amos sedang berusaha keras untuk mengejutkan mereka agar mereka kembali kepada pemikiran yang waras. Tentu sahaja mereka tidak percaya bahawa negara mereka telah hancur musnah.

Pada masa itu, besar kemungkinannya sang nabi sedang merujuk kepada Yusuf, putera kesayangan Yakub, sebab dialah yang dikhianati oleh para saudaranya lalu dijual kepada orang Mesir (Kejadian 37:26-28). Amos sedang bersabda, “Kamu tidak mempedulikan umat sebangsa kamu yang kehidupannya tidak sesenang kehidupanmu. Kamu hanya menghabiskan segala kemewahanmu itu tanpa mengira kalangan fakir miskin dalam masyarakatmu sendiri. Kamu tidak menghiraukan keperluan mereka. Kamu tidak sedar akan kemusnahan mereka, jadi tidak lama lagi sahaja, segala keriang dan pesta-pesta kamu akan berakhir.” Amos bukan sahaja suka menakut-nakutkan, malah dia juga merosakkan keramaian. Tetapi, bolehkah suaranya didengar dalam hiruk-pikuk keriuhan orang yang gamat berpesta itu? Dapatkah suara-Nya menembusi irama dondang sayang yang membuai mereka daripada kecapi mereka?

Nampaknya, agak menyedihkan juga, ternyata suara Amos gagal menembusi segala keriuhan pesta itu, lantas, hanya dalam tempoh beberapa tahun selepas itu, Allah membinasakan negara Israel. Maka, segala sabda Amos menjadi kenyataan, tetapi sayang sekali, segala amarannya tidak dihiraukan umat Israel.

## **Oleh itu ... Pengadilan**

Sebab itu sekarang, mereka akan pergi sebagai orang buangan di kepala barisan, dan berlalulah keriuhan pesta orang-orang yang duduk berjantai itu’ (6:7). Yang ironi ialah kalangan umat yang

menyangka diri mereka itu orang-orang terkemuka daripada bangsa yang utama (6:1) dan yang terbaik, sebenarnya kelak menjadi rakyat pertama dibawa ke dalam pembuangan. Dasar negara Asyur ialah apabila mereka menakluki sesebuah negara, para pemimpin serta kaum kelas kaya raya dan juga para penguasa negara itu akan dibuang negeri. Para pemimpin yang ditakluk itu akan dipindahkan ke dalam kerajaan atau kubu-kubu Asyur. Ini merupakan suatu pendekatan untuk menceraikan rakyat penting negara yang ditawan itu supaya mereka tidak mungkin dapat bersatu kembali di bawah panji-panji negara penjajah mereka lantas mereka tidak mampu melawan para penakluk mereka. Strategi itu memang berkesan, sebab setelah termusnahnya negara Israel, ia langsung tidak berdaya untuk wujud semula. Kebanyakan dari kalangan umat Allah yang meneruskan kehidupan sampai ke zaman Yesus adalah daripada kerajaan selatan iaitu Yehuda, dan bukan umat daripada kerajaan utara iaitu Israel. Maka terkabul atau terlaksanalah segala sabda Amos — yang memberi kita amaran supaya kita mengambil serius dan mempeduli Firman Allah sebab Firman-Nya memang pasti terlaksana dan tidak pernah gagal.

Amos meneruskan sabdanya yang memberikan pengadilan yang serius, ringkas dan kasar: “Tuhan Allah telah bersumpah demi diri-Nya” (6:8). Bersumpahlah Allah untuk menyatakan dengan sejelas-jelasnya bagaimana pastinya pengadilan itu. “Aku ini keji kepada kecongkakan Yakub, dan benci kepada purinya.” Dia membenci segala kekuatan mereka. Berfirmanlah Tuhan, “Aku akan menyerahkan kota serta isinya” (6:8). Seolah-olah Dia berusaha agar umat Israel mula bertindak, Amos memperlihatkan pula bencana yang mendatang dengan gambaran yang amat menakutkan: “Dan jika masih tinggal sepuluh orang dalam sebuah rumah, mereka akan mati.” (6:9). Sepuluh orang di dalam sebuah rumah mungkin membayangkan kesesakan di dalam tempat

berkenaan, sebab umat dari luar bandar melarikan diri ke kotaraya sebaik sahaja tentera yang menyerang memulakan serangan mereka. Maka gambarannya seolah-olah negara Israel itu telah terkepung.

Dari sudut pandangan lain, itu mungkin gambaran akibat daripada peperangan. Katakanlah, pihak Asyur telah memusnahkan kotaraya itu dan saki-baki yang tinggal hanyalah sebuah rumah tunggal di sini atau di sana. Sedikit sahaja, ya tidak ramai orang yang terselamat, namun begitu, mereka terpaksa bersesak-sesak di dalam hanya beberapa buah rumah yang masih tidak tumbang atau dimusnahkan. Walau bagaimanapun, sabda Amos tetap lebih mengejutkan daripada itu, sebab dia bersabda bahawa “masih tinggal sepuluh orang dalam sebuah rumah, mereka akan mati. Yang disabdakannya ialah ‘Tiada seorang pun yang dapat melepaskan diri daripada pengadilan Allah. Mereka mungkin berjaya melepaskan diri pada mulanya, dan mungkin ada beberapa orang yang tersisa dan hidup. Namun, apabila sudah hampir ke penghujungnya, Allah akan mengambil kesemuanya dalam pengadilan-Nya.

Kemudian menyusul pula gambaran yang lebih mendesak: ‘Dan jika pamannya, pembakar mayat itu, yang datang mengangkat dan mengeluarkan mayat itu dari rumah itu, bertanya kepada orang yang ada di bagian belakang rumah: “Adakah lagi orang bersama-sama engkau?” dan dijawab: “Tidak ada,” ia akan berkata: “Diam!” Sebab tidaklah patut menyebut-nyebut nama TUHAN!” (6:10).

Nampaknya apa yang disampaikan di sini ialah betapa kalangan yang dibiarkan hidup akan ke sana ke mari mencari mayat para saudara mara mereka untuk mengebumikan mereka secara bersopan seperti yang sepatutnya. Memang suatu penghinaan membiarkan mayat tidak dikebumikan. Tetapi di sini kita dimaklumkan bahawa orangnya ialah dia yang ‘membakar’

mayat si mati dan bukan yang mengebumikannya. Implikasinya di sini ialah ada terlalu banyak mayat hinggakan tidak sempat menggali liang kubur atau mendirikan batu nisan. Lantas mereka akan sekadar membakar mayat-mayat itu. Dahsyat sekali gambaran itu — akibat daripada peminasaan oleh umat Asyur! Bolehkah anda membayangkan seorang saudara sendiri yang pergi ke sebuah rumah lalu bertanya: “Adakah lagi orang bersama-sama engkau?” dan kedengaran suara yang ketakutan menyahut dari dalam, tetapi suara itu bukan daripada seorang yang berminat untuk keluar dan lari tetapi sebaliknya itu seorang yang sebegitu takut hinggakan dia bersembunyi di tengah-tengah mayat-mayat di dalam reruntuhan rumahnya! Orang yang baru datang akan berkata kepada orang (yang di dalam) itu, “Diam!” Sebab tidaklah patut menyebut-nyebut nama Tuhan!” (6:10). Apakah pengertian semua ini?

Di dalam Amos 5:13 kita baca iaitu, ‘orang yang berakal budi akan berdiam diri pada waktu itu.’ Mengapa? Sebab pengadilan dan pemusnahan itu memang kerja Allah, dan memang sudah terlambat untuk berseru kepada Allah. Mereka tidak boleh menyebut nama Allah, sebab Dia telah pun datang dengan pengadilan-Nya dan Dia tiada lagi di situ demi menolong semua orang itu. Sudah terlambat untuk itu. Amos bersabda tentang hal itu juga dalam 6:11. Hanya perintah Allah sahaja yang akan membawakan kemenangan penduduk Asyur atas umat Israel, dan bukannya kekuatan warga Asyur sendiri. ‘Sebab sesungguhnya, Tuhan memberi perintah, maka rumah besar dirobohkan menjadi reruntuhan dan rumah kecil menjadi rosokan’ (6:11). Kalimah itu bererti bahawa setiap rumah baik yang tersergam mahupun yang kecil, akan dimusnahkan apabila Allah memerintahkan demikian. Ini sebuah lagi gambaran yang mengerikan tentang pengadilan Allah terhadap Israel purba.

## Ungkapan Kreatif

Satu antara perkara-perkara yang saya sukai mengenai Amos ialah cara nabi ini menggunakan perkataan dengan amat menarik sekali. Tentunya sesetengah daripada permainan kata (dalam Bahasa Ibrani) itu tidak kita temui dalam terjemahan Bahasa Malaysianya, tetapi kitab Amos ini permainan kata-kata, teka-reki, soalan retorika dan cara-cara lain untuk menarik dan menangkap minat pembacanya. Itu telah membuat saya mengiktiraf bagaimana bengap dan berpuas hatinya umat Israel purba memandangkan betapa susahnyanya Amos terpaksa berusaha keras dalam hal penggunaan kata-kata secara kreatif demi menyampaikan isi maksud yang mahu dinyatakan kepada umat yang agak bengap itu. Begitu jugalah, para pengkhutbah terutamanya, harus semua pihak berusaha untuk lebih berkreatif sebagaimana nabi Amos, dalam cara penggunaan kata-katanya.

Dalam beberapa ayat seterusnya, Amos menggunakan beberapa perkataan serta gambaran yang menarik. Dia bertanya, “Berlarikah kuda-kuda di atas bukit batu?” (6:12). Tidak, tentu sahaja kuda tidak berlari di atas bukit dengan batu yang bercerancang. Itu gambaran yang tidak masuk akal. “Dibajak orangkah laut dengan lembu?” (6:12). Tentu sahaja tidak, mustahil lembu akan membajak laut; haiwan itu membajak di atas bumi yang kering. Satu lagi soalan pelik-- Amos melukiskan dua gambaran yang tidak masuk akal dengan soalan-soalan sedemikian. Implikasinya ialah apa yang telah dilakukan oleh Israel memang tidak masuk akal, sebab penghujung ayat itu menyebut, ‘Sungguh, kamu telah mengubah keadilan menjadi racun dan hasil kebenaran menjadi ipuh!’ (6:12). Ipuh memang teramat pahit dan seperti racun, seperti yang kita telah lihat dalam 5:7.

Amos menyatakan bahawa Israel telah melakukan sesuatu yang luar biasa dan tidak munasabah. Ia membenci keadilan dan

kesalihan dengan mengetepikan kedua-duanya sama sekali. Apa yang akan terjadi kepada umat Israel sungguh berlawanan dengan apa yang diduga oleh mereka. Sebaliknya, sesuatu yang manis dan indah bagi Israel telah menjadi sesuatu yang seumpama racun bagi mereka.

Ada satu lagi contoh tentang cara menarik yang digunakan oleh Amos nyata dalam 6:13 di mana dia menegur umat yang bercakap besar tentang kemenangan-kemenangan bala tentera mereka. 'Hai kamu, yang bersukacita kerana Lodabar (sebuah kotaraya di sebelah timur Sungai Jordan yang baru sahaja ditawan semula) yang berkata, "Bukankah kita dengan kekuatan kita merebut Karnaim bagi kita?"' Karnaim sebuah lagi kotaraya ke arah timur laut Syria, yang Israel ditawan semula baru-baru ini.

Israel sedang bermegah atas kekuatan bala tenteranya, khususnya dalam kejayaan memenangi kedua-dua kotaraya itu. Yang dilakukan Amos hanya mengubah satu vokal dalam kata *Lo-debar*, dan dengan itu membawa pengertian 'tidak ada apa-apa' dalam Bahasa Ibrani. Adakah anda nampak nada sindiran hal tersebut? Mereka sedang bermegah tentang hal yang tidak ada apa-apa; ertinya kemenangan mereka kosong sahaja dan tidak bererti. Yang berjaya dialahkan mereka sekadar sebuah bandar kelas kedua di luar pinggir negara itu. Itu bukan sesuatu yang boleh dimegahkan lagi dan tidak membuktikan kekuatan tentera mereka. Seterusnya Amos menyengat pula. Katanya, "Tunggulah, akan tiba kelak tentangan yang sebenarnya," katanya, sebab itu pasti menjelang: 'Aku akan membangkitkan suatu bangsa melawan kamu, hai kaum Israel,' demikianlah firman Tuhan, Allah semesta alam, "dan mereka akan menindas kamu dari jalan yang menuju ke Hamat sampai ke Wadi Arabah' (6:14). Begitulah keseluruhan kepanjangan dan kelebaran negara Israel akan ditindas oleh negara lain yang Allah sedang bangkitkan. Kamu

tunggulah tentangan yang sebenarnya, wahai Israel, baru kamu akan menyadari bahawa kamu tidak ada apa-apa. Kekuatan kamu tidak bermakna di hadapan Allah yang Maha Kuasa. Kamu bermegah dan bercakap berdegar-degar tentang kemenangan-kemenangan kecil itu tetapi kesemua itu tidak penting pun.

Secara relatifnya, Israel purba pada zaman Amos' agak kuat juga lagi makmur, tetapi pada masa itu ada kekosongan dalam tampuk kuasa. Semua empayar sebelumnya telah hancur musnah dan kebangkitan empayar warga Asyur belum lagi berlaku sepenuhnya. Kekuatan negara Israel hanya suatu impian. Masa itu belum ada lagi kuasa terbesar atau "superpower." Israel menyangka dirinya negara yang pertama lagi terulung antara semua negara, walhal ia sebenarnya lemah. Allah akan segera tiba untuk menghakimi serta untuk menumpaskannya.

## **Amaran**

Kitab Amos merupakan amaran untuk semua orang yang bersikap angkuh — sekali-sekala kita semua bersikap angkuh atau sombong itu. Maka, di manakah letaknya keangkuhan dan keyakinan kita? Sememangnya Kitab Amos ini ditujukan kepada umat Allah. Di manakah kita sebagai umat Allah meletakkan keyakinan dan keangkuhan kita? Di manakah keangkuhan kita dalam hal keadilan dan kesalihan — adakah keangkuhan kita itu dalam Allah? Adakah keangkuhan kita yang semakin membesar itu terbina atas sifat tidak bermoral dan keserakahan? Di manakah belas kasihan dan ihsan kita terhadap kalangan umat miskin dan yang dalam keperluan? Adakah kita berbangga atas jemaah kita? Memang biasa jika kita mahu berasa megah atas sesuatu kejayaan kita, sebenarnya kita tidak seharusnya tinggi hati. Patutkah kita menjadi angkuh atas kejayaan serta pencapaian kita, serta status

atau kedudukan kita sebagai sebuah gereja — walhal masih ada bahagian-bahagian lain di dunia yang belum beriman dan masih belum percaya kepada Tuhan Yesus?

Amos juga bersabda kepada para individu. Di manakah kita meletakkan keangkuhan kita? Adakah pada barang dan hak milik kita, rumah kita, keluarga kita, status kita, atau segala pencapaian kita? Setelah mencapai matlamat kita dalam kehidupan kita? “Apa gunanya seorang memperoleh seluruh dunia, tetapi ia kehilangan nyawanya?” firman Yesus (Markus 8:36). Kita sentiasa tertarik serta tergoda untuk berasa bangga atas (apa yang tampak seperti) kekuatan kita, namun begitu di hadapan Allah yang Maha Kuasa segala kekuatan yang kita miliki itu langsung tidak setara dengan kekuasaan-Nya. Pepatah Sulaiman tepat sekali apabila dia berkata bahawa “tinggi hati (keangkuhan) mendahului kejatuhan” (Pepatah Sulaiman 16:18).

Amos menyatakan dengan sejelas-jelasnya bahawa Israel sombong. Dalam Amos 5:2, kita telah melihat ejekan Amos terhadap upacara pengebumian mereka (iaitu umat Israel) yang bakal terjadi itu: ‘Telah rebah, tidak akan bangkit-bangkit lagi anak dara Israel.’ Keangkuhan memang mendahului kejatuhan. Persoalannya ialah: adakah keyakinan kita hanya dan betul-betul dalam Allah, dan dalam kematian putera-Nya, Yesus Kristus, di atas kayu salib, demi menebus dosa-dosa kita? Rasul Paulus menolak daripada bermegah dalam apa-apa pun kecuali dalam Allah (1 Korintus 1:31).

# 7

.....

## Titik Penghujung Kesabaran Allah

(Amos 7:1-17)

“Kesabaran itu suatu kebaikan, maka milikilah ia jika anda mampu; jarang-jarang ada pada wanita, tetapi tiada langsung ada pada seorang lelaki.” Mungkin tiada banyak kebenaran di dalam kalimah sebelumnya, tetapi ramai antara kita yang salah memahami kesabaran Allah. Alkitab memberitahu kita bahawa Allah memang amat sabar dan lambat marah, tetapi ada sesetengah pihak yang menyangka Dia langsung tidak pernah “naik marah”. Sangkaan mereka Allah yang penuh kesabaran itu akan dan sanggup senantiasa sabar menderita apa saja perbuatan makhluk yang menjadi umat-Nya.

Walau bagaimanapun, kesabaran tulen ialah tindak balas aktif terhadap provokasi yang aktif dan bukannya sikap tidak ambil peduli. Cuba bayangkan peristiwa seperti ini: anda sedang melawat seorang warga tua di rumahnya, dan jelas sekali anda mendengar kebingitan daripada muzik jelik yang datang dari kamar cucu warga tua itu. Mungkin anda terfikir warga tua itu amat sabar terhadap kebisingan muzik itu. Tetapi sekiranya orang tua itu memang tuli seratus peratus itu bukanlah kesabaran tetapi itu sikap tidak mengendahkan. Faktor kesabaran memang tidak

wujud sama sekali tetapi warga tua itu tidak peduli kerana tiada yang jengkel kepadanya daripada kebingitan muzik tersebut.

Mungkin kita menyangka Allah pekak badak hinggakan apa sahaja yang berlaku di dunia ini atau dalam kehidupan kita sama ada dosa atau kegagalan, sama sekali tidak menaikkan amarah-Nya. Begitu mudahnya kita berfikir betapa kesabaran Allah berupa sikap tidak mengendahkan, bahawa Dia buta atau pekak terhadap apa yang sedang berlaku di dalam dunia ini. Namun begitu, *kesabaran* pada hakikatnya bukan *sikap tidak mengendahkan*. Allah bukanlah tuli terhadap kebingitan dosa kita tetapi sebaliknya, Dia menahan diri daripada menjalankan pengadilan-Nya atas sebab sifat-Nya yang sabar.

Segala dosa serta kegagalan kita dan juga kalangan umat di dunia yang menolak Allah berterus-terusan mendesak serta menaikkan amarah-Nya. Namun begitu, apa yang tampak seolah-olah Dia kurang bertindak, baik dalam kehidupan kita dan juga kadangkala di dalam dunia ini, tidak bererti bahawa perbuatan salah kita itu tidak penting. Dan tentu sahaja itu **tidak** bererti bahawa perbuatan salah kita bukanlah perbuatan salah. Hakikatnya, Allah giat mengamalkan sifat sabar, dan menahan diri-Nya daripada melaksanakan pengadilan-Nya terhadap dunia ini.

Walau bagaimanapun, kesabaran yang sejati sememangnya — akhirnya bakal menemui tempoh tamatnya. Apa yang kita dapati di dalam Amos 7 ialah betapa tetap ada hadnya bagi kesabaran. Allah cukup menahan diri dengan penuh kesabaran dalam sejarah umatnya Israel — ya kesabaran yang berterusan. Tetapi kini sudah tiba tamatnya tempoh kesabaran itu.

### **Wawasan Pengadilan berserta Pengantaraan**

Bahagian separuh pertama Amos 7 memperihalkan tiga penglihatan yang menggambarkan kesabaran Allah. Pertamanya, dia menerima

penglihatan tentang Allah ‘membentuk belalang juta pada waktu rumput akhir mulai tumbuh (iaitu rumput akhir sesudah yang ditebas bagi raja)’ (7:1). Apakah yang diperikan ini? Gambaran ini mungkin tidak cocok dengan pengalaman biasa kita, tetapi bagi masyarakat kaum tani di Israel, serangan belalang juta memang perkara yang menakutkan. Satu hari anda boleh mendapat hasil tuaian yang lumayan, tetapi pada keesokan harinya kumpulan belalang juta mungkin telah memunahkan keseluruhan hasil tani anda lantas harapan itu pun hilang lenyap.

Keadaannya lebih serius daripada itu, sebab ayat ini menuding kepada hasil tanaman sulung bagi tahun itu yang merupakan milik raja yang memerintah. Itu adalah cukai yang tidak sah, yang amat berkemungkinan, dikenakan untuk memuaskan nafsu tamak raja dan para pegawai istananya. Tidak ada pun undang-undang menurut Perjanjian Lama yang menetapkan bahawa hasil tuaian sulung wajib diserahkan kepada raja. Sebaliknya memang penghasilan pertama wajib diberikan kepada Allah. Namun begitu, serangan belalang juta tersebut berlaku pada penghujung bulan April, selepas musim hujan yang kedua. Ertinya, hasil tanaman yang termusnah itu ialah bahagian yang dimiliki rakyat. Hal itu memang menakutkan lagi menyedihkan sebab rakyat memang bergantung pada hasil tersebut untuk makanan mereka. Menyusul selepas musim hujan bulan April ialah kemarau musim panas selama sekurang-kurangnya enam bulan. Maka pemusnahan hasil tuaian itu bererti berlakunya kebuluran yang menderitakan ramai umat.

Amos melihat pemusnahan seratus peratus akibat serangan belalang juta itu. ‘Ketika belalang mulai menghabisi tumbuh-tumbuhan di tanah’ (7:2) membawa maksud bahawa sudah tiada lagi rumput atau hasil tanaman untuk dimakan. Kesemuanya telah habis dan tiada langsung lagi. Tanggapan Amos terhadap penglihatan itu ketara lagi penting apabila dia memohon sungguh-

sebenarnya seperti berikut kepada Allah: “Tuhan Allah, berikanlah kiranya pengampunan! Bagaimanakah Yakub dapat bertahan? Bukankah dia kecil?” (7:2). Dia sedar dan mengiktiraf dari manakah datangnya segala belalang juta itu. Pada dasarnya, itu berpunca daripada masalah moral dan bukanlah masalah pertanian atau masalah berkaitan dengan iklim. Maka sang nabi pun bertindak menjadi pengantara lantas menyeru serta menggesa agar Allah memberi pengampunan. Dia memang tahu betapa datangnya belalang juta itu adalah daripada Allah itu memang bukan kejadian bersifat alamiah atau secara kebetulan semata-mata. Allah memang menghantar serangan belalang juta itu sebagai pengadilan atas dosa-dosa manusia, sebab Amos pernah membaca Ulangan 28:38, 42, di mana Allah mengugut akan menyebabkan serangan belalang juta atas kalangan umat yang mengingkari-Nya. Amos memahami betapa penglihatan tersebut sememangnya pengadilan Allah atas kalangan umat yang berdosa.

Maka merayulah Amos kepada Allah supaya Allah menahan pengadilan-Nya dan mengampuni dosa umat-Nya. Dia merayu dan memohon belas kasihan Allah. Amos tidak mengatakan bahawa pengadilan itu tidak adil — ia memanglah adil. Para umat telah berbuat dosa dan layak menerima pengadilan Allah, tetapi Amos merayu terhadap sifat Allah yang Maha Pengampun dan Amos sekadar memohon, “ampunilah”. Mungkin agak mengejutkan juga, tetapi sesudah itu, Allah berlembut: “Itu tidak akan terjadi,” firman Tuhan’ (7:3). Maka ditarik baliklah ancaman berupa serangan belalang juta. Allah menahan diri-Nya. Walaupun tidak disebut bahawa Dia mengampuni; hakikatnya adalah Dia berlembut dalam hal membawa pengadilan-Nya atas para umat-Nya.

Penglihatan yang selanjutnya mungkin (7:4-6) jauh lebih menakutkan. Dari segi kesannya, ia sama dengan kesan atas ancaman yang pertama, tetapi dari segi penggambarannya, ia

lebih dahsyat. “Inilah yang diperlihatkan Tuhan Allah kepadaku: Tampak Tuhan Allah memanggil api untuk melakukan hukuman. Api itu memakan habis samudera raya dan akan memakan habis tanah ladang” (7:4). Menurut pengistilahan Israel purba, ‘Samudera raya’ dirujuk kepada Lautan Mediterranean. Dari segi tahap pemusnahannya, itu hampir-hampir sama dengan kehancuran akibat bencana nuklear — bukan sahaja bumi, malahan lautan-lautan yang di sekelilingnya menjadi kering kontang oleh pengadilan dengan api itu. Api merupakan lambang biasa bagi pengadilan Allah. Ia sudah digunakan beberapa kali dalam kitab Amos ini, terutamanya di dalam Bab 1 dan 2. Itu tindakan Allah sendiri; dan sekali lagi Amos memahami dan mengerti bahawa itu pengadilan Allah atas para umat-Nya (misalnya dalam Ulangan 32:22). Kali ini Amos menyeru dengan menggunakan urutan kata-kata yang berbeza kali itu, apatah lagi rayuannya lebih mendesak pula: “Tuhan Allah, hentikanlah kiranya!” (7:5). Kali ini memang tiada permohonan untuk pengampunan; Amos menyedari betapa ‘perahu sudah terlajak’. Yang cuma disebut hanyalah: berhentilah, berhenti! “Bagaimanakah Yakub dapat bertahan? Bukankah dia kecil?” (7:5). Sekali lagi Allah berlembut. “Inipun tidak akan terjadi,” firman Tuhan Allah’ (7:6).

Setakat ini sudah ada dua penglihatan yang semakin hebat, dan terdapat dua perkara yang mengagumkan yang perlu diambil perhatian. Salah satunya ialah hakikat bahawa Amos taat berdoa. Di tengah-tengah penglihatan yang menakutkan tentang penghukuman pun, Amos mengambil masa dan kesempatan untuk berdoa. Doanya ringkas sahaja; tidaklah ala pidato atau lancar berteologi yang dalam-dalam maksudnya, tetapi sekadar memohon, “Ampunilah dan hentikanlah.” Seorang lelaki berdoa memohon kepada Allah bagi pihak seluruh bangsanya dan merayu agar Allah mengurniakan belas kasihan kepada negaranya. Memang dia mengiktiraf bahawa penghukuman itu maha adil,

namun begitu dia memohon dengan perkataan mudah tetapi sungguh-sungguh berharap dengan bermati-matian supaya Allah menghentikan penghukuman-Nya itu. Perkara keduanya ialah perkara yang begitu mengagumkan iaitu hakikat bahawa bukan sahaja Amos berdoa bersungguh-sungguh, tetapi hakikatnya ialah Allah mendengar dan mengabulkan permohonannya. Ya, Allah mengubah fikiran-Nya; Dia berlembut dan menarik balik penghukuman-Nya. Terjemahan yang lebih lama menyebut bahawa Allah *menyesali* atau bertaubat, tetapi kata “taubat” mempunyai konotasi bahawa Dia telah berdosa. Gagasan kata itu lebih elok jika dinyatakan bahawa Allah *berlembut*, atau mengubah fikiran-Nya.

Itu sungguh luarbiasa. Usaha berdoa berjaya, doanya dimakbulkan. Allah memilih untuk untuk memberikan jawapan. Ya, sekalipun dalam waktu yang paling mendesak seperti itu pun, Allah mendengar doa-doa mudah yang tidak bertele-tele atau tersusun dengan baik. Ya, doa seorang umat bagi pihak seluruh bangsanya didengar oleh Allah lantas Dia berlembut.

Sesetengah pihak mungkin membangkang lalu mengatakan, “Allah bukan betul-betul mahu memusnahkan Israel pun — sebenarnya ancaman itu cuma ‘gertak sambal’ iaitu mengeluarkan ugutan untuk menakut-nakutkan sahaja. Allah sekadar menguji (iman) Amos atau mungkin hanya untuk mendorong umat untuk berubah atau bertindak dengan sebaik-baiknya. Tetapi, tentunya Dia tidak akan melakukan seperti ancaman-Nya itu bukan?” Sebenarnya, tafsiran sedemikian bererti dia yang membuat tafsiran seperti itu tidak memahami bahawa yang dinyatakan bukan cuma perenggan itu tetapi juga seluruh kitab berkenaan. Allah sedang menjalankan pengadilan atas para umat-Nya sebab kesabaran-Nya sudah di titik penghujungnya. Israel melakukan dosa jauh melebihi had kesabaran Allah maka pengadilan-Nya memang sudah amat dekat sekali. Dalam tempoh 30 tahun

daripada sabda Amos itu, pengadilan Allah akan menjadi kenyataan dan bangsa itu akan dibinasakan.

Ancaman-ancaman itu memang nyata serta benar-benar menunjuk ke arah perkara yang kita bangkitkan pada mula-mula lagi iaitu kekurangan pengadilan pada detik itu dalam sejarah bukan disebabkan oleh Allah bersikap tidak ambil peduli tetapi sebab Dia Maha Penyabar. Namun kini kesabaran itu sudah berakhir maka Israel memang sedang hampir-hampir menerima bahana amarah Allah. Di dalam setiap bab, kitab Amos ini memang dinyatakan betapa Israel di ambang kemusnahannya sebagai sebuah negara. Ini peluang terakhirnya untuk berubah. Pengantaraan Amos itu telah melengahkan pengadilan-Nya, tetapi tidak akan menangguhkan pengadilan Allah untuk selamanya. Israel tidak selamat malahan bagaikan telur di hujung tanduk, Israel berada di ambang bahaya besar sebab Allah akan segera memulakan tindakan-Nya atas bangsa itu. Sungguhpun pada ketika itu, negara Israel agak makmur; selain itu, mereka juga kuat dari segi ketenteraannya namun itu tidak bermakna bahawa mereka selamat. Padahal mereka sedang berdiri di bawah pengadilan Allah dan keadaan itu sungguh menakutkan.

Hal ini seperti yang telah kita lihat dalam bab-bab yang lebih awal, ini memang satu amaran bagi kita. Jika kehidupan kita bergerak maju tanpa sebarang masalah itu tidak bermakna kita selamat. Kekayaan dan kebahagiaan kita tidak semesti merupakan rahmat yang berkelimpahan daripada Allah sebagai balasan-Nya atas kepatuhan dan ketaatan kita. Atas sebab belas kasihan-Nya, Dia menahan diri daripada menghukum kita dan hanya bersabar atas tindak-tanduk kita. Sebagaimana kata Paulus, "Adakah engkau tidak tahu, bahwa maksud kemurahan (hati) Allah ialah menuntun engkau kepada pertaubatan?" (Roma 2:4). Barangkali keselesaan kita bukan disebabkan Allah menyangka kita sedang baik-baik sahaja, tetapi atas sebab belas kasihan-Nya, Dia

melambat-lambatkan pengadilan yang kita layak terima. Ayuhlah kita mengiktiraf kesabaran Allah sebagai kesabaran dan bukannya sikap-Nya yang tidak ambil peduli terhadap cara kita menjalani kehidupan kita.

Perhatikan juga ketegangan di sini. Sebelumnya, Nabi Amos yang mengutuk dosa-dosa umat Israel dengan sekeras-kerasnya, tetapi Amos juga berdoa dengan sedaya upayanya, dengan cemas, malahan juga dengan penuh emosi demi para umatnya. Memang dialah juga orang yang sama sewaktu mengutuk segala dosa dan juga mendoakan keselamatan bangsa itu sebagai pengantara bagi mereka. Seharusnya, hal ini memperingatkan kita bahawa dalam kehidupan kita sebagai orang Kristian atau pekerja yang melayani di ladang Tuhan, kita tidak layak mengecam dosa orang lain seandainya kita tidak bersedia mengasihi mereka dan berdoa bagi mereka.

Pada pandangan yang lebih besar lagi, yang sedang berlaku di sini ialah wujudnya ketegangan dalam diri Allah sendiri, iaitu ketegangan menjalankan pengadilan nan kudus terhadap umat yang banyak berdosa, namun begitu, Dia tetap mengasihi dan menunjukkan belas kasihan atas mereka. Kasih sayang-Nya dan kemarahan-Nya sentiasa seiringan, begitu jugalah, keadilan-Nya dan belas kasihan-Nya. Segala-galanya hanya diselesaikan dengan sempurna di kayu salib Kristus, di mana kematian Yesus' membawa pengadilan dan keadilan Allah atas segala dosa dunia ini pada masa yang sama, Dia membawa belas kasihan kepada para umat yang berdosa.

### **Penglihatan Pengadilan Tanpa Doa**

Penglihatan yang ketiga (7:7-9) membawa urutan itu lebih lanjut lagi. Penglihatan yang kedua memperlihatkan kegawatan yang jauh melebihi penglihatan yang pertama, tetapi kini tibalah takat

yang akhirnya. Tiada lagi doa, tiada lagi berlembut-lembut — sudah tibalah masanya. Berakhir sudah kesabaran Allah. 'Inilah yang diperlihatkan-Nya kepadaku: Tampak Allah berdiri dekat sebuah tembok yang tegak lurus, dan di tangan-Nya ada tali sipat. Lalu berfirmanlah Allah kepadaku: "Apakah yang kaulihat, Amos?" Jawabku: "Tali sipat!" Berfirmanlah Allah: "Sesungguhnya, Aku akan menaruh tali sipat di tengah-tengah umat-Ku Israel; Aku tidak akan memaafkannya lagi" (7:7-8). Tali ladung atau tali sipat digunakan untuk memastikan sesuatu tembok atau sesebuah bangunan itu tegak lurus. Penglihatan itu bukan mengenai sesuatu tembok tetapi mengenai bangsa Israel. Ia metafora bagi perbuatan Allah yang mengukur umat-Nya menurut ukuran dan piawaian-Nya.

Dalam kitab Keluaran dan Imamat, Allah telah memberikan undang-undang-Nya yang sama atau sepadan dengan tali sipat (atau tali ladung) yakni untuk menjadikan negara itu menurut piawaian Allah yang sifat-Nya yang tegak dan sempurna. Maka tujuh ratus tahun sesudah itu, datanglah Allah untuk mengukur para umatnya menurut batu sipat yang sama itu-- piawaian yang sama yang Dia berikan kepada umat-Nya menerusi Musa. Kini Israel didapati tidak mempunyai sifat-sifat baik menurut piawaian Allah itu. Ya, bila diukur menurut sifat lurus yakni kebenaran Allah, tembok-tembok dalam kehidupan Israel didapati bukan sahaja tidak sejajar, malahan senget, herot dan terpesong, lagi meleding dan tidak boleh diperbaiki lagi.

Tembok yang tidak tegak lurus menurut ukuran batu sipat memang berbahaya. Ia sama ada memerlukan pembaikan secara besar-besaran atau mesti diruntuhkan dan dibina semula. Maka berfirmanlah Allah, "Aku tidak akan memaafkannya lagi" (7:8). Allah sudah pun mengukur umat Israel, dan mereka didapati-Nya mempunyai banyak kekurangan. Umat itu menolak dan tidak menghiraukan segala amaran-Nya, maka Allah tidak akan lagi

berlembut atau terus bersabar terhadap umat umat itu. Apabila berakhir sudah kesabaran-Nya dan pengadilan-Nya pasti berlaku.

Amos meneruskan sabda yang menggunakan metafora berupa bangunan dan batu sipat dengan menyerlahkan dua sifat yang kurang pada umat Israel. “Bukit-bukit pengorbanan daripada Ishak (satu lagi nama bagi negara itu) akan dihancurkan” (7:9). Bukit-bukau pengorbanan itu merupakan tempat di mana warga Kanaan menyembah tuhan-tuhan lain. Selain daripada menyembah Yahweh, Tuhan bagi para umat Israel, mereka itu juga telah pergi untuk menyembah tuhan-tuhan umat jahiliah. Faham jahiliah telah terserap ke dalam agama mereka sendiri, maka tempat-tempat suci jahiliah itu perlu dibinasakan.

“Tempat-tempat kudus Israel akan diruntuhkan” (7:9). Amos sedang memperkatakan tempat-tempat penyembahan yang Israel telah bina atas kemahuan mereka sendiri sahaja. Itulah tempat-tempat seperti Betel dan Gilgal, dengan tempat-tempat ibadah dan berhala-berhala mereka yang haram. Perbuatan itu melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Allah dalam hal ibadah di tempat-tempat yang sah bagi umat-Nya serta tempat mempersembahkan korban mereka (lihat Ulangan 12:1-5). Semua pusat agama itu akan dimusnahkan. Amos bukan sekadar bersabda tentang pengadilan terhadap bangunan-bangunan keagamaan yang haram. Itu memang pengadilan atas para umat yang pergi melakukan penyembahan di pelbagai pusat agama itu — di seluruh negara.

Lebih daripada itu, Amos meneruskan sabdanya dengan menyampaikan bahawa, “Aku akan bangkit melawan keluarga Yerobeam dengan pedang” (7:9). Sekali lagi, ini bukan sekadar kenyataan tentang pengadilan terhadap keluarga diraja sahaja tetapi terhadap seluruh kepimpinan negara itu. Segala bangunan keagamaan dan istana diraja mewakili seluruh negara. Akhirnya, kesemuanya akan dimusnahkan; semua pihak akan berhadapan

dengan pengadilan Allah. Israel telah menerima terlalu banyak amaran tentang hukuman yang mendatang itu.

Itu bukanlah berarti bahawa pengadilan Allah atas mereka itu tidak adil. Ya, seperti yang kita lihat di dalam Bab 4, mereka telah melalui beraneka bencana, tetapi pada setiap titik, Israel begitu enggan untuk kembali kepada Allah. Amos sendiri telah mendatangi mereka dan berkhotbah tentang pengadilan Allah itu, tetapi sabda-sabdanya itu tidak dihiraukan oleh umat itu. Sudah dua kali Amos menjadi pengantara lalu mendoakan penyelamatan umat itu, namun begitu, biarpun banyak amaran yang diberikan, kesemua usaha itu hanya setakat melambatkan sedikit sahaja hari pengadilan Allah yang tentunya tidak dapat dihindari itu. Tentu Allah tidak menghukum secara tidak adil, sebaliknya Dia memberikan amaran yang secukupnya terlebih dahulu.

Bagi kita semua juga, Alkitab memang penuh dengan pelbagai amaran sedemikian maka kita seharusnya tidaklah seperti Israel itu. Misalnya, dalam 1 Korintus 10:1-12, Paulus memberikan hujah yang sama bahawa Alkitab memang merupakan satu siri amaran untuk kita maka perlu kita akur dan mengendahkan semua amaran itu jika kita mahu menghindari pengadilan Allah.

## **Tentangan Rasmi Terhadap Amos**

Sesudah tiga penglihatan itu, bab ini diteruskan dengan satu episod tentang pendeta Amaziah dan Amos (7:10-17). Ini ialah keadaan persemukaan antara pihak berkuasa dengan si penentang.

Pihak berkuasa tidak akan berasa senang atau tenang jika dalam kumpulannya ada seorang yang merupakan penentang. Cuba anda imbas kembali sejarah tentang warga seperti Thomas Becket, Ketua Biskop Canterbury yang menimbulkan kemarahan Raja Henry Kedua hinggalah raja itu dikatakan telah bertitah, "Siapakah yang dapat menghapuskan paderi yang tidak terkawal

ini untuk Aku?" Tidak lama selepas itu, Becket didapati telah terbunuh di dalam Katedral Canterbury pada tahun 1170. Pertimbangkan juga hal Martin Luther dengan pihak berkuasa gereja Jerman, atau antara Martin Luther King, Jr dengan pihak kerajaan Amerika Syarikat. Di sini, Amos seperti si pemberontak menurut pandangan pihak berkuasa negaranya.

Di dalam ayat-ayat ini, pihak pemerintah sedang cuba untuk mematahkan kalangan yang pemberontak, cuba untuk menghadkan dia supaya perkataannya tidak didengari oleh rakyat jelata. Biarlah kita renungkan bagaimana ayat-ayat isi sabda Amos itu menunjukkan betapa kuasa sehingga dapat mencetus amarah. Tentunya ada tindak balas yang hebat terhadap sabda Amos itu. 'Lalu Amazia, imam di Betel, menyuruh orang menghadap Yerobeam, raja Israel, dengan pesan:, "Amos telah mengadakan persepakatan melawan tuanku di tengah-tengah kaum Israel; negeri ini tidak dapat lagi menahan segala perkataannya. Sebab beginilah dikatakan Amos: Yerobeam akan mati terbunuh oleh pedang dan Israel pasti pergi dari tanahnya sebagai orang buangan'" (7:10-11).

Betel ialah tempat suci utama, dan dikenali sebagai tempat suci raja. Amaziah berperanan selaku paderi pihak berkuasa. Mungkin dialah pemimpin rohaniah bagi negara bangsa Israel pada zaman Amos. Namun begitu, sebagaimana yang begitu jelas dalam perenggan ini, kuasa dan kewibawaannya semata-mata datang daripada raja dan bukannya daripada Allah. Apabila dia pergi menghadap raja untuk membuat rungutan terhadap Amos, dia memberi gambaran yang salah tentang nabi Amos. Dia memilih apa yang mahu disebutnya. Dia tidak menyebut tentang dosa-dosa Israel, atau hakikat bahawa Amos memang berkali-kali merayu kepada umat dari semasa ke semasa, dan betapa sabdanya memang firman Allah. Malahan dia sekadar memerikan Amos sebagai seorang pengkomplot politik, seolah-

olah, secara persendirian Amos memang merencanakan untuk membunuh raja.

Dengan demikian Amaziah memutarbelitkan tafsiran yang telah disabdakan oleh Amos tentang Yeroboam. Amos telah bersabda bahawa Allah akan bangkit melawan keluarga Yeroboam (7:9), tetapi Amaziah memutarbelitkan hal itu lalu melaporkan bahawa Amos sedang berkomplot untuk membunuh Yeroboam. Amaziah juga berkata bahawa bumi itu pun tidak sanggup mendengar sabda Amos itu lantaran dia akan hancur musnah jika sabda Amos itu menjadi kenyataan. Oleh yang demikian, adalah lebih baik untuk menghapuskan Amos. Tanggapan raja terhadap ketua imam tidak disebutkan di sini, ya kepada 'Ketua Uskup Canterburynya' jika anda menyukai perbandingan itu. Sebaliknya, yang terjadi seterusnya ialah kembalinya Amaziah kepada Amos dan bercakap dengannya. Secara mengejek, dia berkata kepada nabi itu: "Pelihat, pergilah, enyahlah ke tanah Yehuda! Carilah makananmu di sana dan bernubuatlah di sana; jangan lagi bernubuat di Betel, sebab inilah tempat kudus raja, inilah bait suci kerajaan." (7:12-13). Mengarahkan Amos pergi ke Yehuda bererti memberitahunya, "Balik sahajalah balik kampung kamu!" Yehuda ialah negara di sebelah selatan Israel. Amos diperintahkan oleh Allah untuk meninggalkan Yehuda dan pergi ke utara. Ternyata di Israel ada sikap menghina terhadap warga Yehuda, yang dianggap sebagai lamban lagi mundur, tradisional dan konservatif. Amaziah tidak mahu Amos berada dalam negerinya.

Amaziah berkata, "Pergilah ... Carilah makananmu di sana." Secara harafiah, dia menyuruh Amos 'pergilah mencari rezekimu di sana', dan itu menunjukkan betapa tidak berakhlaknya cara kenabian pada zaman itu. Ramai nabi di Israel purba bekerja untuk gaji oleh raja. Mereka kakitangan awam di bawah perlindungan raja, oleh itu mereka memang di bawah kuasa dan kewibawaan raja. Maka tidak dapat dielakkan jika para nabi

gajian itu akan mengatakan perkataan yang diterima lagi menyukakan hati raja mereka. Di bawah sistem naungan sedemikian tidak hairanlah kalau kuasa dan kewibawaan Allah tidak diiktiraf. Sememangnya tiada pengakuan tentang kuasa dan kewibawaan Allah oleh si paderi Amaziah apabila dia bercakap dengan Amos sebelumnya. Barangsiapa yang menentang senario tersebut akan dipulaukan dan dipecat dan juga diusir.

Perjanjian Lama memberikan beberapa contoh nabi-nabi palsu yang juga digaji oleh istana dan yang memang hanya mengatakan perkara-perkara yang memberi sukacita kepada raja serta menyokong lagi menunjangi keyakinannya dan rasa hormatnya serta martabatnya. Hal itu kita lihat dalam keseluruhan Kitab Yeremia. Para nabi Allah disisih, dipulaukan, malahan ditindas oleh para nabi palsu itu. Maka tibalah giliran Amos pula di sini.

Perhatikan bagaimana Amaziah merayu dengan bersandarkan kuasa dan kewibawaan raja dan bukan Allah. Institusi kenabian memang begitu tandus dari segi kerohanian tulen. Amaziah, yang teramat berbangga dengan kedudukan serta kepentingan dirinya sedang meniup trompet dirinya dan pada hakikatnya sedang berkata, "Akulah Ketua Biskop katedral dan tempat suci diraja ini dan kami tidak mahu kamu wahai paderi kerdil kampung. Enyahlah dan tinggalkan kami sendirian sahaja."

Amos tidak sekadar menerima sahaja pukulan itu tanpa bertindak balas. Dia membalas perkataan Amaziah dengan menggunakan kata-kata yang menyengat lagi lancang: "Aku ini bukan nabi dan aku ini tidak termasuk golongan nabi" (7:14). Ganjil sekali tanggapan itu! Tentu sahaja dia seorang nabi; sabdanya penuh dengan nubuat. Namun begitu, makna yang dinyatakan oleh Amos ialah, "Aku bukan nabi profesional; Aku tidak dilahirkan dalam golongan nabi. Ayah dan datukku juga bukan nabi sebelum aku,justeru inilah aku pun menjadi nabi yang digajikan oleh istana." Amos meneruskan perkataannya,

“Aku ini seorang penternak dan pemungut buah ara hutan,” mungkin juga dia merujuk kepada buah ara hutan yang dtoreh oleh si penternak untuk membuat buah sulung pohon ara itu menjadi manis. Ungkapan yang digunakan itu membayangkan bahawa berkemungkinan Amos seorang yang pakar dalam bidang berkenaan. Itulah punca pendapatannya.

Walau bagaimanapun, dia hanya menjadi nabi sebab “Tuhan mengambil aku daripada pekerjaan menggiring kambing domba, dan Tuhan berfirman kepadaku: ‘Pergilah, bernubuatlah terhadap umat-Ku Israel’” (7:15). Allah yang menobatkan Amos menjadi seorang nabi, dan sekiranya Allah berfirman sebagaimana yang telah dikatakan oleh Amos dalam 3:8, siapakah yang tidak bernubuat? Amos memang sedang di bawah kuasa dan kewibawaan Allah. Implikasinya ialah, “Kamu, wahai Amaziah, langsung tiada apa-apa pun dengan Tuhan; kamu terlalu jauh daripada diri-Nya.”

Malahan ada yang lebih lancang dan kasar di sini. Amos memetik apa yang disabdakan Allah kepadanya, “Pergilah, bernubuatlah terhadap umat-Ku Israel” (7:15). Amaziah pula baru sahaja berkata kepada Amos, “Pergilah ke Yehuda,” tetapi Allah berfirman, “Pergilah ke Israel”. Maka jelas sekali bahawa kuasa dan kewibawaan Allah dan titah raja betul-betul bertentangan. Tambahan pula, Allah berfirman, “Pergilah, bernubuatlah terhadap umat-Ku Israel” tetapi Amaziah berkata, “Janganlah bernubuat menentang Israel” (7:16). Itu atas kuasa dan kewibawaan siapa? Amos bersabda bahawa yang diambil kira ialah kuasa dan kewibawaan Allah, maka dia pun mematuhi firman Tuhan itu. Amaziah berkata itu adalah kuasa dan kewibawaan raja, dan dia akan mematuhi itu. Hakikatnya Amaziah sedang memerintahkan Amos untuk mengingkari perintah Allah.

Amos meneruskan sabdanya, “Maka sekarang, dengarlah firman Tuhan! Engkau berkata: Janganlah bernubuat menentang

Israel, dan janganlah ucapkan perkataan menentang keturunan Ishak.' Maka demikianlah firman Tuhan" (7:16-17).

Seterusnya didatangkan empat sumpahan yang bakal menimpa Amaziah atas sebab tentangannya terhadap kehendak Allah (7:17). Pertama, "Isterimu akan bersundal di kota", mungkin untuk sara hidupnya apabila Amaziah hilang atau terbunuh. Kedua, "anak-anakmu laki-laki dan perempuan akan tewas oleh pedang"; ya, bukan Amaziah seorang sahaja, tetapi seluruh susur galurnya akan dihapuskan. Bagi seorang imam memang kebanggaannya adalah untuk susur galur yang berterusan sebagai keluarga imamat, tetapi itu tidak akan menjadi kenyataan bagi Amaziah. Ketiga, "tanahmu akan dibagi-bagikan dengan memakai tali pengukur." Amaziah akan kehilangan harta bendanya sendiri. Sudah tentu, undang-undang Perjanjian Lama menyarankan bahawa imam tidak ditakdirkan untuk memiliki harta benda! Maka ertinya sistem imamat di kerajaan utara telah begitu merosot. Akhir sekali, "engkau sendiri akan mati di tanah yang najis, dan Israel pasti pergi dari tanahnya sebagai orang buangan." Bagi seorang umat Israel, kematian di tanah orang jahiliah sudah cukup teruk apatah lagi kematian sedemikian bagi imam yang mesti senantiasa bersih menurut peraturan kewajipan dan adat resam golongan imamat,

Kemudian, bagaikan menusuk pedang itu lebih ke dalam lagi, Amos mengulangi ancaman pembuangan yang akan terjadi atas negara itu: "Dan Israel pasti pergi dari tanahnya sebagai orang buangan." Amaziah, engkau merayu kepada kuasa dan kewibawaan raja walhal yang diambil kira hanya kuasa dan kewibawaan Tuhan. Hampalah sahaja segala penolakan Amaziah terhadap Amos sebab firman Allah pasti digenapi.

Alkitab dan tentu sahaja sejarah gereja penuh dengan pelbagai contoh mengenai cubaan untuk mengongkong firman Allah. Banyak contoh di mana pihak berkuasa telah mencuba untuk

mengawal penyebaran firman Allah, cuba menguncilkannya baik-baik demi menentang si pemberontak. Amos merupakan salah satu antara berbaris-baris jurucakap bagi Allah yang menderita akibat ancaman untuk membisukan para pesuruh-Nya. Mungkin anda mampu mengunci mulut sang nabi, tetapi anda pasti tidak berdaya melenyapkan firman Allah. Firman Allah akan tetap terlaksana dan dipenuhi.

Dalam kitab Amos dan juga dalam kitab-kitab lain dalam Alkitab, tidak dapat disangkal bahawa memang tersurat firman Tuhan yang tidak menyenangkan, mencabar atau mengganggu lagi membimbangkan kita. Kitab Amos ini mendatangkan kesan kerisauan dan kesudahan hati apabila kita membacanya. Ya, tentu bahagia sekali jikalau ada teks Alkitab yang lebih menggalakkan dan memberikan keselesaan minda. Bukankah lebih baik seandainya kita boleh beralih kepada bahagian atau petikan lain untuk menemui perkataan yang menggembirakan daripada menemui perkataan yang bersarat dengan “ajal dan kekelaman” daripada sabda Amos?

Mungkin anda berasa seperti itu apabila membaca kitab Amos. Namun begitu, kita sebenarnya sedang membahayakan diri sendiri jika kita tidak mengendahkan Firman Allah. Kita tidak mempedulikan cabaran dan peringatan serta amaran tentang hal-hal yang membahayakan kita. Janganlah kita sampai melawan kehendak serta Firman Allah sebagaimana yang dilakukan oleh Amaziah dan pihak berkuasa Israel purba. Kita tidak dapat menapis kitab Amos daripada Alkitab kita, seolah-olah kita boleh mengoyak-ngoyakkan dan membuang mana-mana halaman yang kita tidak berkenan. Kita tidak boleh membataskan kesukaan kita pada Mazmur yang indah-indah, beberapa firman yang menyenangkan kita daripada Yesus, 1 Korintus 13, dan beberapa yang lain. Kita perlu berani, bukan sahaja untuk mendengar Firman Allah, tetapi untuk melakukan hal yang melebihi semuanya

iaitu untuk memberi perhatian terhadap segala amaran dan petunjuk yang ada di dalam Alkitab tentang bagaimana kita sepatutnya menjalankan kehidupan kita. Mereka yang melawan kehendak Allah mungkin akhirnya menemui nasib yang sama seperti nasib Amaziah.

Ayuhlah kita mengambil iktibar daripada kejadian ini, dan mengiktiraf bahawa kita sememangnya hidup hanya di bawah kuasa dan kewibawaan Allah. Pada asasnya memang, kuasa dan kewibawaan bukan milik sebuah negara, seorang raja, atau sebuah institusi agama, tetapi hanya milik Allah sendiri sahaja.

# 8

.....

## Sudah Tiba Masanya

(Amos 8:1-14)

Jarang ditemui seseorang yang berfikiran bahawa dunia kita ini tidak mengalami fenomena kemerosotan moral, atau yang berfikir bahawa tahap akhlak pada masa kini lebih baik daripada akhlak generasi yang lepas-lepas. Prinsip moral dunia kita kini ketara kekurangan kejujuran, kesetiaan dan kesesuaian. Jika sesetengah ahli politik bersalah dalam hal itu, begitu jugalah ramai taikun bidang perniagaan. Yang menyedihkan ialah pihak gereja juga tidaklah senantiasa ‘tidak dapat dicela’ dalam hal ini.

Di manakah silapnya atau apakah yang telah tidak lagi betul? Mengapakah unsur moral seolah-olah sedang merosot dengan begitu teruk di dalam dunia kita? Sungguhpun isi kitab Amos agak keras, Amos memang menuding ke arah jawapan segalanya: Allah. Apabila Allah yang benar lagi hidup diketepikan, maka akhirnya gagallah prinsip moral dan etika. Tentu sahaja selama 200 tahun nan lalu di dunia sebelah Barat, Allah telah dipinggirkan yakni diketepikan. Pelajaran bernama “moral” memang ada diajar, tetapi dalam masyarakat yang semakin tebal sikap sekular serta kemanusiaannya, tidak ada kepercayaan kepada Allah yang secara sejati menjadi topang bawah, yang menyokong lagi menegakkan segala didikan dan ajaran baik. Akhirnya struktur

moral sudah tidak secukupnya berasas, maka ia mudah berderai dan akhirnya runtuh.

Maka wujudlah dunia yang mengalami kemerosotan moral dan peningkatan kemaksiatan. Lagi pula, bila tiada topangan berupa kepercayaan kepada Allah untuk menjadi piawaian bagi moral seseorang, apakah perlu sesiapa pun bersikap jujur? Mengapa perlu seseorang tidak mementingkan diri sendiri dalam suasana sedemikian? Bukankah, dalam senario dan keadaan sebegitu lebih baik kita menjaga diri sendiri sahaja?

Seorang penulis mengesyorkan contoh di bawah ini yang diambil daripada adegan di sebuah padang permainan kanak-kanak di sekolah:

Berikan aku bola itu.

Tidak, mengapa perlu aku buat begitu?

Sebab aku kata begitu.

Kalau tidak apa kamu nak buat? Aku lebih besar daripada kamu!

OK lah, nah ambillah bola ini.

Anda sudah lihat apa yang terjadi? Apabila akhlak tidak menjadi asas yang menjadi landasan kita, pihak yang paling kuat akan sentiasa menang. Kekuasaan dan kekuatan sentiasa menjadikan seseorang atau sesuatu pihak itu 'terulung'. Itu suatu contoh kasar, tetapi tidak dapat dinafikan kita menuju ke arah itu. Kekuatan sentiasa menang dan betul walaupun kepercayaan kepada Allah yang Maha Kudus di ketepikan atau ditolak mentah-mentah! Itu juga benar dalam lingkungan gereja dan juga masyarakat.

Perkara pertama sekali yang disangkal oleh sang ular di Taman Eden ialah hakikat bahawa Allah yang Maha Kudus akan menghakimi. Perkara pertama yang ditolak oleh umat Kristian

liberal moden dan lain-lain ialah penolakan bahawa pada hakikatnya Allah yang Maha Kudus akan menjalankan pengadilan. Maka dengan penolakan ini, apa sahaja yang kita lakukan terserahlah kepada kehendak kita.

## **Tuhan Allah akan Menghakimi**

Kitab Amos mendedahkan kesilapan dunia moden ini. Ia menarik perhatian kita kepada hakikat bahawa Allahlah yang menentukan apa yang salah atau yang betul. Allah telah menyerlahkan piawaian-Nya dan Dia akan menghakimi bukan sahaja para umat-Nya sendiri malah seluruh dunia dengan piawaian itu juga. Apa yang diperlukan oleh dunia, dan gereja dan juga kita ialah untuk kembali kepada satu-satunya Allah yang benar dan hidup, Yang Maha Kudus akan menghakimi kita. Kita perlu sekali untuk kembali kepada Allah, yang juga Allah dan Bapa kepada Tuhan kita Yesus Kristus. Seperti yang telah kita lihat, Israel purba bagaimanapun gagal kembali kepada Allah yang hidup. Israel purba itu tidak mempedulikan firman Allah yang disampaikan melalui nabi Amos, hingga menguji kesabaran Allah terhadap para umat-Nya. Penghujungnya sudah tiba!

Amos dikurniai satu lagi penglihatan, iaitu penglihatan keempat di dalam kitab ini. Sekilas pandang, ia tampak seperti penglihatan yang menyenangkan, sebakul buah-buahan musim kemarau (8:1). Allah bertanya Amos, “Apakah yang kaulihat, Amos?” dan Amos menjawab, “Sebuah bakul berisi buah-buahan musim kemarau” (8:2). Mungkin bagi Amos, buah-buah itu termasuklah buah zaitun, buah kurma, buah tin dan buah delima. Kita mungkin membayangkan gambaran buah-buah beri, tembikai, malahan juga buah durians juga!

Penglihatan itu adalah mengenai buah-buahan yang manis lagi menarik perhatian. Namun begitu, seperti sebahagian besar

isi di dalam kitab Amos, apa yang nyata kelak bukan seperti apa yang dilihat itu; sebaliknya satu kejutan. Yang penting sebenarnya bukanlah buah-buahan itu sendiri tetapi dalam ungkapan “*buah-buahan musim kemarau*”. Bahasa Ibraninya ialah *qayits*, dan kata bagi ‘penghujung’ (yang Tuhan firmankan seterusnya) ialah *qets*. “Titik penghujung (atau titik akhir) sudah sampai atas umat-Ku Israel”.

‘*Qayits*’ dan ‘*qets*’ bunyinya hampir-hampir sama. Itu permainan kata-kata, iaitu permainan kata-kata. Hampir-hampir Allah membuat lelucon kecil di sini. “Apakah yang kamu nampak? Aku nampak *qayits*. Ya, *qets* telah pun tiba.” Akhir dunia ini (Akhirat) telah tiba, atau Akhirat telah tiba bagi para umat-Ku. Alkitab versi NIV menterjemahnya ke dalam Bahasa Inggeris:

“Apakah yang kaulihat, Amos?” Dia bertanya. “Sebuah bakul berisi buah-buahan musim kemarau,” jawabku. Berfirmanlah Allah kepadaku: “Kesudahan telah datang bagi umat-Ku Israel. Aku tidak akan memaafkannya lagi.”

Maka apa yang kelihatan indah dan manis sebenarnya sebaliknya!

Sebagaimana penglihatan tentang tali sipat dalam 7:7-9, penglihatan ini menyatakan bahawa Allah tidak akan melepaskan begitu sahaja dosa para umat-Nya. Ya, sudah tiba pengadilan, dan pengadilan itu menakutkan pula. Amos memperihalkannya sebagai ‘ratapan pada hari itu’. Lazimnya lagu-lagu yang dinyanyikan di tempat penyembahan itu merupakan puji-pujian gembira dan kemeriahan. Malahan lebih teruk lagi, “Ada banyak bangkai: ke mana-mana orang melemparkannya dengan diam-diam,” demikianlah firman Tuhan (8:3). Itu mengingatkan kita apa yang kita lihat dalam tahun-tahun kebelakangan di tempat-tempat lain, antaranya di Rwanda, Syria atau Cambodia, di mana timbunan mayat bertindih-tindihan, satu atas yang lain sehingga terlalu banyak untuk ditanam; terlalu banyak untuk ditangani.

Kesemua mayat itu dibiarkan reput dan terurai di pinggir-pinggir jalan, atau di dalam rumah-rumah.

Dahsyat sekali gambaran pengadilan Allah yang bakal mendatangi para umat Allah sendiri. Ayat 8:3 ada kata “diam-diam” di hujungnya, Ya betul, apakah yang sesiapa mampu katakan bila berhadapan dengan pandangan yang begitu dahsyat lagi menggerunkan, dan apabila menghadapi pengadilan Allah?

## **Para Hipokrit**

Kemunafikan atau kepura-puraan ialah satu tuduhan yang sering dilemparkan terhadap gereja: “Oh, gereja itu penuh dengan kalangan munafik iaitu para hipokrit; mengapa mesti saya ke gereja itu?” Biarpun tuduhan melulu sedemikian sering menyerlahkan kejahilan terhadap Allah serta cara Dia menangani para umat-Nya agak menyedihkan. Kemunafikan beragama para hipokrit agama memang wujud. Ya, ada di kalangan yang kesalihan mereka semata-mata bersandiwara atau lapisan palsu luaran sahaja walhal kehidupan dalaman mereka langsung tiada kaitan dengan “kesolehan umum” yang diamalkan oleh mereka.

Mudah sahaja untuk menghadiri kebaktian di gereja, tampak seperti berlagak baik, kelihatan warak atau salih namun bila jauh daripada pameran kesalihan itu, mereka menjalani kehidupan yang jauh sekali daripada Allah. Memang Israel purba ialah contoh klasik sikap hipokrit beragama, sebab kalangan umat yang dipertuduhkan oleh Amos di dalam kitab ini ialah kalangan penggemar agama, yang setiap minggu pasti berada di gereja, yang duduk di barisan bangku depan sekali. Mereka itu para umat yang mengamalkan betul-betul hari Sabat dan semua pesta lain agama mereka. Mereka mengerjakan semua perkara yang betul dan pastikanlah mereka dilihat ketika melakukan segala yang baik-baik lagi betul itu.

Inilah apa yang dikatakan oleh kalangan umat seperti itu: “Bilakah bulan baru berlalu, supaya kita boleh menjual gandum?” (8:5). Mereka itu bagaikan kanak-kanak yang menantikan perayaan hari Krismas, yang membilang jam dan minit hingga tiba waktu untuk membuka bungkus hadiah pada pagi hari Krismas. Inilah kalangan umat yang datang menghadiri gereja pada hari Ahad atau hari Sabat, dan mengira minit dan detik sehingga sampai waktu mereka boleh menjalankan semula perniagaan mereka pada hari Isnin dan seterusnya. Apakah yang berlaku apabila mereka kembali bekerja? Mereka menghisap darah kalangan miskin hingga habis setiap sen yang dimiliki kalangan miskin itu. Amos menuduh mereka, dipetikanya lagi perkataan mereka: “Kita akan mengecilkan efa” (8:5). Rfa ialah ukuran, iaitu sebanyak 22 liter, bagi bijirin. Kenyataan mereka bererti mereka sengaja menggunakan bekas yang tidak mengukur tepat kandungan yang sepatutnya itu. Maka apabila sesiapa membeli satu efa bijirin, mereka akan mendapat bahan yang tak sampai ukuran sepenuhnya seperti yang dibayar mereka. Mereka menyangka bahawa mereka membeli ukuran yang sebetulnya walhal mereka ditipu, diberikan kurang. Hakikatnya, mereka ditipu oleh kalangan orang yang beragama lagi “alim!” Amos meneruskan lagi usaha memetik perkataan para penipu itu, “kita akan membesarkan syikal.” Syikal ialah ukuran timbangan yang dijadikan cara menetapkan bayaran bagi barang yang dibeli oleh para umat. Bayangkanlah set alat timbangan dan si tuan punya kedai meletakkan timbangan syikalnya. Umat yang membeli harus meletakkan emas atau perak atau apa jua jumlah yang diperlukan untuk untuk mengimbangkan alat timbangan itu, dan itulah yang membolehkan mereka membeli ukuran efa bagi bijirin yang mereka ingin beli itu, yang tentunya lebih kurang beratnya daripada yang seharusnya. Apakah yang dilakukan oleh si tuan punya kedai? Dia membuat syikalnya menjadi lebih berat, dan itu bererti bahawa si pembeli perlu

meletakkan lebih banyak wangnya untuk mengseimbangkan skala yakni alat timbangan itu. Jadi, si pembeli membayar lebih daripada yang sepatutnya, untuk mendapatkan kurang daripada yang sepatutnya diterima olehnya. Tuan punya kedai yang kaya itu memberikan kurang daripada yang patut dieberikannya, tetapi dia mendapat keuntungan yang lebih banyak. Jelas, timbangan palsu dan penipuan mencirikan kehidupan perniagaan Israel. Perlu diingat, perkara sedemikian diamalkan oleh para penggemar agama yang melakukan demikian pada hari-hari kerja mereka sesudah tampak teramat alim pada hari Sabat.

Penggalian barang kuno menunjukkan bahawa di setengah-setengah tempat di Israel purba, dua set alat timbangan ternyata digunakan. Itu menyokong tepat hujah Amos: bahawa memang ada timbangan palsu demi membuat si penjual lebih kaya dengan belanja berlebihan yang tidak sepatutnya oleh si pembeli. Patutlah Amos berfirman, “Kamu yang menginjak-injak orang miskin, dan yang membinasakan orang sengsara di negeri ini” (8:4). Orang yang kaya raya telah membawa kemusnahan atas kalangan miskin.

Salah satu novel kegemaran saya ialah *The Grapes of Wrath* karya Yohanes Steinbeck, sebuah kisah yang memilukan mengenai orang Amerika Syarikat ketika Zaman Kemelesetan Ekonomi. Para petani Oklahoma menjualkan tanah mereka demi menyara hidup mereka dan mengharap akan memperoleh kekayaan di California. Maka mereka menuju ke arah barat tetapi sayang sekali impian mereka bak embun yang mengering; sebab di sana tiada apa pun untuk memberi mereka peluang untuk menjadi kaya. Lebih teruk lagi, para tuan tanah yang kaya raya itu menguasai ‘harga buruh’ lantas memaksa ‘para pendatang itu’ tunduk mengikut telunjuk mereka dengan menetapkan harga barang makanan dan memaksa mereka membayar lebih demi keuntungan mereka sendiri sahaja. Walaupun ada harinya para pendatang

mampu memperoleh secukupnya, tetapi keesokannya mereka terpaksa bekerja lebih lama lagi untuk mendapat upah yang sama sahaja. Seterusnya mereka terpaksa bekerja lebih lama lagi untuk memperoleh rezeki secukupnya, dan akhirnya mereka tidak berdaya bekerja secukupnya walaupun sekadar untuk memperoleh sara hidup sahaja. Pada penghujung buku itu, sungguh memilukan, ada seorang lelaki yang sedang kelaparan kerana hidup dalam sistem di mana si kaya menjadi lebih kaya atas daya upaya terhadap si miskin, dan yang hanya terdaya didapatinya ialah susu daripada payudara seorang wanita. Itu gambaran yang dahsyat mengenai ekonomi dua tingkat, yang tidak berbeza dengan yang diamalkan oleh para umat Israel yang sedang dipersalahkan oleh Amos di sini.

Demikian jugalah, di negara Israel purba, golongan kaya sering membankrapkan para tuan punya ladang kecil-kecilan. Mereka membeli tanah berkenaan, mungkin pada harga yang rendah, kemudian membenarkan para bekas tuan tanah itu digajikan untuk mengerjakan tanah yang dahulunya milik mereka dengan bayar gaji yang semakin lama semakin berkurangan. Pada masa yang sama, harga barang makanan melonjak naik sebab kalangan yang kaya raya mengawal pasaran. Akhirnya mereka itu memaksa kalangan miskin menjadi bak hamba abdi yang bekerja di tanah yang dahulunya milik mereka sendiri. Sepanjang kandungan buku ini, Amos terus menyerang sistem ekonomi dua tingkat yang bersifat mengeksploitasi itu. Eksploitasi atas kalangan miskin oleh kalangan kaya sememangnya melanggar perundangan yang diberikan (dan ditetapkan) di Sinai. Undang-undang itu amat ketara daripada aspek perlindungan kalangan miskin, dan mendesak kemurahan hati dari kalangan kaya, dan tentunya dalam pengehadan kekayaan hasil daripada eksploitasi. Undang-undang itu hilang pada zaman Amos. Memang itu kemunafikan yang tiada tolok bandingnya!

Hari ini, memang masih ada orang yang datang ke gereja dan menyembah Allah, kelihatannya bersama-sama dengan anggota masyarakat yang lainnya. Namun pada keesokan harinya, mereka mengeksploitasi orang yang duduk di sebelah mereka di dalam gereja kelmarinnya. Rasa cinta akan Allah yang seharusnya menjadi perkara yang terhebat dalam kehidupan mereka ternyata kesuntukan. Kecintaan mereka terhadap wang ringgit serta pengumpulan harta benda memang jauh lebih hebat berbanding dengan cinta kasih mereka kepada Allah.

Tentu sahaja ini merupakan suatu cabaran bagi kesemua kita yang menjadi pekerja: bahawa etika kita di tempat kerja wajib selaras menurut segala piawaian Allah. Kita perlu mengamalkan sifat kejujuran dan kelurusan dalam semua urusan niaga kita baik kita pekerja atau bukan. Dalam semua hubungan perniagaan dan urusan niaga kita, kita wajib mengekalkan ketulusan kekristianan kita, supaya kita tidak sekadar mempamerkan ketaatan dan kesalihan pada pagi hari Ahad sahaja. Keutuhan atau ketulusan yang berlandaskan iman kepada Allah perlu diamalkan juga dari hari Isnin sehingga hari Sabtu. Jelas, ini cabaran amat hebat bagi kita yakni untuk bertindak menurut piawaian Allah dalam setiap perhubungan kita serta dalam segala perkara yang kita lakukan. Jangan sekali-kali diketepikan piawaian-Nya itu sebaik sahaja kita keluar gereja atau tamat sahaja kebaktian setiap minggu.

## **Suatu Hari yang Dahsyat**

Tidak hairanlah jika Allah datang demi menghakimi Israel purba tatkala kehidupan mereka itu penuh dengan bersandiwara sahaja. Tidak hairanlah jika Allah bersumpah satu sumpah lalu berfirman, "Ya, Aku tidak bermain-main sewaktu aku berkata Aku akan datang menghakimi kamu" 'Allah telah bersumpah demi kebanggaan Yakub' (8:7), iaitu the kebanggaan atas bumi mereka

dan kebanggaan atas kekayaan dan harta-benda mereka. Ini memang cara menyindir untuk mengatakan bahawa Allah bersumpah demi menghakimi negara itu. "...Bahwasanya Aku tidak akan melupakan untuk seterusnya segala perbuatan mereka!" Dia tetap menghimpunkan dosa-dosa mereka untuk mendakwa mereka buat selama-lamanya.

Tentu saja hari pengadilan ini merupakan satu hari yang dahsyat: "Tidakkah akan gementar bumi kerana hal itu, sehingga setiap penduduknya berkabung? Tidakkah itu seluruhnya akan naik seperti sungai Nil, diumbang-ambingkan dan surut seperti sungai Mesir?" (8:8). Betapa dahsyatnya kelak hari itu nanti.

Bumi yang bergetar membayangkan berlaku gempa bumi; bumi yang ombang-ambing tampak seperti banjir, sebagaimana secara berkala, Sungai Nil akan melimpahi tebing-tebingnya dan memusnahkan kawasan tanah yang besar-besar. Amos bersabda bahawa pemusnahan oleh Allah pada Hari pengadilan pasti secara besar-besaran — seperti pemusnahan yang dibawa oleh bencana banjir oleh Sungai Nil atas kawasan Mesir Utara.

Malah lebih teruk lagi, hari itu kelak akan menjadi satu hari bencana bagi seluruh alam. "Pada hari itu, demikianlah firman Tuhan Allah, Aku akan membuat matahari terbenam pada siang hari dan membuat bumi gelap pada hari cerah" (8:9). Ini berbeza daripada gerhana matahari yang begitu menguja para ahli pengkaji bintang. Ini suatu pemusnahan — hinggakan matahari yang berada pada puncaknya pada kala tengah hari, itulah sebagaimana negara Israel zaman kemuncaknya, akan tiba-tiba sahaja tamat hayatnya lalu menjadi hitam. Bila sahaja semuanya tampak sebegitu cerah ada masa depan yang cerah, sang matahari akan menghilang, dan begitu jugalah negara Israel. Pada Hari Pengadilan memang akan ada terjadi hal-hal yang sebaliknya.

Pengadilan diteruskan: "Aku akan mengubah perayaan-perayaanmu menjadi perkabungan, dan segala nyanyianmu

menjadi ratapan. Aku akan mengenakan kain kabung pada setiap pinggang” (8:10), itu ialah padanan zaman purba bagi pakaian berkabung semasa pengebumian. Kain guni memang keras lagi kasar terhadap kulit, iaitu satu tanda bagi sikap menahan diri ketika bersedih, berkabung dan bertaubat. “Aku akan menjadikan gondol setiap kepala” bukan kerana mereka akan menjadi tua dan rambut mereka gugur, tetapi sebaliknya mereka akan mencukur kepala masing-masing sebab itu juga adat berkabung purbakala sewaktu ada kesedihan. “Aku akan jadikannya seolah-olah perkabungan bagi anak lelaki tunggal” — tentu sekali itu kesedihan paling pahit dalam sesuatu masyarakat kebapaan — “dan pada penghujungnya seperti hari yang pahit,” suatu hari tanpa harapan. Begitulah kelakinya pengadilan Allah atas umatnya, Israel.

Suatu hal yang lebih menyengat, dan tentu sahaja lebih ironik, ialah kata-kata yang menyusul: ‘Sesungguhnya, waktu akan datang,” demikianlah firman Tuhan Allah, “Aku akan mengirinkan kelaparan ke negeri ini, bukan kelaparan akan makanan dan bukan kehausan akan air, melainkan akan mendengarkan firman Tuhan’ (8:11). Secara berterusan, Israel memang mengetepikan sesetengah bahagian daripada firman Tuhan yang diturunkan kepada mereka selama berabad-abad sebelum itu, dan memekakkan telinga terhadap firman yang disampaikan melalui para nabi. Maka, bagi kalangan umat yang menjauhi firman Allah, Dia akan menarik balik segala firman-Nya itu. Akan berlaku kemarau firman Allah di bumi itu.

Mungkin pada mulanya, Israel mungkin tidak menyedari perbezaannya atau berasa bimbang akan hal itu. Tetapi pada hari terakhir pengadilan yang memusnahkan itu, apabila segala-galanya telah tunggang terbalik kerana pergolakan hebat yang berlaku itu, tiba-tiba mereka akan menyedari betapa mereka perlu kembali kepada firman Allah. Ini pun sebagai usaha yang terdesak lagi terakhir demi membetulkan diri mereka dengan-Nya. Namun

begitu, semuanya telah terlambat sebab firman Tuhan sudah dibawa pergi! Tuhan telah menutup mulut-Nya dan menutup mulut para nabi-Nya. Dia membisu dan pada ketika itu sudah memang terlambat untuk mencari firman-Nya.

Memang amat wajar sekali hukuman itu bagi kalangan umat yang telah memekakkan telinga masing-masing daripada mendengar firman Allah, tetapi betapa menakutkan gambaran pada penghujung itu iaitu apabila semuanya telah terlambat, yang gagah dan kuat sekalipun akan menderita. Walaupun umat mencari sampai ke hujung-hujung dunia pun, mereka tidak akan menemui firman Allah lagi. Maka: “Mereka akan mengembara dari laut ke laut dan menjelajah dari utara ke timur” (8:12) — seluruh dunia dilingkungi di sini. Mereka tidak akan menjumpainya. “Mereka akan lari mundur-mandir ke sana dan ke mari mencari ...”.

Gagasan di sini adalah berkenaan umat yang berlari tanpa arah tujuan, dalam keadaan terdesak yang mungkin anda pernah rasa apabila segala-galanya yang sedang bertaburan di sekeliling anda. ‘Pada hari itu akan rebah lesu anak-anak dara yang cantik dan anak-anak teruna kerana haus’ (8:13) itu merujuk kepada kalangan yang muda yang yakinkah masih ada masa depan? Mereka merebah bukan kerana kekurangan air tetapi kerana kekurangan firman Allah sebab pada akhirnya, yang pasti, kehidupan sebenar bukan hanya atas adanya roti sahaja atau atas adanya air, tetapi dengan adanya Firman Allah daripada mulut-Nya. Apabila firman Allah ditarik balik, tidak akan ada kehidupan lagi.

Diterapkan juga pengadilan yang sama atas dijatuhkan atas para umat yang secara terang-terangan, mereka yang menyembah patung-patung berhala dan tuhan-tuhan warga Kanaan. Jadi “mereka yang bersumpah demi Asima, dewi Samaria” (8:14) — berkemungkinan Ashimah ialah nama tuhan mereka atau berhala

mereka yang diadakan di bandar raya yang menjadi ibu negara — tiada masa depan bagi para penyembah berhala itu. Bagi mereka yang pergi ke utara kerajaan, ke Dan lalu bersumpah atas nama tuhan atau berhala mereka di situ, mereka juga tidak mempunyai masa depan. Maka bagi mereka yang pergi ke selatan, malah turut menziarahi Bersyeba demi menyembah berhala mereka, tiada masa depan bagi mereka juga. Dari Dan ke Bersyeba, malah sepenuhnya bumi itu, tiada masa depan lagi. Seperti perkataan akhir bab ini, “mereka itu akan rebah dan tidak akan bangkit-bangkit lagi” (8:14).

## Menghadapi Pengadilan

Hari Pengadilan kelak merupakan hari yang ganas lagi menakutkan, dan kita sebagai umat Kristian harus hidup dalam ketakutan kerana menjangka serta menantikannya. Bab ini sepatutnya membuat kita menjadi sedar akan (kewujudan) Hari itu. Namun begitu, bagaikan mengimbangi hakikat itu, bagaikan ada rasa naluri bagaikan Hari itu sudah pun berlalu. Memang ada pemerian sedemikian oleh kata-kata ini: “Aku akan membuat matahari terbenam pada siang hari dan membuat bumi gelap pada hari cerah” (8:9).

Adakah itu sudah pun berlaku? Bilakah langit menjadi gelap selama tiga jam ketika tengah hari? Bukankah itu pada Hari Jumaat Agung yang pertama sekali? Pada detik dan ketika Yesus tergantung di kayu salib, itulah detik pengadilan Allah diselenggarakan. Sebab pada hari tersebut 2,000 tahun yang lalu, hukuman dijatuhkan atas segala dosa kita dan pengadilan Allah dilaksanakan. Pada hari itu, pengadilan atas segala dosa kita ditanggung oleh Juruselamat kita di atas kayu salib di Kalvari itu.

Memang benar bahawa pada suatu hari kelak kita akan berhadapan dengan takhta pengadilan Allah, dan di hadapan-

Nya, kita tidak mampu berdiri atas dan menurut kata-kata kita sendiri. Kita tidak akan mampu berdiri untuk berkata, “Aku telah berjaya. Telah aku lakukannya dengan caraku sendiri. Aku berjaya mencapainya.” Kerana semua orang telah berbuat dosa dan kehilangan kemuliaan Allah di dalam kehidupan kita.

Namun begitu tetap ada pembebasan pada hari itu. Akan ada pengumuman ketakbersalahan bagi kalangan umat yang beriman pada kematian Yesus Kristus. Umat Tuhan yang percaya sepenuhnya dan beriman kepada Yesus dan hakikat bahawa Dia telah menanggung pengadilan Allah atas diri-Nya bagi segala dosa kita, akan didapati tidak bersalah pada Hari itu kelak dan segala dosa mereka diampuni. Hanya tatkala iman kita dengan sepenuhnya diletakkan pada Yesus Kristus, Juruselamat kita, barulah kita mampu berdiri di hadapan takhta Allah pada hari yang hebat serta dahsyat itu.

Sabda Amos sepatutnya membawa kita terus kepada Kristus, dan kepada kayu salib. Sabdanya yang tidak henti-henti menyatakan mengenai pengadilan dalam kesemua lapan bab ini seharusnya mendorong kita pergi menghadap takhta belas kasihan Tuhan agar kita memahami bahawa pengadilan Tuhan atas dosa-dosa kita sudah pun dijalankan, dan segala dosa kita telah dihapuskan oleh Dia yang berteriak, “Allahku, Allahku, mengapa Engkau meninggalkan Aku?” (Markus 15:34). Perkataan itu dilaungkan dengan suara yang lantang sebab Yesus telah menanggung beban pengadilan itu bagi pihak kita. Maka di situlah, dalam kematian-Nya itulah, kita dapati dosa-dosa kita diadili dan, oleh Tuhan Maha Suci yang sama jugalah, dosa-dosa kita diampuni.

Maka bagi kita yang ada pada hari ini, inilah waktunya untuk mempedulikan firman Allah. Inilah waktunya untuk memberi perhatian kepada-Nya. Jikalau anda belum lagi melakukannya, inilah waktunya, untuk anda meletakkan kepercayaan serta

keyakinan anda pada kematian Yesus Kristus untuk diri anda — yang sanggup menerima pengadilan bagi pihak anda dan memberikan kepada anda pengampunan atas dosa-dosa anda sendiri. Ya, sekarang inilah waktunya — sebelum terlambat! Kini, sebelum tamat tempoh kesabaran Allah terhadap anda, sebelum Dia menarik balik firman-Nya, sebelum Dia membisukan diri.



# 9

.....

## Biarpun Samar-Samar, Harapan Tetap Ada

(Amos 9:1-15)

**L**alu mereka hidup bahagia selama-lamanya. Memang 'indah sekali' jika begitulah keadaannya sentiasa. Memang kita menyukai kisah yang berakhir dengan kegembiraan di mana sudah tiada lagi masalah, kacau-bilau, bencana, ketakutan dan kesangsian. Kita menyukai filem yang membuat kita berasa senang hati sebab setelah itu kita terfikir, "Ya, aku berasa senang hati tentang diriku sendiri dan tentang kehidupan ini." Faktor berasa senang hati ini memang menjadi faktor pelaris bagi banyak filem dan cerita. Ia juga perkara penting bagi ramai orang yang datang ke gereja — mereka berkeinginan untu berasa senang hati tentang kehidupan, tentang Allah dan keadaan secara umumnya.

Kitab Amos sama sekali tidak membuat kita merasa senang hati. Tak sangka lagi, ramai daripada anda, yang membaca sampat takat ini, amat berminat untuk segera menghabiskan bacaan ini. Sungguh bahayalah kalau kita cuma memberikan perhatian kepada kata-kata yang memberikan rasa selesa dan penenteraman, maka kita akan didodoikan hingga kita menyangka bahawa kita selamat walhal sebenarnya tidak begitu. Itulah keadaan apabila Amos meneguri para umat yang menyangka mereka memang selamat. Mereka terkejut apabila pada penghujung kitab ini tidak

terhenti-henti mencurahkan mengenai kekelaman, ajal maut dan pengadilan, walaupun ada perkataan yang ketara memberikan harapan. Memang tidak dijangka sama sekali bahawa daripada catatan bahawa abu pembinasaan sentiasa meningkat dan memuncak selama tempoh lapan bab sebelum ini, muncul gambaran yang menghairankan mengenai harapan yang gilang-gemilang yang mendatang. Walau bagaimanapun, sebelum kita sampai ke ayat-ayat yang menyeronokkan serta mengagumkan itu, terlebih dahulu kita perlu melihat kepada bahagian separuh pertama Bab 9 ini, di mana sabda Amos mengenai pengadilan dan duka nestapa yang diteruskannya.

## **Penglihatan tentang Allah: Tiada Cara untuk Melepaskan Diri**

Amos bermula dengan satu lagi penglihatan — penglihatan yang kelima di dalam kitab ini. Penglihatannya kali ini sesuatu yang lebih bermakna. Ini bukan lagi penglihatan berkenaan belalang juta atau api, seutas tali sipat atau sebakul buah-buahan. Kini, penglihatannya adalah mengenai Allah sendiri — bukannya Allah seperti lembaga Santa Klaus, tetapi Allah yang mencuar tinggi di atas mazbah. Petikan ini menyatakan 'dekat mazbah' (9:1), tetapi secara harafiah kata depan itu juga ialah 'di (sebelah) atas' mazbah. Amos mendapat penglihatan tentang tempat suci di Betel, iaitu pusat masyarakat kalangan beragama dalam kerajaannya. Dia melihat Allah di atas mazbah — suatu lembaga pengadilan yang mengancam, dan menjulang tinggi berdiri di sana. Allah yang mengatasi mazbah, iaitu Dia yang merupakan panglima besar bala tentera yang amat berkuasa itu. Itulah Tuhan yang dilihat Amos, yang berfirman dan memberi arahan kepada para malaikat — jika tidak kepada bala tentera atau negara yang menentang Israel.

Allah ini mengeluarkan arahan untuk pembinasaan — bermula dengan tempat di mana para umat Allah mengharap ada keselamatan dan perlindungan, iaitu di tempat penyembahan mereka. Di setiap rumah pengadilan bermula. “Pukullah hulu tiang dengan keras, sehingga ambang-ambang bergoncang” (9:1); yang mana ‘hulu tiang’ ialah bahagian atas sekali tiang yang menyangga bangunan tempat penyembahan. Firmannya: “Pukullah hulu tiang dengan amat kuat sekali sehingga bergoncangan ambang-ambang, iaitu batu-batu pada asas kaki yang dipijak-pijak oleh umat dalam tempat penyembahan itu. Itu memang gambaran fenomena gempa bumi — bukan dari bawah ke atas, tetapi dari atas ke bawah, daripada Allah ke bawah yakni menimpa atas para umat. Pengadilan berupa gempa bumi itu begitu teruk hinggakkan arahan-Nya adalah untuk “memecahkan hingga berkecai kepala-kepala semua umat.” Kalangan yang berkumpul untuk memberi hormat atau bersembahyang di tempat penyembahan itu akan termusnah apabila runtuh bangunan tempat suci itu terjatuh ke atas mereka. Itu memang gambaran yang dahsyat!

Anda ingat bukan siapakah para umat itu. Sudah berkali-kali Amos mengecam dan menyelar kalangan umat yang amat alim dalam negara itu, sebab mereka memperagakan kesalihan mereka untuk tontonan umum tetapi mereka tidak mengamalkannya dalam kehidupan seharian mereka. Maka kini tibalah pengadilan yang Allah sendiri menimpa ke atas mereka.

Seandainya gempa bumi sahaja tidak memadai, maka gempa akan diikuti oleh pedang, barangkali bala tentera musuh dari negara lain. Kita tahu bahawa 20 atau 30 tahun selepas firman Amos itu, para warga empayar Asyur telah menakluki Israel, iaitu para umat Allah. “Dan sisa-sisa mereka akan Kubunuh dengan pedang; tidak seorang pun daripada mereka akan dapat melarikan diri, dan tidak seorang pun daripada mereka akan dapat

meluputkan diri” (9:1). Itulah penekanan dalam ayat-ayat ini. Tiada sesiapa yang mampu lari daripada pengadilan Allah. Ayat-ayat 2 hingga 4 menyatakan kemungkinan beberapa cara mereka akan melarikan diri daripada pengadilan Allah tetapi tiada satu pun yang berkesan atau berjaya sebab Allah memang wujud di kesemua tempat. “Sekalipun mereka menembus sampai ke dunia orang mati (iaitu Sheol).” Pengertian kalimah itu sekadar hiperbola sahaja, sebab sudah tentu mustahil menggali sampai ke “Sheol” iaitu dunia orang mati. Sekalipun ada sesiapa yang menggali sampai jauh sekali di bawah tanah hingga mereka betul-betul sampai ke tempat orang mati: “tangan-Ku akan mengambil mereka dari sana,” firman Allah. Jadi memang mustahil dapat melepaskan diri daripada dunia orang mati.

Dan “sekalipun mereka naik ke langit” itu juga mustahil. Sekalipun mereka naik ke langit, “Aku akan menurunkan mereka dari sana.” Mereka “bersembunyi di puncak Gunung Karmel”, sebuah gunung utama di Israel, di mana penyembahan terhadap tuhan-tuhan lain dilakukan. Elia, nabi pada seratus tahun sebelum zaman Amos, berkonfrontasi besar dengan para nabi Baal di Gunung Carmel. Mungkin juga para umat menyangka bahawa atas sebab Carmel ialah sebuah pusat keagamaan, tentu sekali ia selamat. Amos bersabda bahawa jika kamu melarikan diri dari sana pun, kamu tetap tidak dapat melepaskan diri. “Aku akan mengusut dan mengambil mereka dari sana; sekalipun mereka menyembunyikan diri terhadap mata-Ku di dasar laut ...” Sekali lagi, secara harafiah, hal itu memang mustahil, tetapi bercakap secara hiperbola, dari sana pun Allah tetap dapat bertindak. Tidak ada cara untuk melarikan diri daripada pengadilan Allah, sebab Dia “akan memerintahkan ular untuk memagut mereka di sana” (9.3).

Apa yang telah berlaku sebaik sahaja selesai sabda Amos itu ialah ketibaan warga Asyur yang datang lalu mengambil para

pemimpin umat dan membawa mereka ke dalam pembuangan, lalu memaksa mereka mendiami tempat-tempat lain dalam kerajaan warga Asyur. Namun itu juga tetap tidak dapat melepaskan mereka itu daripada pengadilan Allah: “Sekalipun mereka berjalan di depan musuhnya sebagai orang tawanan, Aku akan memerintahkan pedang untuk membunuh mereka di sana. Aku akan mengarahkan mata-Ku kepada mereka untuk kecelakaan dan bukan untuk keberuntungan mereka” (9:4). Memang tiada cara untuk melarikan diri daripada Allah dan memang tiada tempat di luar jangkauan kekuasaan-Nya atau yang terselamat daripada pengadilan-Nya.

## **Melakukan Gita atau Mazmur Pujaan**

Ramai antara kita suka menghafal firman yang memberikan keselesaan serta jaminan daripada Bab 8 Kitab Roma, yang juga sering digunakan dalam upacara pengubatan: Paulus cukup yakin ‘bahawa baik maut, mahupun hidup, baik malaikat-malaikat, mahupun pemerintah-pemerintah, baik yang ada sekarang, mahupun yang akan datang, atau kuasa-kuasa, baik yang di atas, mahupun yang di bawah, ataupun sesuatu makhluk lain, tidak akan dapat memisahkan kita dari kasih Allah, yang ada dalam Kristus Yesus, Tuhan kita’ (Roma 8:38-39). Isi firman ini memang meyakinkan kita bahawa tiada tempat yang boleh kita pergi sampai kita terpisah daripada Allah. Tuhan Allah sentiasa ada walau di mana sahaja kita pergi dan dalam apa sahaja suasana yang mungkin kita hadapi. Allah tidak akan membiarkan kita dan tidak akan meninggalkan kita.

Israel purba tentunya juga memazmurkan pujian yang serupa yang menegaskan betapa Allah sentiasa bersama-sama mereka: “Allah itu bagi kita tempat perlindungan dan kekuatan” (Mazmur 46:1). Kitab Zabur atau Mazmur memang penuh dengan puji-

pujian tentang Allah yang sentiasa hadir bersama-sama para umat-Nya tidak kira bagaimana jua keadaannya. Tersirat di sebalik kebaikan kehadiran-Nya itu ialah hakikat bahawa kita juga tiada tempat untuk melarikan diri daripada pengadilan-Nya. Jika di mana pun kita berada, Allah memberikan kita keselesaan kehadiran-Nya maka hal yang sama mesti diterapkan dalam hal pengadilan-Nya atas kita biar ke mana pun kita pergi dan di mana jua kita berada.

Amos mungkin memetik salah sebuah mazmur pujian yang umat Israel mungkin nyanyikan: sebuah mazmur pujian yang menyatakan kuasa berdaulat Allah dan yang berprihatin terhadap umatnya dan berada bersama-sama umatnya, serta berkuasa atas segala-galanya dalam semua yang diciptakan-Nya (9:5-6). Tetapi Amos mengambil dan mencampakkan mazmur pujian itu balik ke muka-muka mereka sama seperti yang dilakukannya dalam 5:8-9. Sungguhpun firman yang Amos petik itu menyatakan tentang kuasa Allah, Amos menggunakan firman itu bukan untuk memberikan keselesaan tetapi sebaliknya firman itu digunakannya dalam konteks pengadilan Allah. Apabila Amos mengutip mazmur pujian itu, hujah yang disampaikan itu bukan untuk menenteramkan Israel dengan hakikat bahawa kuasa Allah memang mengatasi segala-galanya, tetapi untuk memberi amaran kepada Israel bahawa mereka tiada tempat untuk melepaskan diri daripada pengadilan Allah. Allah sentiasa ada, baik di syurga, di dunia, di lautan, malah di mana-mana sahaja — Allah sentiasa ada. Maka bagaimana kamu boleh menyanyikan lagu seperti itu dan berfikir bahawa kamu kebal daripada pengadilan Allah? Bagaimana boleh kamu melagukan kedaulatan kuasa Allah dan menyangka kamu boleh melepaskan diri daripada-Nya? Memang anda tidak boleh lari daripada-Nya: itu langsung tidak masuk akal.

Lantaran kita telah membaca kitab Amos, memang kita tertarik untuk menyangka atau berfikir bahawa Dia bukan bersabda

kepada kita. “Saya bukanlah seperti para umat Israel iaitu pendengar sabda Amos. Sabda Amos itu sudah berusia 2,700 tahun; ia bukan untuk saya; sabdanya bahan lama dan tidak lagi ada kena mengena dengan saya. Dia bersabda kepada orang lain, tetapi bukan kepada saya.” Wah, bahaya besar jika kita juga amat bersedia dan mudah sangat menyangkal sabda Amos, sebab Israel purba juga bertindak balas sebegitu. Fikir mereka, “Dia bukannya bersabda kepada aku; isi sabdanya untuk diterapkan oleh orang lain yang di luar sana; bukan di sini.” Memang Amos bagaikan memetik apa yang dikatakan oleh orang lain sebagai tindak balas kepada sabdanya. Dia memerikan para umat sebagai “orang berdosa” (9:10) sebab mereka berkata, “Malapetaka itu tidak akan menyusul dan tidak akan mencapai kami.” Kita selamat. Kita kebal, Amos bukannya bersabda kepada kita. Mungkin kita memang berharap bahawa Amos tidak bersabda kepada kita!

## **Harta Benda Yang Sangat Berharga?**

Dalam asas-asas hujah, umat Israel mengaku menjadi umat istimewa Allah dan pada hakikatnya hal ini terjadi beratusan tahun yang lalu. Allah telah menyelamatkan umatnya itu daripada Mesir dan membawa mereka melalui daerah gersang selama 40 tahun lalu masuk ke bumi yang dijanjikan. Jika Allah telah melakukan sedemikian untuk para umatnya, dan sebab Dia telah menggelar mereka sebagai “Harta kesayangan-Nya ... kerajaan imam dan bangsa yang kudus” (Keluaran 19:5-6), dan antara lain-lain bangsa, umat-Nya itu memang istimewa, maka sudah tentu mereka itu kebal daripada pengadilannya? Namun begitu, bahayalah bagi mereka untuk berasa yakin bahawa mereka pasti selamat. Isi sabda Amos memang menghairankan: “Bukankah kamu sama seperti orang Etiopia bagi-Ku, hai orang Israel? demikianlah firman TUHAN” (9:7). Memang tidak, maka umat

Israel akan berkata, kami berbeza. Kami adalah umat pilihan Allah; mereka bukan umat pilihan!

“Bukankah Aku telah menuntun orang Israel keluar dari tanah Mesir?” (9:7). Ya, tentu sahaja Engkau yang melakukan itu. Itulah yang membuatkan kami begitu istimewa. “Dan orang Filistin dari Kaftor (nama purba bagi Pulau Crete) dan orang Aram dari Kir (sebuah tempat di Mesopotamia)?” demikian juga warga Aram dan warga Syrian yang bernegarakan Damsyik. Amos sedang bersabda apa yang telah dilakukan oleh Allah untuk Israel, adalah sama dengan apa yang telah dilakukan-Nya bagi warga Filistin dan juga warga Aram, malah warga Etiopia juga. Yang dimaksudkan oleh sabda Amos itu ialah, “Israel, kamu tidak sebegitu istimewa hinggakan kamu kebal daripada pengadilan Allah. Adakah hanya kerana Dia membawa kamu keluar dari bumi Mesir ke bumi yang dijanjikan yakni di bawah kepimpinan Musa, dan hanya kerana Dia menyebut kamu sebagai umat pilihan dan milik yang istimewa, itu tidak bererti bahawa kamu kebal dan terselamat daripada pengadilan Allah. Apabila kamu berkata bahawa “malapetaka itu tidak akan menyusul dan tidak akan menjangkau kami, “kamu tersilap, wahai Israel.” Kita perlu berhati-hati supaya kita tidak memiliki ‘rasa selamat yang palsu’ dalam Tuhan lantas berfikiran, “Yesus wafat, oleh itu aku o.k.” Atau, “Aku telah dibaptiskan maka aku o.k.” Atau, “Aku telah dikuatkan maka aku o.k.” Itulah beberapa jenis pemikiran salah umat Israel yang dicela di sini. Bahayanya bagi anda dan saya kalau kita berpaut pada perkara yang tidak betul sebagai jaminan bahawa kita diberkati Allah.

## **Harapan Yang Amat Menghairankan**

Israel menyalahgunakan kedudukan istimewa mereka sebagai umat istimewa Allah dengan melayani fikiran bahawa mereka

kebal daripada pengadilan oleh itu, mereka tidak perlu menjalani kehidupan yang kudus. Maka bersabdalah Amos: “Sesungguhnya, Tuhan Allah sudah mengamati-ramati kerajaan yang berdosa ini: Aku akan memunahkannya dari muka bumi!” (9:8). Mungkin buku ini patut diakhiri di sini sahaja, dan tentunya itu akan menjadikan buku ini sebagai pengisahan yang hebat mengenai nasib celaka sesetengah umat Allah. Apa tidaknya, lapan setengah bab yang terisi dengan kisah ajal maut yang tidak terhenti-henti dan ugutan bahawa pengadilan akan dijalankan terhadap umat yang memang bersalah dan yang suka sangat memberontak dan melawan.

Tetapi ayat 8 tidak berhenti setakat itu sahaja. Separuh kedua ayat itu memang satu kejutan bagi mereka yang telah membaca kitab Amos dari mukadimahnyanya lagi: “Sesungguhnya, Tuhan Allah sudah mengamati-ramati kerajaan yang berdosa ini: Aku akan memunahkannya dari muka bumi! Tetapi Aku tidak akan memunahkan keturunan Yakub sama sekali,” demikianlah firman Allah.” Jika memang kita telah membaca daripada permulaan kitab ini lagi, pasti kita telah berfikir bahawa Allah tentu akan benar-benar menghakimi umat-Nya! Tetapi kini muncul pula benih harapan ini!

Saya pernah dengar kisah seseorang yang menerima panggilan telefon di tempat kerjanya untuk pulang ke rumahnya dengan serta merta sebab ada masalah di sana. Dia pulang dengan memecut laju lalu terlihat beberapa buah kereta polis di luar rumahnya. Dengan gugup gementar melanda jantungnya, berjalanlah dia ke pintu rumahnya di mana berdiri seorang polis. Adakah keluarganya telah terbunuh? Tampak jelas yang rumahnya tidak hangus terbakar, tetapi adakah kesemua harta-bendanya telah dirompak? Anggota polis itu berkata, “Silakan masuk, tuan,” lalu membuka pintu itu ... maka dengan serentak kesemua rakannya yang berada di dalam rumah menjerit, “Selamat Hari Jadi!”

Luar biasa sekali kejutan harijadi itu! Tetapi dari satu segi, kejutan yang sama sedang berlaku di sini. Kita menjangkakan (balasan) yang paling teruk tetapi apabila kita sampai ke bahagian tengah Amos 9, anda akan berfikir, “Memang inilah dia. Sudah tiada langsung harapan bagi kalangan umat itu. Habislah mereka!” “Kecuali Aku tidak akan memunahkan keturunan Yakub, demikianlah firman Tuhan.” Ini begitu menghairankan hinggakan pada hemat ramai penulis serta sarjana, bukan Amos yang melafazkan perkataan tersebut. Mungkin juga bahagian ini ditambah kemudian, malah mungkin ratusan tahun kemudiannya. Biarpun saya memahami kenyataan ini sifat yang tak disangka-sangka, pandangan bahawa ia ditambah kemudian, agak sempit sebab setiap nabi ada kata-kata pengharapan bersama-sama sabda pengadilan atau penghakiman. Tentu saja Amos akan dianggap unik jika beliau berhenti sahaja pada pertengahan ayat 8 dan itu jugalah bahagian terakhir kitab itu. Juga, para nabi, secara selaras memberitakan pengharapan yang menyusul pengadilan. Itu juga sesuai dengan watak Allah, sebab kata “Tamat!” tidak pernah menjadi firman terakhir-Nya. Dalam perkataan terakhir Allah senantiasa ada harapan, dan Amos meneruskan sabdanya dengan memberi pemerian bagi harapan itu. Dia berbuat demikian sebab dia nampak penglihatan di mana Allah ialah tukang masak.

Allah ialah ‘tukang masak’ yang mengayak tepungnya, mengasingkan tepung yang berketul-ketul dan bendasing lalu tepung yang baik ditapis keluar. “Sebab sesungguhnya, Aku memberi perintah, dan Aku mengiraikan kaum Israel di antara segala bangsa, seperti orang mengiraikan ayak, dan sebiji batu kecil pun tidak akan jatuh ke tanah” (9:9). Segala barang baik melepasi ayakan disimpan dan dikekalkan, tetapi segala bendasing, batu-batu kerakal yang kecil, ketulan tepung dan kotoran terperangkap di dalam pengayak pengadilan akan dimusnahkan.

Maka para pendosa tidak akan terlepas: “Oleh pedang akan mati terbunuh semua orang berdosa di antara umat-Ku yang mengatakan: Malapetaka itu tidak akan menyusul dan tidak akan mencapai kami” (9:10). Gambaran harapan hanya sah bagi kalangan yang melewati pengayakan di dalam ayat-ayat terakhir bab ini.

“Pada hari itu Aku akan mendirikan kembali pondok Daud yang telah roboh; Aku akan menutup pecahan dindingnya, dan akan mendirikan kembali reruntuhannya; Aku akan membangunkannya kembali seperti pada zaman dahulu kala” (9:11). Ungkapan “pondok Daud” ialah rujukan kepada raja yang terdahulu yang hidup lebih daripada 200 tahun sebelum era. Daud memang seorang raja yang hebat dan para umat Allah memang begitu bersatu di bawah pemerintahannya. Sewaktu zaman Amos, keadaannya tidak begitu, kerana waktu itu kerajaan itu tidak bersepakat. ‘Pondok Daud’ mungkin cara menghina untuk menyebut dinasti atau wangsa Daud. Tetapi Amos tetap memandang ke hadapan lalu menjanjikan hari apabila seluruh umat Allah akan bersatu semula di bawah pemerintahan seorang raja keturunan Daud. Itu ialah janji bahawa akan ada raja keturunan Daud yang akan bertakhta dan memerintah kalangan umat Allah. Memang hal itu penting sebab semenjak pemerintahan Raja Sulaiman iaitu putera (Raja) Daud, kerajaan utara yang menjadi sasaran sabda Amos sebab langsung tiada raja daripada keturunan Daud.

Malahan lebih daripada itu, ayat ini menjanjikan penguasaan dunia oleh para umat Allah... ‘supaya mereka menguasai sisa-sisa bangsa Edom dan segala bangsa yang Kusebut milik-Ku,’ demikianlah firman Tuhan yang melakukan hal ini’(9:12).

Maka akan terbina semula sebuah kerajaan yang maha hebat, tetapi lebih daripada itu, ia akan menjadi sebuah kerajaan yang

penuh dengan kemakmuran. “Sesungguhnya, waktu akan datang,” demikianlah firman Allah, “bahwa pembajak akan tepat menyusul penuai dan pengirik buah anggur penabur benih; gunung-gunung akan meniriskan anggur baru dan segala bukit akan kebanjiran.” (9:13). Hasil tanaman akan melimpah ruah hinggakan penuaiannya akan mengambil masa yang sangat lama dan pada sewaktu lansainya urusan menuai itu, si pembajak sudah bersedia untuk menyediakan sawah ladang itu untuk tanaman seterusnya. Begitu pantas sekali tanaman bertumbuh dan membesar hinggakan kalangan yang menuai hampir-hampir memotong kalangan yang menabur benih.

Itu memang satu gambaran kesuburan pertanian yang terbaik, rahmat yang melimpah ruah, hasil tanaman yang di luar sangkaan, yang cepat membesar. Keadaan segala-galanya sedemikian hebat hinggakan gunung-ganang akan meleleh-lelehan wain (air anggur) yang manis, mungkin itu simpulan bahasa untuk mengungkapkan, “Engkau akan mengalami kelimpahan hasil tuaian dan wain serta anggur!”

Amos meneruskan sabda, “Aku akan memulihkan kembali umat-Ku Israel: mereka akan membangun kota-kota yang licin tandas dan mendiaminya; mereka akan menanam kebun-kebun anggur dan minum anggurnya; mereka akan membuat kebun-kebun buah-buahan dan makan buahnya.” (9:14). Itu memang kebalikan bagi pengadilan sebagaimana dalam Bab 5 sebelum ini. Kalangan umat yang menanam akan menikmati hasil jerih mereka. Kerja keras dan cucuran keringat mereka di tanah ladang masing-masing akan menghasilkan kelimpahan hasil tanaman dan bukan kesia-siaan. Tambahan pula, keadaan itu akan berkekalan. “Maka Aku akan menanam mereka di tanah mereka, dan mereka tidak akan dicabut lagi dari tanah yang telah Kuberikan kepada mereka,” firman Tuhan, Allahmu.” (9:15).

## Allah akan Memulihkan

Bahagia penghujung kitab Amos ini gilang-gemilang sekali dan penuh harapan. Sebuah kerajaan yang bersatu semula, yang berjaya dibina semula, dipulihkan dan kembali daripada pembuangan. Inilah kerajaan yang berkuasa lagi makmur, berkelimpahan serta penuh dengan kegembiraan. Namun begitu biarlah kita betul-betul jelas mengapakah gambaran indah ini muncul pada penghujung kitab ini. Ini bukan semata-mata mengikut rumusan gaya sastra tulisan tertentu “dan mereka hidup aman damai dan bahagia untuk selama-lamanya.” Ini bukannya daya usaha Amos demi mempersembahkan faktor ‘rasa selesa dan seronok’ untuk meningkatkan hasil jualan kitabnya di kedai buku setempat. Ini juga bukan kisah jenis ‘tetap ada sinar harapan sekalipun pada awan nan gelap’ atau jenis buku yang menganjurkan ‘senantiasa fikirkan yang elok-elok sahaja’. Ini juga bukan ‘hanya angan-angan saja’.

Isi sabda Amos yang penuh harapan itu memang ada asas yang kuat lagi utuh, dan sesungguhnya asas itu ialah Allah. Punca sikap optimis pada penghujung kitab itu mengisahkan pada hakikatnya Allah adalah setia dalam hal pengotaan janji-janji-Nya. Segala-gala yang tersenarai di sini memang berpunca daripada janji-janji yang Allah lafazkan lebih awal lagi dalam sejarah alam ini. Allah telah berjanji kepada Raja Daud bahawa buat selama-lamanya, akan ada raja daripada susur galur Daud yang bertakhta atas para umat Allah (2 Samuel 7). Amos 9 ialah hasil daripada janji tersebut — Allah akan mendirikan kembali pondok Daud yang telah roboh. Sebelum Daud, di dalam Kitab Keluaran, Imamat, Bilangan dan Ulangan, Allah sudah berjanji kepada para umatnya menerusi Musa. Khususnya Ulangan 30:3 mengisytiharkan bahawa sesudah satu tempoh pembuangan dan pengadilan, “maka Tuhan, Allahmu, akan ‘memulihkan

keadaanmu” — ungkapan yang sama seperti dalam Amos 9:14. Kenyataan penuh harapan oleh Amos mengenai Allah membawa kemakmuran dan kelimpahan untuk umatnya itu berpunca daripada apa yang telah dijanjikan beratus-ratus tahun lebih dahulu. Tambahan pula, pada ketika lebih awal lagi pun Allah ada berjanji kepada Abraham, yang merangkumi tanah dan hakikat bahawa umat Allah merupakan rahmat bagi dunia ini (Kejadian 12:1-7). Inilah asas janji yang diberikan dalam Amos 9:12.

Amos bersabda bahawa Allah Maha Setia. Ketiga-tiga tokoh utama (bagi) janji-janji di dalam Perjanjian Lama — Ibrahim, Musa dan Daud — semuanya terangkum dalam janji kemuncak yang terdapat dalam kitab Amos. Malahan, di sebalik pengadilan dan juga di tengah-tengah pengadilan itu, Allah tetap mengotakan janji-janji-Nya, yang tidak akan digagalkan dan mustahil dapat digagalkan oleh sesiapa pun.

Hal yang sama ada berkaitan dengan kita juga, Paulus berkata, “Jadi bagaimana, jika di antara mereka ada yang tidak setia, dapatkah ketidaksetiaan itu membatalkan kesetiaan Allah? Sekali-kali tidak!” (Roma 3:3-4). Janji-janji Allah jauh lebih besar daripada segala kegagalan kita. Hal ini memang sesuatu yang memberikan keyakinan serta harapan kepada kita apabila kita gagal memenuhi harapan-Nya terhadap kita. Allah adalah benar, dan semua manusia pembohong, seperti ada tertulis: “Supaya Engkau dinyatakan benar dalam segala firman-Mu, dan menang, jika Engkau dihakimi.”

Maka terpulanglah kepada kita untuk menyoal: Bilakah kesemua itu akan terjadi? Sudahkah ia terlaksana? Atau adakah ia masih belum lagi terlaksana? Pada pendapat sesetengah pihak, itu sudah pun terlaksana apabila umat Allah kembali ke bumi masing-masing. Masalahnya pada hakikatnya di kalangan umat yang disasarkan oleh sabda Amos, tidak pernah kembali ke bumi asal mereka setelah mereka ditewaskan. Biarpun umat daripada

kerajaan selatan iaitu Yehuda memang kembali ke bumi mereka setelah tempoh pembuangan mereka pada abad keenam Sebelum Masehi. Namun, Israel tidaklah makmur, dan tidak diperintah oleh raja daripada keturunan Daud, maka janji itu belum terlaksana. Seseengah pihak berpendapat bahawa janji itu memang sudah terlaksana yakni dalam bentuk negara Israel moden yang tertubuh pada tahun 1948. Walau bagaimanapun itu tidak padan betul-betul (dengan janji-janji Tuhan) sebab tidak ada raja daripada susur galur Daud, tidak ada penguasaan dunia, dan kurang sekali umat yang kembali kepada Allah yang menepati pemerian Alkitab. Pendapat sedemikian juga tidak mengendahkan perkembangan janji-janji dalam Perjanjian Baru mengenai bumi dan raja, iaitu yang menyerlahkan Yesus sebagai sang raja yang kerajaannya merupakan syurgawi dan bukan dari bumi ini.

## **Digenapi Dalam Yesus**

Perjanjian Baru memberitahu kita janji itu digenapi dalam Tuhan Yesus. Dalam kitab Kisah Para Rasul 15:16-17, di Majlis Yerusalem, Rasul Yakobus memahami apa yang sedang berlaku sebab dia melihat Injil Yesus Kristus bukan sekadar sampai kepada orang Yahudi sahaja malahan turut sampai kepada orang bukan Yahudi juga. Yakobus melihat penyebaran Injil kepada orang bukan Yahudi, iaitu penyempurnaan segala sabda Amos. Melalui Kebangkitan Yesus Kristus dan Kenaikan-Nya ke syurga dan penyerahan Roh-Nya, nyatalah itulah Injil sesungguhnya untuk semua orang dari segala bangsa di semua tempat. Jelas, Injil tersebar kepada orang Yahudi dan bukan Yahudi menerusi Asia Minor yakni Anatolia, dan Yakobus melihat betapa masanya telah tiba dalam Yesus Kristus, Kerajaan keturunan Daud yang telah tumbang diangkat sebab Yesus memang daripada keturunan Daud, iaitu “Yesus Anak Daud.” Yesus Kristuslah yang membawa

keamanan dan kemakmuran yang sempurna. Tentu sahaja kemuncak janji itu ialah hari kepulangan Yesus ke dunia ini.

Tentu anda ingat lagi bagaimana gambaran harapan ini bermula dengan melukiskan Tuhan sebagai si tukang masak, yang mengekal yakni menyelamatkan segala yang baik dengan menyaring keluar bendasing yang tidak tulen lantas membinasakan Yang tidak baik. Harapan yang gilang-gemilang ini memang menanti kita setelah kita melalui pengadilan. Hanya dengan melalui penyaringan itu barulah kita bakal tiba kepada harapan bagi masa depan. Dengarkanlah firman Yesus Kristus sendiri mengenai hal ini:

Apabila Anak Manusia datang dalam kemuliaan-Nya dan semua malaikat bersama-sama dengan Dia, maka Dia akan bersemayam di atas takhta kemuliaan-Nya. Lalu semua bangsa akan dikumpulkan di hadapan-Nya dan Ia akan memisahkan mereka seorang dari pada seorang, sama seperti gembala memisahkan domba dari kambing, dan Ia akan menempatkan domba-domba di sebelah kanan-Nya dan kambing-kambing di sebelah kiri-Nya. Dan Raja itu akan berkata kepada mereka yang di sebelah kanan-Nya: Mari, hai kamu yang diberkati oleh Bapa-Ku, terimalah Kerajaan yang telah disediakan bagimu sejak dunia dijadikan." ... Dan Ia akan berkata juga kepada mereka yang di sebelah kiri-Nya: Enyahlah dari hadapan-Ku, hai kamu orang-orang terkutuk, enyahlah ke dalam api yang kekal yang telah sedia untuk Iblis dan malaikat-malaikatnya."

(Matius 25:31-34, 41)

Yesus Kristus ialah penyaringnya. Dialah yang mengasingkan antah daripada beras; bebiri daripada kambing — Tuan Hakim. Dialah yang menyempurna yakni memenuhi segala janji yang dinubuatkan oleh Amos. Seandainya anda bermasalah dalam hal melihat pengadilan sebagai suatu kemestian sebelum harapan boleh berkembang, maka anda akan ada masalah dengan Yesus Kristus, dan itu bukan sahaja berkaitan dengan Perjanjian Lama. Gambaran bagaimana Anak Manusia mengasingkan bebiri daripada kambing serupa dengan gambaran Amos tentang penyaring.

Jika benarlah iaitu Yesus sedang menyaring jiwa manusia di hadapan takhta pengadilan-Nya' (menurut kata-kata daripada gita puja *Battle Hymn of the Republic*) maka kita hanya ada satu sahaja yang mampu kita berikan iaitu: "O bergerak pantaslah wahai jiwaku, demi menjawab-Nya; bergembiralah o kakiku! Tuhan kami sedang melangkah maju."



# Bacaan Tambahan Yang Disyorkan

- Andersen, F I dan Freedman, D N, *Amos* (AB; Doubleday, 1989)
- Anderson, B W, *The Eighth Century Prophets* (Proclamation; Fortress, 1978)
- Auld, A G, *Amos* (OTG; Sheffield Academic, 1986)
- Clements, R, *When God's Kesabaran Runs Out* (Living Word; IVP, 1988)
- Craigie, P C, *Twelve Prophets* (DSB; Westminster, 1984, Vol 1)
- Evans, M, *Prophets of the Lord* (Paternoster, 1992)
- Hammershaimb, E, *The Book of Amos* (Blackwell, 1970)
- Hasel, G F, *Understanding the Book of Amos* (Baker, 1991)
- Hayes, J H, *Amos: His Time and His Preaching* (Abingdon, 1988)
- Heschel, A J, *The Prophets* (Harper, 1962, Vol 1)
- Hill, A E, *Hosea – Malachi* (Cornerstone Biblical Commentary; Tyndale, 2008)
- Hubbard, D A, *Joel and Amos* (TOTC; IVP, 1989)
- Limburg, J, *Hosea – Micah* (Interpretation; Yohanes Knox Press, 1988)
- Martin-Achard, R, *Amos and Lamentations* (ITC; Eerdmans/Handsel, 1984)
- Mays, J L, *Amos* (OTL; SCM Press, 1969)
- Motyer, J A, *The Day of the Lion* (BST; IVP, 1974)
- Niehaus, J J, 'Amos', in *The Minor Prophets* (ed. T E McComiskey; Baker, 1992, Vol 1)
- Paul, S M, *Amos* (Hermeneia; Fortress Press, 1991)
- Smith, B K & Page, F S, *Amos, Obadiah, Jonah* (NAC; Broadman Holman, 1995)
- Smith, G V, *Amos* (Mentor, 1999)
- Smith, G V, *Hosea, Amos, Micah* (NIVAC; Zondervan, 2001)
- Stuart, D, *Hosea – Jonah* (WBC; Word, 1987)
- Stuart, D, *Hosea – Jonah* (Word Biblical Themes; Word, 1989)
- Wolff, H W, *Joel and Amos* (Hermeneia; Fortress, 1977)

